



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2249]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) [Ruangan 2285]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B 34 [Ruangan 2400]

Jadual Kedua:

Maksud B. 1, B. 3, B. 8, B. 10, B. 12, B. 14, B. 49, dan B. 50 [Ruangan 2372]

Maksud B. 15 [Ruangan 2374]

Maksud B. 23 [Ruangan 2379]

Maksud B. 24 [Ruangan 2380]

Maksud B. 26 [Ruangan 2385]

Maksud B. 29 [Ruangan 2386]

Maksud B. 31, B. 32, B. 33 dan B. 35 [Ruangan 2400]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud B. 36 [Ruangan 2401]

Maksud B. 38, B. 39, B. 40, B. 43 dan B. 44 [Ruangan 2402]

Maksud B. 46 dan B. 47 [Ruangan 2403]

Maksud B. 52 [Ruangan 2404]

Maksud B. 54, B. 55, B. 56, B. 57 dan B. 60 [Ruangan 2405]

Maksud B. 61 dan B. 63 [Ruangan 2408]

Maksud B. 64 [Ruangan 2409]

Maksud B. 66 [Ruangan 2411]

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 2414]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980 [Ruangan 2296, 2344]

Jawatankuasa—

Maksud P. 20 [Ruangan 2374]

Maksud P. 22 [Ruangan 2376]

Maksud P. 23 [Ruangan 2379]

Maksud P. 24 [Ruangan 2380]

Maksud P. 25 [Ruangan 2381]

Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 2385]

Maksud P. 30 [Ruangan 2400]

Maksud P. 31 [Ruangan 2400]

Maksud P. 36 [Ruangan 2401]

Maksud P. 52 [Ruangan 2405]

Maksud P. 54, P. 55, P. 59 dan P. 60 [Ruangan 2406]

Maksud P. 61 [Ruangan 2408]

Maksud P. 65 [Ruangan 2410]

Maksud P. 66 [Ruangan 2411]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981 [Ruangan 2296, 2344]

Jawatankuasa—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 2372]

Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P. 21 dan P. 22 [Ruangan 2374]

Maksud P. 24 [Ruangan 2377]

Maksud P. 25 [Ruangan 2379]

Maksud P. 26 [Ruangan 2380]

Maksud P. 27 [Ruangan 2381]

Maksud P. 28 dan P. 29 [Ruangan 2385]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud P. 30 [Ruangan 2386]

Maksud P. 31 [Ruangan 2386]

Maksud P. 32 [Ruangan 2400]

Maksud P. 33 dan P. 36 [Ruangan 2400]

Maksud P. 38 [Ruangan 2402]

Maksud P. 41, P. 42 dan P. 45 [Ruangan 2402]

Maksud P. 47, P. 48 dan P. 49 [Ruangan 2403]

Maksud P. 50 [Ruangan 2404]

Maksud P. 51 dan P. 52 [Ruangan 2405]

Maksud P. 53 hingga P. 59 [Ruangan 2406]

Maksud P. 60, P. 61 dan P. 62 [Ruangan 2408]

Maksud P. 63 [Ruangan 2409]

Maksud P. 64 [Ruangan 2410]

Maksud P. 65 [Ruangan 2411]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2343]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)**.

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu)**.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)**.

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)**.

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)**.

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)**.

„ Menteri Luar Negeri, **Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu)**.

„ Menteri Pelajaran, **DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis)**.

„ Menteri Kewangan, **Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan)**.

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)**.

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut)**.

„ Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai)**.

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut)**.

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)**.

„ Menteri Pertanian, **DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu)**.

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N, S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Kimanis).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut)
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDUN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RANCANGAN KURIKULUM 3M

1. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa dengan adanya rancangan kurikulum 3M yang dimulakan di dalam tahun 1983, adakah ini bermakna adanya terdapat kelemahan dari segi perancangan pendidikan di masa yang lepas, menyebabkan kurikulum yang ada "kurang memberi perangsang" bagi murid untuk belajar, dan apa pulakah jaminan bahawa sistem yang baru ini tidak akan menjadikan murid-murid sebagai bahan "percubaan" dan juga akan menjadi mangsa kepada sistem yang belum dicuba dan belum tentu akan kejayaannya itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, terdapat beberapa gejala bersabit dengan kurikulum sekolah rendah pada masa ini. Di antaranya ialah kurikulum sekolah rendah sekarang bersifat pendidikan umum yang lebih memberatkan pelajaran akademik dari pendidikan asas. Kandungannya pula terlalu padat jika dibandingkan dengan peruntukan masa yang diberi. Gejala ini telah menyebabkan semua murid terpaksa mempelajari isi pelajaran yang begitu banyak sedangkan setengah daripada mereka itu belum menguasai kemahiran asas dengan kokohnya. Yang dimaksudkan oleh Ahli

Yang Berhormat dengan kurikulum sekolah rendah sekarang "kurang memberi perangsang" bagi murid untuk belajar adalah ditujukan kepada mereka yang kemahiran asasnya belum kokoh.

Perlu ditegaskan bahawa pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah yang berteraskan 3M ini tidak akan menjadikan murid-murid sebagai mangsa kerana kandungan kurikulum itu telah pun dicubakan di sekolah-sekolah sejak beberapa tahun yang lalu. Percubaan secara menyeluruh akan dijalankan di 300 buah sekolah di seluruh negara dalam tahun 1982 untuk melihat masalah-masalah yang mungkin timbul dari segi pelaksanaannya dan juga untuk menentukan apa-apa pengubahsuaian yang didapati perlu sebelum kurikulum baru ini dilaksanakan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dalam Dewan ini, untuk menjamin supaya program ini dapat kejayaan yang dikehendaki apakah persediaan-persediaan yang telah dibuat setakat ini untuk pelancaran 3M ini.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, di antara persediaan yang telah dijalankan bagi menjamin kejayaan kurikulum baru ini ialah dengan kita mengadakan perbincangan dengan begitu teliti dengan golongan para pendidik di dalam negara ini untuk mendengar pandangan-pandangan mereka bukan dari segi sama ada kurikulum ini patut dijalankan ataupun tidak tetapi untuk membincangkan ciri-ciri dan konsep-konsep yang terkandung dalam kurikulum baru ini supaya kurikulum ini dapat dimantapkan lagi.

Selain daripada itu, kita juga sedang hebat menjalankan kursus-kursus dengan pihak

guru-guru untuk mengorientasikan pemikiran dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru-guru, dan selain daripada itu juga, pihak Biro Buku Teks sedang menyediakan bahan-bahan untuk diubahsuaikan bagi pelaksanaan kurikulum baru ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya kurikulum 3M ini setahu saya telah pun wujud di dalam perancangan pelajaran kita semenjak 10 atau 15 tahun dahulu. Cuma saya ingin tahu, apakah perbezaan yang besar ataupun yang hendak dititikberatkan di dalam 3M yang baru diisytiharkan ini jika kita bandingkan di dalam method of teaching yang lama iaitu yang telah pun kita menekankan kepada 3M sebelum daripada yang baru ini diisytiharkan.

Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang benar perkara 3M ini bukanlah perkara yang baru tetapi perbezaan di antara kurikulum baru ini dan 3M yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah kita ialah daripada segi pendekatan kita iaitu kurikulum baru ini lebih menitikberatkan soal menyampaikan pelajaran secara bersepadu (integrated) iaitu matapelajaran-matapelajaran itu ada kaitan di antara satu sama lain dan selain daripada itu kita juga memberi penegasan kepada usaha untuk memupuk bakat-bakat dan kebolehan kanak-kanak di sekolah-sekolah supaya perkembangan individu itu diberi tumpuan yang sepełuh-penuhnya.

Dato Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah perhubungan di antara kurikulum 3M dengan sukatan pelajaran yang sedia ada dan adakah sukatan pelajaran baru mesti dicipta supaya selaras dengan kurikulum 3M?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kurikulum baru ini memerlukan perubahan yang radikal kepada sukatan pelajaran yang sedang dijalankan pada masa ini bukan sahaja daripada segi peruntukan masa untuk pengajaran kemahiran-kemahiran asas, tetapi adalah sepertimana yang saya nyatakan tadi isi kandungannya juga lebih integrated daripada apa yang sedang dijalankan pada masa ini dan

juga kaedah-kaedah mengajar pun perlu diubahsuaikan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sistem yang ada sekarang ini diwujudkan setelah pihak Kementerian mengadakan beberapa kajian dan research dan melalui beberapa proses laporan-laporan yang ditetapkan tetapi malangnya gejala-gejala terdapat masih banyak lagi. Apakah jaminan yang boleh diberi oleh Kementerian bahawa kurikulum 3M ini tidak akan beroleh gejala-gejala di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu sudah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ada apa-apa tambahan, Yang Berhormat?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beri jaminan bahawa akan wujud gejala-gejala baru semasa kita melaksanakan kurikulum baru ini, tetapi sukacitalah saya menyatakan bahawa perbincangan yang begitu teliti dan mendalam telah pun dibuat oleh Kementerian Pelajaran bukan sahaja dengan golongan guru-guru tetapi dengan golongan profesional, para pendidik termasuk juga parti-parti politik untuk kita menentukan kurikulum baru ini merupakan satu perubahan yang boleh mendatangkan faedah dan kekesanan yang lebih baik lagi.

LAPANGAN TERBANG KUCING— BANGUNAN TERMINAL BARU

2. **Datuk Leonard Linggi anak Jugah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) tarikh menara lapangan terbang Kuching yang baharu akan siap pembinaannya sebagai pengganti menara yang sesak sekarang ini; dan
- (b) jadual pendaratan airbus di Kuching untuk meringankan beban penumpang yang berulang-alik ke Kuching.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bangunan terminal baru bagi Lapangan Terbang Kuching pada mulanya dijadualkan siap dalam bulan Disember, 1981. Pembinaan bangunan tersebut telah tergendala

disebabkan oleh beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh kontraktor yang ditugaskan membuat kerja-kerja pembinaan. Dengan yang demikian bangunan terminal baru itu tidak dapat disiapkan pada tarikh yang disebutkan tadi. Walau bagaimanapun. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu dan serta-merta untuk mengatasi kelewatan menyiapkan projek ini dan juga bagi menentukan supaya projek ini tidak akan tergendala lebih lama lagi dan dapat disiapkan dengan secepat mungkin.

Mengenai jadual pendaratan kapal terbang jenis Airbus oleh MAS di Lapangan Terbang Kuching itu, ianya adalah bergantung kepada tarikh siapnya kerja-kerja menguatkan landasan dan apren baru. Pendaratan Airbus di Kuching telah pun dijadualkan pada bulan April, 1981.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bertambah banyak penumpang-penumpang di dalam negeri Sarawak, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada MAS akan mengganti pesawat terbang yang lebih besar untuk mengganti pesawat terbang "BN". Jika ya, bila dan apa jenis pesawat terbang akan diganti.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan soalan lain. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarikei bahawa masalah ini disedari oleh Kementerian dan langkah-langkah yang sesuai sedang ditimbang.

SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN LUBOK ANTU—PEMBINAAN

3. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendirikan satu Sekolah Menengah Kerajaan Lubok Antu untuk menggantikan bangunan yang sudah buruk dan lama; kalau ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan; kalau tidak, mengapa.

Dato Mohamed Najib bin Tuan Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan projek pembinaan sekolah menengah

Kerajaan yang baru di Lubok Antu, Sarawak di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi menggantikan bangunan yang sudah buruk dan lama. Projek ini telah pun ditender pada awal tahun 1980 tetapi Lembaga Tawaran Pusat Persekutuan telah meminta supaya projek ini ditender semula memandangkan kepada harga-harga tender yang diterima adalah melebihi anggaran harga yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerjaraya Sarawak. Tindakan memanggil semula tender telah pun diambil dan pemilihan tender telah pun dibuat. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada tahun lalu dan akan diteruskan dalam masa Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana banyak bangunan sekolah di negeri Sarawak telah lama dan buruk, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi lebih banyak lagi belanja untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah di negeri Sarawak itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

HASIL KARYA PELUKIS ABDULLAH ARIFF/YONG MUN SEN

4. Tuan Seow Hun Khim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada beliau sedar akan Allahyarham Encik Abdul Ariff dan Mendiang Encik Yong Mun Sen adalah perintis bagi pelukis-pelukis Malaysia, jadi apakah langkah-langkah telah diambil untuk memberi rekonasi kepada pengumpulan Abdul Ariff dan pengumpulan Mun Sen, di mana pengumpulan akhir adalah dianggap oleh Spink & Sons, London sebagai harta seni lukis nasional Malaysia yang sangat tinggi nilainya, dan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memperolehi pengumpulan-pengumpulan ini sebagai harta seni lukis nasional.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, mungkin seorang pelukis yang disebutkan dalam pertanyaan Yang Berhormat adalah Abdullah Ariff dan bukannya Abdul Ariff. Saya sedar bahawa dari segi perkembangan seni lukis, kedua-dua pelukis yang berkenaan itu bolehlah dikatakan pelukis-pelukis perintis. Kedua-dua mereka telah menghasilkan karya yang bermutu di antaranya telah terpilih menjadi koleksi negara dan telah diperolehi oleh Muzium Seni Lukis Negara. Ini dengan sendirinya adalah satu-satu rekonasi kepada karya-karya mereka dan pameran-pameran khas akan karya-karya mereka itu juga merupakan satu rekonasi.

KEBAJIKAN PEKERJA DI SEKTOR SWASTA

5. **Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah dan kebajikan buruh-buruh yang bekerja dengan pihak swasta bagi menjamin masa depan kaum buruh.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun membuat tidak kurang dari 13 Undang-undang Buruh untuk menjamin serta menentukan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta. Tiap-tiap satu perundangan tersebut mempunyai bidang-bidang kuasa yang tertentu seperti memperuntukkan piawaian minima bagi syarat-syarat pekerjaan, memberi faedah-faedah serta memenuhi pekerja-pekerja dari pencari pekerjaan, mewujudkan perhubungan baik di antara majikan-majikan dan pekerja-pekerja serta kesatuan-kesatuan sekerja, memberi faedah-faedah pengenehan dan pemberhentian kerja dan lain-lain. Semua undang-undang ini adalah dikaji semula dari semasa ke semasa dan jika perlu pindaan akan dibuat untuk memperbaiki lagi peruntukan-peruntukan yang ada.

Di samping itu pula, pihak majikan dan kesatuan sekerja di sektor swasta adalah bebas serta digalakkan berunding di antara mereka untuk memperbaiki lagi gaji dan syarat-

syarat pekerjaan dari masa ke semasa dan hasil daripada persetujuan perbincangan terkandung dalam Perjanjian Bersama dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Pada 31hb Mac tahun ini terdapat 688 Perjanjian Bersama yang meliputi seramai 442,059 pekerja-pekerja di dalam sektor swasta.

Pegawai-pegawai Kementerian saya sebagai salah satu dari tanggungjawab mereka sentiasa menjalankan pemeriksaan ke tempat kerja untuk menentukan pematuhan terhadap semua peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang ini.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan majikan swasta sekarang ini menjalankan pengambilan buruh melalui sistem kontrak. Jadi, buruh-buruh yang bekerja dengan mereka sebagai employee, jadi mereka dapat mengelakkan EPF, kebajikan dan lain-lain. Adakah Kementerian merestui sistem yang begini yang dilakukan oleh majikan-majikan swasta?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar mengenai hal demikian dan Kementerian saya sedang mengkaji hal ini dan peruntukan undang-undang buruh belum ada ketentuan mengenai apa yang patut dijalankan.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan undang-undang dan peraturan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja ini tidak begitu berkesan, misalnya terdapat kes-kes di kilang-kilang letronic misalnya di mana ada pekerja-pekerja yang matanya hampir rabun oleh sebab jenis tugasnya tidak ditukar-tukar dan begitu juga di kilang-kilang tekstail di mana kesihatannya begitu terganggu oleh sebab menyedut habuk-habuk yang begitu banyak dan begitu juga pendengaran yang biasanya tercacat oleh sebab tidak ada alat untuk melindungi pendengaran mereka itu.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, hal ini pun Kementerian saya sedar dan kita ada satu undang-undang bernama Akta Kilang dan Jentera, 1967 di mana ada diberi peruntukan untuk mencegah hal ini dan

buat masa sekarang Kementerian saya masih kaji dalam hal ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai masalah pekerja-pekerja kontrak sama ada yang bekerja dengan kontraktor tempatan ataupun kontraktor luar negeri. Saya hendak bertanya sama ada undang-undang dalam negeri ini sekarang yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja sementara yang diambil oleh kontraktor ini dan kalau tidak ada undang-undang yang khusus untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja jenis ini sama ada pihak Kementerian bercadang hendak mengadakan satu undang-undang atau peraturan supaya kepentingan mereka dapat diberi perlindungan.

Tuan Wiliam Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada peruntukan bagi melindungi kepentingan mereka, misalnya ada kontrak ditandatangani oleh kontraktor dari luar negeri dengan JKR, dengan itu ada peruntukan begitu dibuat.

RUMAH PANGSA—MASTER AERIAL TV

6. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau bercadang mengenakan syarat memasang "Master Aerial TV" kepada bangunan rumah pangsa yang tinggi-tinggi, supaya bukan sahaja terhindar daripada pandangan yang buruk tetapi keselamatan bangunan itu sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya setakat ini belum lagi bercadang mengenakan syarat memasang "Master Aerial TV" kepada bangunan rumah-rumah pangsa yang tinggi. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan dikaji dari masa ke semasa.

PENJAJA JALAN CHOW KIT—LESEN

7. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau

akan memberi satu jaminan bahawa penjaja-penjaja di Jalan Tuanku Abdul Rahman/kawasan Chow Kit tidak dinafikan mata pencarian mereka serta juga penjaja-penjaja yang tidak berlesen akan diberi lesen kerana ramai dari mereka telah menjaja di kawasan tersebut selama lebih dari dua puluh tahun.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjaja-penjaja yang menjalankan perniagaan di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman/Kawasan Chow Kit, Dewan Bandaraya mempunyai rancangan memindahkan penjaja-penjaja tersebut ke tempat lain.

Pemindahan ini dilakukan oleh kerana kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman/Kawasan Chow Kit merupakan kawasan yang penuh sesak dengan pengguna-pengguna bas serta berhampiran dengan tempat perhentian bas. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kesesakan lalulintas di kawasan tersebut.

Dewan Bandaraya sedang membanci penjaja-penjaja yang terlibat dengan pemindahan ini iaitu seramai lebih kurang 500 penjaja yang berlesen dan tanpa lesen. Semua mereka yang akan dipindahkan ke tempat baru sama ada yang berlesen atau tanpa lesen akan dilesenkan apabila dipindahkan bagi menjamin mereka dapat meneruskan perniagaan di tempat baru itu.

Tuan V. David: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata ada juga penjaja di Jalan Tuanku Abdul Rahman/Kawasan Chow Kit selalu menutup jalan di tempat itu tetapi barangkali Timbalan Menteri itu tidak sedar orang ini semua berniaga dalam pagar dan tidak boleh sampai mengganggu jalan raya. Bolehkah Timbalan Menteri beri jaminan memberi lesen, fasal mereka tidak langgar undang-undang jalan raya dan boleh benarkan berniaga di tempat biasa mereka berniaga.

Tuan Yang di-Pertua: Faham itu Yang Berhormat?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Hendak bertanya semula.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang semula.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, yang diberitahu tadi mahu pindahkan orang-orang yang menjual barang-barang di lain tempat. Bolehkah lepaskan tempat sekarang-tempat biasa, sebab orang-orang itu tidak melanggar Undang-undang Jalan Raya, lagipun kedudukan pagar itu tidak boleh sampai ke jalan raya.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka itu boleh dikatakan tidak mengganggu lalulintas atas jalan raya tetapi oleh sebab perniagaan itu adalah di atas pavement dan ini menyebabkan gangguan pedestrian yang lalulintas di situ dan dengan itu maka terpaksa juga pemindahan dijalankan.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa tempat dan masa berniaga ini adalah perkara yang penting untuk menentukan kejayaan berniaga khususnya peniaga-peniaga kecil kawasan Chow Kit, jadi kalau dialih ke tempat lain, tentulah ini memudharat peniaga itu daripada segi perniagaan seperti juga gerai-gerai di Campbell dahulu apabila dialih ke tempat lain maka perniagaannya terjejas. Jadi dalam masalah ini, mengapakah Bandaraya lebih mementingkan kecantikan bandar daripada kejayaan peniaga-peniaga kecil bumiputera.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawasanya satu daripada faktor yang menjamin kejayaan perniagaan ialah tempat yang sesuai bagi dijadikan tempat untuk perniagaan itu dijalankan, tetapi dalam hal ini saya tidak sebut langsung bahawasanya pemindahan ini akan dibuat hanya diasaskan kepada perlunya diindahkan tempat itu, tetapi ada perkara-perkara lain yang berhubung dengan kebersihan, kerana peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan mereka itu dalam keadaan yang berselerak dan tak terkawal dan ini menyebabkan adanya kekotoran.

Yang kedua, oleh sebab mereka itu dalam keadaan yang tidak tersusun dan tidak teratur dan ini mengganggu juga lalulintas di tempat itu. Jadi walaupun kita menyedari bahawasanya kepentingan penjaja-penjaja itu patut diberi perhatian tetapi kepentingan

awam juga sama-sama patut diberi perhatian dan walaupun begitu, bila dicari tempat ganti untuk mereka meneruskan perniagaan, kita pastikan bahawasanya tempat yang dijadikan tempat ganti itu adalah tempat yang sesuai untuk mereka dan dalam hal ini pemindahan penjaja-penjaja dari tempat kompleks perniagaan di Jalan Campbell ke pusat yang baru itu, pada pandangan saya tidak menjejaskan perniagaan mereka bahkan di kawasan yang baru itu lebih ramai pelanggan-pelanggan yang datang ke tempat penjaja-penjaja makanan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa penjaja-penjaja di Jalan Tuanku Abdul Rahman/Kawasan Chow Kit akan dipindahkan ke suatu tempat yang baru tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di mana tempat baru itu diletakkan dan juga sama ada langkah-langkah telah diambil untuk menentukan bahawa tempat yang baru itu akan disediakan dengan segala kemudahan untuk menentukan bahawa projek itu akan mencapai kejayaan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat baru itu ialah di Jalan Raja Bot, Lorong Raja Bot, Jalan Raja Alang dan bila kawasan-kawasan ini disediakan, segala kemudahan yang diperlukan oleh penjaja akan diadakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Damansara ini maka nyata sekali sudah 20 tahun penjaja-penjaja ini telah melanggar peraturan-pelesenan dan penjaja-penjaja ini telah pun melakukan kesalahan dengan menjual dan menjaja tanpa lesen. Jadi saya ingin tahu, apakah pihak Kementerian Wilayah mempunyai enforcement ataupun kuasa bertindak untuk menentukan supaya jangan sampai 20 tahun penjaja-penjaja itu menjual dan ini merugikan pihak Bandaraya dan adakah tindakan akan diambil kepada mereka yang menjual selama 20 tahun dengan secara haram ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawasanya di Kuala Lumpur banyak penjaja-penjaja yang telah menjaja tanpa lesen untuk beberapa

tahun tetapi kalau kita pastikan bahawa di tempat-tempat yang mereka menjaja itu tidak mengakibatkan gangguan kepada lalulintas ataupun menyebabkan masalah-masalah lain yang timbul, jadi tindakan itu tidaklah diambil serta-merta. Walau bagaimanapun Kementerian Wilayah sentiasa merancang untuk memberi tempat kepada mereka dengan lebih selesa, di mana terdapat kemudahan-kemudahan yang mereka perlukan. Oleh sebab itulah maka rancangan-rancangan yang melibatkan pemindahan mereka ke kawasan-kawasan baru itu dibuat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penjaja-penjaja (hawkers) ini merupakan suatu kumpulan orang-orang yang boleh dikatakan self-employed dan orang-orang jenis ini patut digalakkan pertumbuhannya. Adakah pihak Kementerian bercadang terutamanya di Kuala Lumpur untuk mengecualikan apa juga bayaran lesen daripada orang-orang ini bagi membantu mereka berkembang lebih pesat lagi.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cadangan untuk mengecualikan mereka dari membayar lesen.

PUSAT LATIHAN ORANG CACAT

8. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kebajikan Am menerangkan adakah bilangan pusat-pusat latihan orang-orang cacat, cukup untuk menampung bilangan orang-orang cacat di seluruh negara yang perlu diberi latihan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya menyelenggarakan lima buah yaysan bagi orang cacat yang boleh menampung sejumlah 790 orang. Setakat ini seramai 1,723 orang telah diberi latihan dan pemulihan dalam yaysan tersebut, pada masa ini terdapat 205 orang permohonan di dalam senarai menunggu.

Selain dari yaysan-yaysan Kementerian pertubuhan-pertubuhan sukarela sedang menguruskan 29 buah yaysan yang memberi kemudahan latihan kepada seramai 1,855 orang cacat. Sehingga ini mereka telah

menolong lebih kurang 6,081 orang. Untuk membantu pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam usaha-usahnya Kementerian saya memberi mereka bantuan wang tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun, perkhidmatan-perkhidmatan yang saya sebut tadi adalah tidak mencukupi untuk menampung orang-orang cacat di seluruh negara yang perlu diberi latihan. Oleh yang demikian usaha-usaha akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan sebanyak 13 buah projek baru telah dimasukkan ke dalam rancangan ini. Projek-projek ini ialah 4 buah bengkel Perlindungan untuk orang-orang cacat.

Bengkel untuk orang-orang cacat Selangor di Kelang, projek ini ialah untuk membina sebuah asrama bagi 50 orang pekerja di Bengkel Daya Kelang yang pada masa ini tidak ada kemudahan asrama.

Bengkel untuk orang-orang cacat Trengganu di Teluk Batin	100 orang
Bengkel untuk orang-orang cacat Kedah, Sungei Petani	100 orang
Bengkel untuk orang-orang cacat Perak/Taiping	100 orang

3 Buah Pusat Pemulihan Bagi Orang Cacat Anggota Orthopaedic—

Pusat Pemulihan cacat anggota Orthopaedic Kelantan di Pengkalan Chepa	200 orang
Pusat Pemulihan cacat anggota Orthopaedic Kedah di Kulim	200 orang
Pusat Pemulihan cacat anggota Orthopaedic Melaka	200 orang

2 Buah Ladang—

Ladang bagi orang-orang cacat akal, DARA Pahang	100 orang
Ladang bagi orang buta Trengganu	50 orang

2 Buah Rumah Bagi Orang Cacat Akal—

Rumah bagi orang cacat akal di Wilayah Persekutuan	100 orang
Rumah bagi orang cacat akal, Trengganu di Marang	100 orang

2 Buah Pelantaran Bekas Pesakit Otak—

Rumah Pelantaran bekas pesakit otak lelaki Wilayah Persekutuan	20 orang
Rumah Pelantaran bekas pesakit otak perempuan Wilayah Persekutuan	20 orang

Selain dari projek-projek ini Kementerian saya akan membina sebuah bengkel alat-alat tiruan untuk melatih 50 orang cacat anggota

sebagai menambah kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota Cheras. Dan akhirnya peruntukan juga diminta di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi membina rumah-rumah kakitangan dan setor di rumah kanak-kanak Jubli Johor yang menampung seramai 200 orang kanak-kanak cacat akal. Kedua-dua yayasan ini akan dapat menambah bilangan penghuninya seramai 75 orang. Apabila siap kelak semua projek ini akan memberi faedah kepada seramai 1,365 orang cacat lagi.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan tadi saya ingin mendapat tahu dari Kementerian yang berkenaan sehingga hari ini berapa ramai orang cacat ini yang memohon memasuki rumah orang-orang cacat. Kerana ada satu kes setelah 2 tahun mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan tetapi sehingga hari ini oleh kerana tidak ada tempat tidak boleh masuk ke rumah orang-orang cacat. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan sehingga hari ini ada berapa ramai orang yang terpaksa menunggu tempat itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi ada 205 orang pemohon yang masih dalam senarai menunggu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha pihak Kementerian untuk memberi latihan kepada orang-orang cacat di beberapa pusat sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sekejap tadi, saya ingin tahu apakah usaha-usaha pihak Kementerian beliau dalam menentukan setiap orang yang diberi latihan ini mendapat pekerjaan atau sekurang-kurangnya mereka ini mendapat tempat di kalangan masyarakat setelah tamat latihan di bidang-bidang berkenaan.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, tugas yang utama Kementerian saya sebagai yang dikatakan tadi iaitu memberi latihan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik iaitu orang-orang cacat. Tetapi Kementerian saya tidak boleh memberi jaminan mereka itu mesti mendapat kerja

sebab kerja-kerja ini terpulanglah kepada keadaan dari masa ke semasa.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Kementerian beliau telah ada sebuah pusat penyelarasan kebangsaan untuk menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan membantu orang cacat. Jikalau belum ada, sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat penyelarasan untuk tujuan itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, lima buah pusat itu tadi ialah pusat kebangsaan, tetapi tidak di tempat di satu tempat, di berbagai tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertanya adakah tempat penyelarasan, betul begitu?

Tuan Lee Lam Thye: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tempat penyelarasan bagi lima buah rumah orang cacat. Kalau ada, kalau tidak ada cakap tidak ada.

Tuan Jawan anak Empaling: Perhubungan antara lima buah ini memang ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa cara-cara pemulihan yang dijalankan oleh Pusat-pusat Latihan orang-orang cacat sekarang ini masih belum boleh dianggap up-to date ataupun moden, sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara yang telah maju, dan dengan sebab itu masa yang diambil untuk memulihkan orang-orang cacat ini panjang. Jadi, saya ingin tahu apakah ada langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi memodenkan pusat-pusat latihan ini supaya orang-orang cacat yang berkenaan itu akan dapat diberi latihan yang selengkapnya dengan cepat-cepatnya supaya mereka ini dapat masuk dalam bidang pekerjaan dan sebagainya selepas dipulihkan.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memanglah dikaji oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa dan kita ambil perhatian dalam perkara ini.

GETAH—KELUASAN KEBUN KECIL

9. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan keluasan kebun kecil getah di negara ini dan keluasan yang telah ditanam semula menurut kepunyaan kaum-kaum. Mengapa masih banyak pekebun-pekebun kecil yang tidak mahu menyertai skim tanam semula ini walaupun jumlah bantuannya telah dinaikkan dengan tinggi dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan Bumiputera supaya mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam skim ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kawasan kebun kecil getah pada keseluruhannya dan jumlah yang ditanam semula serta jumlah yang belum ditanam semula mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

JUMLAH EKAR

	<i>Luas yang dimiliki</i>	<i>Yang telah ditanam semula</i>	<i>Yang belum ditanam semula</i>
Melayu	1,266,082	681,307	584,775
Cina	1,175,378	824,883	350,495
India	57,838	33,393	24,445

Dari jumlah kawasan getah yang belum ditanam semula, seluas 959,715 ekar ada terdapat pokok-pokok getah yang masih muda yang belum sampai masa untuk ditanam semula. Dengan demikian kebun-kebun getah yang betul-betul perlu ditanam semula adalah dianggarkan kira-kira 2/3 dari keluasan yang belum ditanam semula seperti jumlah yang di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kurangnya penyertaan pekebun-pekebun kecil dalam Skim Tanam Semula yang diusahakan oleh Kerajaan adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya kekurangan tenaga pekerja tempatan, kehilangan mata pencarian selama 6 tahun apabila pokok-pokok getah ditebang untuk ditanam semula sehingga mengeluarkan hasil; kenaikan belanja tanam semula yang tinggi dan jangkaan pendapatan yang akan diterima sama ada semasa ataupun selepas ditanam semula yang tidak begitu memuaskan.

Kementerian saya melalui RISDA telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menggalakkan bumiputera supaya mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam Skim Tanam Semula kebun-kebun kecil getah ini dan di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (1) mewujudkan tenaga kerja RISDA di peringkat tempatan;
- (2) mengadakan rancangan tanam semula berkelompok bagi mengurangkan belanja tanam semula;
- (3) menubuhkan mini estate guna menyatukan kebun-kebun kecil dalam satu kawasan yang lebih luas daripada 100 ekar bagi menjimatkan perbelanjaan dan menjamin pengurusan yang baik di bawah kelolaan RISDA;
- (4) menyediakan kemudahan kredit atau subsidi input-input pertanian termasuk juga pasaran dan juga kemudahan-kemudahan lain bagi menokok sarahidup yang terkurang;
- (5) (a) menaikan bantuan tanam semula daripada \$1,200 seekar kepada \$2,200 untuk kebun kecil yang kurang daripada 10 ekar dan kepada \$1,500 untuk kebun kecil yang keluasannya lebih daripada 10 ekar.
- (5) (b) bantuan \$1,500 bagi kebun getah yang 10 ekar ke bawah yang ditanam dengan tanaman-tanaman yang lain daripada getah dan \$1,200 untuk kebun getah yang luasnya lebih daripada 10 ekar yang ditanam dengan tanaman-tanaman yang lain daripada getah.
- (6) melaksanakan Skim Penggalak Tanam Semula, apa yang dipanggil SEPENTAS dengan tujuan bagi memberi:
 - (a) Kredit sarahidup berjumlah \$100 bagi satu keluarga yang memiliki tanah getah kurang daripada 10 ekar; dan
 - (b) Saham perladangan di bawah pengurusan RISDA bagi pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang daripada 5 ekar.

Perlaksanaan kenaikan bantuan dan rancangan Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) di atas tadi sedang disusun untuk dilaksanakan dan dikuat-kuasakan mulai daripada 1-1-1981. Butir-butir mengenai jumlah keluarga serta luas kawasan yang terlibat di dalam skim-skim tanam semula di atas adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Keluarga</i>	<i>Keluasan Ekar</i>
Yang belum ditanam semula	174,493	959,715
Yang boleh ditanam semula	125,211	688,662
Yang akan ditanam semula	63,636	350,000

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, purata luas tanah yang dimiliki bagi satu keluarga ialah 5.5 ekar bagi kawasan di luar bandar.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah keluasan-keluasan dan angka-angka yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi tanah-tanah yang bergeran?

Yang kedua, kalaulah apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen tadi bukan tanah-tanah bergeran, apakah rancangan Kementerian yang berkenaan akan menolong kepada pekebun-pekebun getah yang tidak bergeran tetapi mempunyai Lesen Tumpangan Sementara (TOL) yang sah juga pada sisi tidak mengerjakan tanah haram sedangkan kebun getah mereka telah mendapat hasil yang lama dan telah memberi hasil kepada Kerajaan.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang telah diterangkan tadi adalah terdiri daripada tanah-tanah yang bergeran dan dalam pada itu terdapat banyak juga tanah-tanah yang tidak bergeran yang belum ada hakmilik seperti Yang Berhormat dari Kangar sebutkan itu dan dalam bahagian ini pihak RISDA, pihak Kementerian akan menghubungi pihak yang berkuasa Negeri untuk menyegerakan pengeluaran hakmilik. Begitu juga bantuan-bantuan premium bagi tujuan ini adalah disediakan dalam Rancangan Tanam Semula yang dijalankan oleh pihak RISDA.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen telah menerangkan tentang sebab-sebab dan cara-caranya pula yang diserahkan kepada RISDA untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai terhadap Skim Tanaman Semula ini. Saya ingin mendapat tahu daripada beliau adakah Kementerian beliau sedar tentang satu dakwaan yang menyatakan bahawa pekebun-pekebun kecil tidak tahu adanya subsidi baja yang dibuat oleh RISDA hingga berlaku satu penyelewengan baru-baru ini, dan kalau sedar, apakah tindakan Kementerian beliau supaya tugas-tugas penerangan ini dibuat secara lebih berkesan untuk mengelakkan kejadian seperti yang saya katakan tadi.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan bahawa sebahagian besar daripada pekebun-pekebun kecil tidak dapat penerangan dan tidak menerima bantuan subsidi baja kerana pihak RISDA sentiasa menjalankan usaha-usaha ini dan sebagaimana saya katakan tadi mereka yang telah menjalankan tanam semula seperti yang telah saya terangkan tadi telah diberi penerangan yang cukup dan telah menerima subsidi-subsidi baja. Dalam pada itu saya tidak dapat menafikan mungkin ada di antara mereka ini yang tidak mendaftarkan kebun mereka kepada RISDA yang mana mereka dengan ini tidak dapat penerangan yang dijalankan oleh pihak RISDA.

Mengenai dengan penyelewengan, ini saya tidak dapat hendak menafikan, mungkin ada segelintir atau sebahagian kecil dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tindakan tegas telah diambil dan hal ini sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan bukti pihak Kementerian dan pihak RISDA tidak ragu-ragu akan bertindak kepada pegawai-pegawai sekiranya ada yang menjalankan penyelewengan-penyelewengan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada pokok-pokok getah yang ditanam semula mulai tahun 1950 dan 1951 adakah pada hari ini sepatutnya ditanam semula kembali dan kalau ya, apakah pecahan bilangan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi

mengenai jumlah ekar yang belum ditanam lagi itu termasuk tanah-tanah getah sepertimana yang saya maksudkan pada awal tadi.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar sebagaimana yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat setengah daripadanya telah dijalankan tanaman semula pada peringkat kedua. Mengikut perkiraan umur getah yang ditanam itu apabila sampai masanya di antara 15 ke 20 tahun maka sudah sampai masanya getah itu untuk ditanam semula untuk mendapatkan hasil yang memuaskan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa kadar bayaran subsidi telah pun dinaikkan, umpamanya dalam tahun 1978 \$1,700 seekar kepada \$2,200 seekar. Tetapi yang berlaku ialah walaupun subsidi itu telah dinaikkan tetapi jumlah kawasan yang ditanam semula semakin turun sebagaimana dilaporkan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ada membuat kajian di atas skim subsidi yang dijalankan sekarang sama ada skim itu berkesan ataupun tidak dan jelas skim ini kurang mendapat sambutan. Kalau sekiranya ada dibuat kajian apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu skim intensif yang menggalak umpamanya dengan menambahkan bagi tiap-tiap satu ekar kawasan yang ditanam semula itu dari \$2,200 dinaikkan kepada \$2,500 dan kalau yang 3 ekarnya mungkin \$2,700 atau lebih daripada itu yakni makin banyak kawasan yang ditanam semula makin bertambah bantuan subsidi yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada Jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sudah ada terkandung dalam jawapannya. Barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen suka hendak menambah lagi!

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi skim penggalak itu baru sahaja diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan sekarang dalam peringkat proses pelaksanaan, belum lagi

dijalankan sebenarnya. Sepatutnya dijalankan pada 1-1-81, tetapi menunggukan skim penggalak tadi yang pertambahan bantuan kebun getah yang kurang daripada 10 ekar daripada \$1,200 kepada \$2,200 dan daripada \$900 ke \$1,500 yang lebih 10 ekar itu memang belum dijalankan lagi. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Pagoh tadi ialah skim yang lama. Ini memang kita sedari yang skim ini kurang mendapat sambutan, terutamanya memikirkan waktu hendak menunggu selama 6 tahun pekebun-pekebun kecil getah terutama yang mempunyai kira-kira 2 atau 3 ekar mereka tiada pendapatan yang lain. Maka dengan sebab itu dengan skim yang baru ini dengan kredit \$100 sekeluarga dan dengan skim saham perladangan, kita percaya dan kita harap skim tanaman semula ini akan dapat sambutan yang begitu banyak dari seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

MURID LUAR BANDAR—KEWANGAN/ PENGANGKUTAN

10. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran supaya sedar tentang masalah-masalah kewangan dan pengangkutan tambahan yang akan dihadapi oleh ibubapa-ibubapa yang tinggal di luar bandar apabila rancangan untuk menyusun semula dan mencantumkan sekolah-sekolah untuk murid-murid di ladang-ladang diadakan serta juga merancang dengan cermat supaya dapat mngurangkan beban ibubapa-ibubapa.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar berkaitan dengan masalah-masalah kewangan dan pengangkutan yang akan dihadapi oleh murid-murid yang tinggal di luar bandar apabila sekolah-sekolah kecil dicantumkan.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran telah menjalankan satu kajian yang mendalam bagi menentukan keperluan sekolah-sekolah yang berkenaan. Dapatan-dapatan daripada kajian ini akan digunakan sebagai panduan untuk

melakukan perancangan yang cermat berkaitan dengan masa depan sekolah-sekolah tersebut.

MAS—KAKITANGAN MENERJAKAN UMRAH DI MEKAH

11. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pentadbiran MAS melarang pekerja-pekerjanya yang beragama Islam termasuk pramugara dan pramugari semasa berada di Jeddah selama 5-6 hari sementara menunggu giliran kerja masing-masing, mengerjakan umrah sunat di Mekah (Mecca) dan jika ya, adakah pentadbiran MAS akan membenarkan kakitangannya yang beragama Islam mengambil peluang ini untuk mengerjakan umrah di masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, pengurusan MAS tidak pernah menyekat atau melarang anak-anak kapalnya yang beragama Islam yang sedang menunggu giliran untuk bertugas di Jeddah mengerjakan umrah di Mekah. Bagi anak-anak kapal yang ingin berbuat demikian, mereka hendaklah melaporkan diri kepada Pengurus Tempatan mas memberitahu di mana mereka berada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anak-anak kapal MAS yang mendarat di Arab Saudi hanyalah sebagai 'operating crew'. Jika sekiranya mereka ini didapati menunaikan umrah tanpa kebenaran terlebih dahulu, mereka boleh didakwa oleh pihak berkuasa Arab Saudi. Oleh yang demikian, pihak MAS telah pun menasihatkan kakitangan-kakitangannya yang singgah di Jeddah dan ingin menunaikan umrah, hendaklah melaporkan diri kepada Pengurus Tempatan MAS untuk mendapatkan pas yang berkenaan.

JAMBATAN PULAU PINANG

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kerja sebenar membina jambatan Pulau Pinang yang akan menghubungi Pulau Pinang dengan Seberang Prai bermula, jenis rekabentuk yang dipilih, anggaran kos projek tersebut dan tarikh ia dimatlamatkan akan siap dibina, bilangan

syarikat-syarikat yang telah menawar untuk projek tersebut dan nama penender yang berjaya.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya kerja membina jambatan Pulau "Penang" telah pun dimulakan pada 2hb Januari, 1980 iaitu kerja menebus gunatanah di bahagian Pulau "Penang" sementara menebus gunatanah di Bahagian Seberang Prai telah dimulakan pada 1hb September, 1980. Kerja-kerja rekabentuk bagi jambatan tersebut telah pun disiapkan dan tawaran bagi melaksanakan kerja jambatan itu telah pun ditutup pada 24hb Februari, 1981. Pada masa ini Kementerian saya sedang menilai 16 buah syarikat yang telah mengambil bahagian dalam tawaran tersebut dan dijangka jika tiada apa-apa halangan kerja pembinaan jambatan Pulau "Penang" akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Ogos 1981.

Pada masa ini terdapat dua jenis rekabentuk jambatan berparas tinggi iaitu jenis Steel Tied Arch dan jenis Cable Stayed Concrete Girder. Walau bagaimanapun, bentuk rekabentuk yang sebenarnya masih dalam pertimbangan. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak \$692 juta dan dijangka jambatan ini akan dapat disiapkan pada awal tahun 1985.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebutan Pulau "Pinang" yang sebenarnya ialah Pulau Pinang bukan Pulau Penang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah daripada 16 syarikat yang masuk tender hendak membina jambatan ini berapa banyak syarikat-syarikat tempatan dan sama ada dalam tender ini syarikat-syarikat tempatan akan diberi keutamaan sekiranya quotation mereka dianggap sesuai.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di dalam 16 syarikat yang telah menender untuk mendapat projek itu semua syarikat-

syarikat ada berkongsi dengan syarikat-syarikat antarabangsa daripada negeri kita.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya telah dengar dari Yang Berhormat Menteri berkenaan tender-tender telah dikeluarkan bererti jalan ke Pulau Pinang akan dilakukan. Saya ingin mendapat tahu tempat manakah jalan yang akan dilakukan. Adakah tempat ini dilalui oleh kapal-kapal sekarang atau adakah tempat lain. Kalau di tempat lain, bolehkah Yang Berhormat beritahu anggaran tempatnya.

Dato S. Samy Vellu: Saya minta ulang balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan daripada Menteri berkenaan titi atau jambatan ke Pulau Pinang akan dilaksanakan. Saya ingin mendapat tahu adakah jambatan itu akan dilaksanakan mengikut jalan yang dilalui oleh feri-feri sekarang ataupun kapal-kapal ataupun di tempat lain. Kalau di tempat lain, di manakah tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini jelaslah sedikit-jambatan. Tadi jalan-jalan, jalan mana? (*Ketawa*).

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jambatan Pulau Pinang iaitu kita mulai daripada Bandar Prai melalui Pulau Jerejak ke Bayan Lepas, itulah saluran jambatan yang kita telah rancang sekarang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah di dalam tender-tender yang dikenakan kepada kontraktor ini disyaratkan kepada kontraktor itu, menggunakan buruh-buruh atau pekerja-pekerja tempatan yang dapat diambil daripada tempatan di negara kita. Kalau tidak ada, apakah pihak JKR boleh mengadakan satu peraturan supaya memastikan mereka ini menggunakan pekerja-pekerja tempatan yang terdapat dalam negara ini.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat untuk menggunakan pekerja-pekerja tempatan telah ada di dalam kontrak itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan ke 13.

AGEN PENGEDAR BAJA, NAFAS

13. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau telah mendapatkan kembali dari satu agen pengedar baja, NAFAS wang sejumlah \$2.9 juta iaitu wang Kerajaan yang belum dijelaskan oleh agen itu sehingga tahun 1979 dan jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mendapatkan kembali wang sejumlah itu dan sama ada tindakan undang-undang akan diambil kiranya pengedar tersebut gagal menjelaskannya dan sama ada Kerajaan telah memberi tempoh yang tertentu bagi pengedar tersebut untuk menjelaskannya dan jika ya, mengapa dan sama ada tempoh yang diberikan itu telah berakhir. Sama ada dengan tidak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menipu wang Kerajaan akan hanya menggalakkan mereka untuk melakukan kesalahan ini yang akan menjadi satu kehilangan kepada wang awam yang telah diamanahkan kepada Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, anggapan Yang Berhormat itu adalah tidak betul. NAFAS tidak berhutang sebanyak \$2.9 juta kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

PENTERNAK LEMBU SUSU— MENINGGIKAN TARAF

14. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah rancangan pusat lembu susu ini akan dipertingkatkan taraf ekonominya supaya penternak lembu susu dapat menikmati segala faedah daripada rancangan ini, khususnya harga susu 30 sen sepaun sekarang adalah terlalu rendah sehingga penternak mengalami pelbagai kerugian, dan bagaimanakah pemasarannya

akan dapat diperbaiki supaya ianya tidak dimonopoli oleh sebuah dua syarikat saja.

Timbalan Menteri Pertanian: (Dato Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Kerajaan sedang mengambil segala usaha untuk mempertingkatkan taraf ekonomi penternak-penternak yang menyertai rancangan pengeluaran susu. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan taraf ini akan diteruskan dari semasa ke semasa. Di antara tindakan-tindakan yang diambil ialah:

- (a) pembinaan pusat-pusat pengumpulan susu di seluruh Semenanjung Malaysia lengkap dengan alat-alat perkakas dan kemudahan-kemudahan yang cukup.
- (b) menambah perkhidmatan perkembangan di dalam beberapa bidang tertentu berkaitan dengan perusahaan pengeluaran susu.
- (c) pengendalian dan pengangkutan serta pemerosesan susu yang teratur untuk memperbaiki mutu dan pengeluaran susu yang tinggi.

Harga susu baru-baru ini telah dinaikkan daripada 28 sen hingga 30 sen sepaun; pada masa ini harga ini adalah dianggap berpatutan. Sungguhpun begitu pertimbangan sedang diberi untuk mengkaji harga susu ini selaras dengan kos pengeluaran dan pendapatan yang seimbang.

Daripada 16 buah pusat pengumpulan susu yang berfungsi, cuma sebahagian susu yang dikeluarkan oleh 3 pusat pengeluaran susu sahaja yang disalurkan kepada sebuah syarikat swasta untuk diproses dan dikotakkan bagi rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP). Yang lainnya ialah dipasar oleh pusat-pusat itu sendiri melalui saluran-saluran yang tertentu. Dengan ini tidaklah bermakna bahawa pemasaran susu ini dimonopoli oleh satu dua buah syarikat sahaja.

Untuk masa hadapan, selain daripada pemasaran susu yang akan diusahakan oleh pihak Kerajaan termasuk MAJUTERNAK, pusat-pusat pengumpulan susu berkenaan juga akan mengembangkan pemasarannya sendiri di kawasan-kawasan yang tertentu.

KERETAPI TANAH MELAYU SEBAGAI PERBADANAN AWAM

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais meminta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa Kementerian sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan menjadikan Keretapi Tanah Melayu sebuah Perbadanan Awam, adakah Kerajaan menganggap pentadbiran yang ada pada masa ini kurang memuaskan kerana berbagai kejadian berlaku tiap-tiap hari.

Dr Goh Cheng Teik: Jawapan kepada pertanyaan yang hampir sama telah pun diberikan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 3hb April, 1981.

FILEM-FILEM BAHASA ARAB DI TV MALAYSIA—TAYANGAN

16. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia gemar menonton filem-filem dari Asia Barat sedangkan tayangannya di televisyen Malaysia hanya terhad di dalam bulan Ramadan sahaja. Jika ya, apakah Kementerian bercadang menayangkan filem-filem dari Asia Barat lebih banyak lagi seperti filem-filem yang datang dari Amerika dan Eropah dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahaya): Saya sedar ramai di antara rakyat kita yang gemar menuntun filem-filem daripada Asia Barat atau lebih tepatnya filem-filem yang berbahasa Arab. Saya akui bahawa sebahagian besar filem-filem berbahasa Arab yang berpunca daripada Asia Barat ditayangkan oleh Televisyen Malaysia pada bulan Ramadan. Ini dibuat bersesuaian dengan kedudukan bulan ini sebagai bulan puasa dan filem-filem yang memberi pengajaran tentang kemuliaan atau keagungan Islam.

Namun begitu, Televisyen Malaysia ada juga menayangkan pada ketika-ketika tertentu yang lain atau pada bila-bila masa terdapat filem-filem daripada Asia Barat yang sesuai untuk ditayang oleh Televisyen Malaysia daripada semasa ke semasa. Bukanlah maksud daripada RTM untuk

mengurangkan penayangan filem-filem daripada Asia Barat ini kerana dasar pembelian filem untuk TV bukan hanya filem-filem daripada Eropah dan Amerika tetapi juga filem daripada negara-negara yang lain yang difikirkan sesuai dengan kepentingan penuntut-penuntut kita. Masalahnya ialah filem-filem Asia Barat ini terutamanya filem-filem Cereka atau 'feature film' tidaklah banyak diperolehi kerana sumbernya terbatas kepada negeri Mesir sahaja.

Walaupun demikian, RTM akan berusaha pada masa-masa ke hadapan untuk menayangkan filem-filem daripada Asia Barat dengan lebih kerap lagi di luar daripada bulan Ramadhan menimbangkan adanya peminat-peminat filem tersebut di Tanah Air.

TANAMAN SEMULA KEBUN KECIL GETAH

17. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga 31-12-1980 berapa ekar kebun-kebum kecil getah yang telah ditanam semula melalui bantuan RISDA dan berapa ekarkah lagi kebun-kebum getah yang belum ditanam semula yang telah sampai tempoh untuk ditanam dan butir-butir mengenai jumlah keluarga yang terlibat di dalam perkara di atas.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Jawapan telah pun diberi ketika saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas sebentar tadi.

GURU-GURU SUKARELAWAN BAHASA INGGERIS

18. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan guru sukarelawan dari Australia, New Zealand dan Britain sedang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita dan apakah hasil-hasil pengajaran mereka dan mengapa guru-guru lepasan Kirby dan Brinsford dan guru-guru yang fasih dalam Bahasa Inggeris tidak dihantar untuk mengajar Bahasa Inggeris di sekolah kita.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini hanya dua belas (12)

orang sahaja guru-guru sukarelawan yang diambil bertugas mengajar Bahasa Inggeris. Kesemua guru ini adalah dari Britain dan sedang mengajar di Sarawak di mana terdapat kekurangan guru Bahasa Inggeris.

Semua guru yang terlatih di Kirby dan Brinsford adalah merupakan "General Purpose Teachers". Guru-guru ini bukanlah dilatih khusus untuk mengajar Bahasa Inggeris. Kefasihan mereka dalam Bahasa Inggeris tidak semestinya mereka ini layak mengajar Bahasa Inggeris. Ini adalah kerana pengajaran sesuatu bahasa itu khususnya Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua memerlukan latihan ikhtisas yang khusus.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sekarang ini sedang berusaha menganjurkan kursus bagi melayakkan guru-guru yang fasih dalam Bahasa Inggeris tetapi tidak mempunyai latihan ikhtisas yang khusus untuk mengajar Bahasa tersebut.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PENYIMPAN BUMIPUTERA

19. **Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** meminta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang memberi kelonggaran kepada penyimpan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bumiputera bagi menggunakan sebahagian dari simpanan mereka bagi tujuan membeli saham-saham Amanah Saham Nasional.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada peruntukan di dalam Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1951, untuk membenarkan pengeluaran sebahagian kredit simpanan ahli-ahli untuk maksud membeli unit-unit saham seperti Amanah Saham Nasional. Ini adalah selaras dengan tujuan utama penubuhan KWSP iaitu untuk memberi jaminan kewangan kepada pencarum-pencarum semasa persaraan.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengkaji dengan lebih mendalam implikasi cadangan ini terhadap objektif KWSP sebelum membuat keputusan untuk membenarkan ahli-ahli KWSP Bumiputera mengeluarkan sebahagian dari kredit

simpanan mereka untuk membeli unit-unit saham.

GURU-GURU SUKAN—KEKURANGAN

20. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi kekurangan guru-guru yang terlatih dan mahir untuk mengendalikan sesuatu bidang sukan di peringkat awal di sekolah-sekolah di luar bandar khususnya di bandar-bandar amnya bagi meninggikan mutu sukan di negara ini.

Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini sekolah-sekolah rendah, sama ada di luar bandar mahupun di dalam bandar tidak mengalami sebarang kekurangan guru untuk mengendalikan sesuatu bidang sukan. Keadaan ini ujud kerana semua guru sekolah rendah dilatih di maktab-maktab perguruan di seluruh negara berkemahiran untuk mengendalikan sekarang-kurangnya satu bidang permainan padang dan satu lagi permainan gelanggang. Kurikulum latihan guru yang ada sekarang memang menegaskan tentang perkara ini di mana setiap pelatih dikehendaki mengambil bahagian yang cergas dalam bidang sukan dan lulus dalam ujian yang berkaitan dengannya. Selain daripada itu dalam Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan juga mengandungi keterangan, maklumat dan pengetahuan mengenai cara-cara mengelolakan permainan dan sukan di sekolah rendah.

Latihan kepegawaian dan salsilah pengendalian/permainan-permainan juga diberi kepada para pelatih. Dengan cara ini semua guru pelatih akan mahir dan mampu mengendalikan kegiatan sukan dan permainan di sekolah masing-masing apabila mereka mula menjalankan perkhidmatan mereka setelah tamat kursus. Jadi berasaskan kepada hakikat ini, maka tiap-tiap sekolah rendah memang mempunyai jumlah guru yang cukup untuk mengendalikan segala kegiatan sukan dan permainan di kalangan murid-murid sekolah.

BIRO SIASATAN NEGARA—KEJAYAAN

21. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan sejauh

manakah kejayaan Biro Siasatan Negara membenteras amalan rasuah di negara ini terutama di kalangan orang atasan. Nyatakan bilangan orang yang telah ditangkap sejak tahun lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Kejayaan utama Biro Siasatan Negara semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1973 ialah menentukan bahawa keadaan rasuah di negara ini sentiasa terkawal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha-usaha Biro Siasatan Negara dalam menjalankan tugas-tugas pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah di negara ini telah memberi kesan yang besar kepada rakyat ke atas objektif penubuhan Biro Siasatan Negara. Kejayaan Biro Siasatan Negara tidak boleh diukur melalui bilangan kes-kes rasuah yang telah dibawa ke mahkamah dan dari bilangan orang-orang yang telah ditangkap sahaja, tetapi hendaklah diperincikan dari beberapa aspek yang lain seperti membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat atas keburukan akibat-akibat perbuatan rasuah dan kepercayaan rakyat di atas wujudnya satu Badan Penyiasatan yang bebas dalam negara yang dapat menjalankan penyiasatan terhadap sesiapa tanpa mengira pangkat dan kedudukan seseorang dalam masyarakat.

Biro Siasatan Negara dalam menjalankan peranannya dari segi pencegahan dan pembasmian rasuah dalam negara, telah dapat memenuhi kewajipannya tanpa mengira kalangan atasan ataupun rakyat biasa, dengan kemampuan dan keupayaan yang ada padanya dan dengan cukup efektif.

Jumlah bilangan orang yang telah ditangkap oleh Biro Siasatan Negara (BSN) Malaysia dari 1hb Januari, 1980 hingga 28hb Februari, 1981 ialah 163 orang iaitu 108 orang pegawai Kerajaan dan 55 orang awam.

PENERBANGAN DOMESTIC MAS

22. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang secara bentuk gantirugi kepada penumpang-penumpang kapal terbang MAS terhadap penerbangan

domestik, jika suatu penerbangan terlewat atau dibatalkan, sepertimana penumpang-penumpang terpaksa kehilangan 25% dari tambangnya membayar kepada MAS dengan cara rampasan (forefeitures) jika ketinggalan penerbangan atau membatalkan tempahan mereka dalam tempoh 24 jam sebelum masa penerbangan yang dijadualkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tujuan mengadakan Pembatalan Tambang 25% ke atas penerbangan dalam negeri ialah bagi mengurangkan kekosongan tempat duduk dalam satu-satu penerbangan. Ini membolehkan penumpang-penumpang yang betul-betul mahu terbang mengesahkan tempahan tempat duduk mereka.

Pihak MAS tidak bercadang memberi apa-apa ganti rugi berupa wang kepada penumpang-penumpang di mana penerbangan-penerbangan mereka tergendala atau dibatalkan. Sungguhpun begitu MAS menyediakan makanan atau membayar balik perbelanjaan kepada penumpang-penumpang jika penerbangan tergendala di waktu makan. Di mana penerbangan dibatalkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan penumpang-penumpang yang datang dari jauh diberi kemudahan hotel dan makan sehingga penerbangan dapat diadakan pula.

PENGAMBILAN PEKERJA-PEKERJA TELEKOM

23. Tuan V. David minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberi perpecahan mengikut kaum berkaitan dengan pengambilan masuk pekerja-pekerja oleh Jabatan Telekom baru-baru ini; adakah pengambilan tersebut mencerminkan komposisi masyarakat berbilang bangsa negara kita.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Telekom hanya menguruskan pengambilan kakitangan-kakitangan dalam Kumpulan Pekerja-pekerja rendah sahaja manakala kakitangan-kakitangan bagi Kumpulan-kumpulan B dan

A adalah diuruskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Mengikut rekod pengambilan kakitangan yang diadakan baru-baru ini, calon-calon yang berjaya dan dalam simpanan adalah terbahagi kepada 78.42% kaum Bumiputera, 16.21% kaum India dan 5.73% kaum Cina. Daripada angka-angka ini jelas bahawa permohonan daripada ketiga-tiga kaum yang terbesar dan terpilih dalam urusan pengambilan ini. Saya juga ingin menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa angka bumiputera lebih ramai ialah kerana minat kaum bukan bumiputera untuk berkhidmat sebagai pekerja rendah adalah amat kurang sekali. Ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan yang telah diterima oleh Jabatan Telekom seperti berikut:

(a) Bumiputera	88.73%
(b) Cina	5.95%
(c) India	5.31%

Jika ditinjau daripada peratusan calon yang berjaya didapati bahawa kaum India adalah lebih ramai daripada kaum China walaupun peratus permohonan di antara kedua-dua kaum adalah lebih kurang sama. Keadaan ini timbul ialah kerana kaum India lebih ramai memohon jawatan dalam Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar (IMG) manakala kaum Cina pula didapati lebih berminat dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik.

SUSU PEKAT—KEKURANGAN

24. Tuan Karpal Singh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan susu pekat di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Mengenai masalah kekurangan bekalan susu pekat manis di negara, satu jawapan yang sama telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Bukit Bendera pada 20-3-1981 dan saya tidak berhajat untuk menambah apa-apa terhadap jawapan itu.

**RUNDINGAN PRESIDEN SOEHARTO
DENGAN PEMANGKU PERDANA
MENTERI**

25. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil rundingan di antara Malaysia dan Indonesia mengenai ASEAN dan Malaysia khususnya iaitu yang diwakili oleh TYT Presiden Soeharto dan YAB Pemangku Perdana Menteri semasa lawatan TYT Presiden Soeharto ke Sabah baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Sepertimana yang saya terangkan di dalam Dewan ini pada 18hb Mac, 1981 lalu, soal berhubung dengan ASEAN tidak dibangkitkan di dalam pertemuan saya dengan Presiden Soeharto.

Soal mengenai Malaysia yang disentuh di dalam perjumpaan tersebut meliputi soal penambahan pekerja-pekerja Indonesia bagi pembantu di dalam kerja-kerja pembangunan negeri Sabah, soal kemungkinan mengimport arang batu untuk digunakan di kilang-kilang simen di Malaysia dan juga soal untuk menambahkan eksport LPG dari Indonesia ke Malaysia.

**AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI
(EXCO) BERTUGAS SEPENUH MASA**

26. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada semua Ahli Majlis Kerajaan Negeri telah dikehendaki bertugas dengan sepenuh masa;
- (b) adakah harta bendanya diisytiharkan sebelum mereka dilantik sebagai EXCO; dan
- (c) bilakah elaun/gaji barunya dikira, mulai dari 1-7-1980 atau dari waktu mereka dikehendaki bertugas penuh masa.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:

- (a) Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Semenanjung telahpun menjalankan tugas sepenuh masa.
- (b) Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dikehendaki mengisytiharkan harta benda mereka.
- (c) Elaun/gaji baru mereka dikira mulai 1.7.1980.

**WARGANEGARA ASING MEMILIKI
RUMAH**

27. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada pemaju-pemaju Perumahan yang menjual rumah-rumah kepada bukan rakyat Malaysia, sedangkan ramai pemohon-pemohon rakyat kita berkehendakan rumah miliknya sendiri, tetapi permohonan mereka telah ditolak. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan terhadap pemaju yang bersikap demikian; dan berapakah buah rumah yang sedang dimiliki oleh orang-orang bukan rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman): Kementerian ini sedar bahawa ada rumah-rumah yang dibina oleh pemaju perumahan swasta dijual kepada orang-orang yang bukan rakyat Malaysia. Tetapi setakat ini Kementerian saya tiada mempunyai angka-angka mengenai perkara ini. Sepanjang yang saya ketahui rumah-rumah yang dibeli oleh warganegara asing adalah terdiri dari rumah-rumah yang berharga tinggi di bandar-bandar yang besar. Pembelian rumah-rumah oleh warganegara asing adalah sah disegi undang-undang kecuali bagi jenis-jenis tanah yang dikhususkan untuk warganegara Malaysia sahaja dan dengan itu amalan ini bolehlah diteruskan. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 dan 1980)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.34 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca buat kali kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$339,566,305 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan bagi membiayai perbelanjaan tambahan Anggaran Belanja Mengurus 1979 dan 1980. Daripada jumlah ini, sebanyak \$1,170,353 adalah bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1979 dan \$338,395,952 adalah bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1980. Keterangan lanjut mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1979 adalah didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 tahun 1981 dan mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1980 dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ucapan ini saya ingin mengemukakan suatu cadangan ke atas Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 dan Tambahan Pertama Tahun 1981.

Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980.

Sebanyak \$350,096,134 adalah dikehendaki bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam

Anggaran Pembangunan Awal 1980, Tambahan Pertama 1980 dan Tambahan Kedua 1980 yang berjumlah \$10,662,237,146. Dengan cadangan tambahan ini, maka jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan Tahun 1980 ialah \$11,012,333,280. Penjelasan lanjut mengenai tambahan ini adalah seperti terdapat dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1981.

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin mengemukakan pula Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan berjumlah \$8,477 juta telah pun diluluskan oleh Dewan ini dalam persidangannya yang lalu bagi Anggaran Pembangunan 1981. Peruntukan yang telah diluluskan itu adalah bagi membiayai projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga sahaja. Dewan ini baru sahaja meluluskan usul mengenai Rancangan Malaysia Keempat. Bagi membiayai projek-projek baru yang telah diluluskan di bawah Rancangan tersebut dan juga projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga yang memerlukan peruntukan tambahan, maka saya cadangkan sebanyak \$4,294 juta diluluskan sebagai tambahan kepada peruntukan asal sebanyak \$8,477 juta menjadikan jumlah Anggaran Pembangunan 1981 sebanyak \$12,771 juta. Dengan tambahan yang dicadangkan maka jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan 1981 merupakan 30% atau kira-kira satu pertiga daripada peruntukan Rancangan Malaysia Keempat yang berjumlah \$42,830 juta. Daripada jumlah peruntukan tambahan ini sebanyak \$2,801 juta adalah bagi Sektor Ekonomi, \$1,151 juta bagi Sektor Sosial, \$233.7 juta bagi Sektor Keselamatan dan \$107 juta bagi Sektor Pentadbiran.

Sektor Ekonomi adalah merupakan Sektor yang terpenting dalam rangka pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, peruntukan terbesar adalah ditumpukan kepada Sektor ini, dalam meneruskan usaha membasmi-kan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Termasuk di bawah Sektor ini

ialah peruntukan tambahan bagi Pertanian berjumlah \$198.8 juta, Perdagangan dan Perindustrian berjumlah \$1,591.9 juta, dan infrastruktur berjumlah \$1,003.7 juta.

Peruntukan bagi Pertanian adalah juga dimaksudkan untuk menambah peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak di kawasan-kawasan luarbandar, terutama melalui FELDA, FELCRA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Peruntukan tambahan pertama perbelanjaan pembangunan yang dicadangkan bagi tahun ini adalah untuk mempercepatkan lagi pencapaian matlamat Strategi Belanjawan 1981.

Pembangunan negara kita pada masa lepas telah dapat diteruskan oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh kerana suasana ekonomi antarabangsa pada tahun ini tidak begitu menggalakkan maka terpaksa kita berusaha lebih keras lagi bagi menggalak serta menggerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negara kita sendiri.

Memandangkan pentingnya sektor perkilangan dalam perkembangan ekonomi maka perlulah diadakan strategi-strategi yang lebih agresif untuk memajukan prestasi sektor ini termasuklah kemungkinan mengurangkan perlindungan tarif yang keterlaluan untuk menentukan supaya industri-industri kita menjadi lebih cekap dan lebih upaya bertanding di pasaran dunia, dan dengan ini juga akan dapat menambahkan bekalan untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang semakin meningkat.

Pengecualian cukai-cukai atas bahan mentah, mesin dan alat-alat yang diimpot atau dibeli untuk kegunaan kilang-kilang dalam pengeluaran mereka sudah lama diberi oleh Kerajaan untuk perkembangan perindustrian. Langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki cara mentadbir galakan-galakan yang sedia ada.

Satu langkah penting ialah memudahkan kilang-kilang mendapat pengecualian cukai atau mesin dan alat-alat yang digunakan untuk pengeluaran mereka. Mulai hari ini 9hb April, 1981, syarikat-syarikat perkilangan yang

menikmati kemudahan Gudang Pengilangan Berlesen akan diberi pengecualian cukai ini secara automatik melalui perintah Duti Kastam. Dengan ini tidaklah perlu lagi bagi syarikat-syarikat berkenaan membuat permohonan berkali-kali untuk mendapat pengecualian cukai. Saya percaya ini akan mengurangkan "red-tape" dan menggalakkan syarikat-syarikat lain memohon mendapatkan kemudahan Gudang Pengilangan Berlesen.

Saya telah mengambil tindakan memberi kemudahan ini kepada syarikat perkilangan yang berasaskan bahan mentah getah asli untuk mengeluarkan barang siap bagi eksport. Kemungkinan membawa lain-lain bahan mentah utama ke dalam skim ini sedang dikaji.

Gudang Berlesen

Lagi satu langkah penggalakan perindustrian ialah sistem gudang berlesen yang bertujuan menyenangkan pengimportan barang-barang bercukai. Setakat ini penubuhan enam gudang berlesen telah di luluskan.

Yayasan Pelaburan Bumiputra

Tambahan sebanyak \$1,591.9 juta adalah disediakan untuk menggalakkan penyertaan kaum Bumiputra dalam perdagangan dan Perindustrian. Dari jumlah ini sebanyak \$921.3 juta untuk Permodalan Nasional Berhad dan \$227 juta untuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Permodalan Nasional Berhad telah berjaya melabur sebanyak \$1,100 juta di dalam 83 buah syarikat sehingga akhir bulan Mac, 1981 dan sudah bersedia untuk melancarkan Skim Amanah Saham Nasional pada 20hb April tahun ini, untuk menarik seberapa banyak Bumiputera mengambil bahagian dan menikmati hasil keuntungan daripadanya. Yayasan Pelaburan Bumiputra akan terus berusaha untuk menjadi alat penggerak kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam usaha mempercepatkan pemilihan sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti syarikat-syarikat seperti dirancangan.

Infrastruktur

Kerajaan akan terus memperbaiki serta memperluas kemudahan-kemudahan asas bagi meninggikan taraf hidup rakyat, terutama yang berpendapatan rendah, dan juga bagi menggalakkan perkembangan industri lebih pesat lagi terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, saya mencadangkan supaya peruntukan bagi infrastruktur dan kemudahan awam dalam Anggaran Pembangunan 1981 itu ditambah sebanyak \$1,003.7 juta lagi, menjadikan jumlahnya sebanyak \$2,488.1 juta.

Sektor Sosial

Kerajaan akan terus memberikan kemudahan sosial untuk kemudahan rakyat. Oleh itu di bawah Sektor Sosial tambahan berjumlah \$1,151 juta adalah dicadangkan. Dari jumlah ini, sebanyak \$370.6 juta untuk Pelajaran, \$617.8 juta untuk Perumahan dan \$123.3 juta untuk Kebudayaan dan Kemajuan Rakyat.

Pelajaran

Kemudahan pelajaran akan terus diperluaskan dengan menyediakan bilek-bilek darjah baru dan tambahan, memperbesar dan memperengkapkan kemudahan-kemudahan dari segi fizikal dan alat-alat pengajaran. Kerajaan telahpun membuat keputusan supaya pendidikan di peringkat rendah hendaklah bercorak pendidikan asas dalam bidang 3M, supaya murid-murid boleh menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Perubahan ini telahpun dimulakan tahun ini dan akan terus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Sektor Keselamatan

Tambahan yang dicadangkan bagi Sektor Keselamatan meliputi \$120 juta bagi Pertahanan dan \$113.7 juta bagi Keselamatan Dalam Negeri. Peruntukan ini perlu bagi menjamin keselamatan dan pertahanan negara supaya usaha-usaha kemajuan ekonomi dapat terus berkembang dengan pesat.

Sektor Pentadbiran

Untuk menentukan supaya pelaksanaan rancangan pembangunan Kerajaan berjalan

lancar tambahan sebanyak \$107 juta adalah dicadangkan bagi Sektor Pentadbiran yang meliputi Perkhidmatan awam di dalam dan di luar negeri.

Pembiayaan perbelanjaan pembangunan 1981

Dengan pertambahan dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1981 adalah dijangka sebahagian besar daripada perbelanjaan ini dijangka akan dapat dibiayai daripada hasil negara dan pinjaman-pinjaman dari punca-punca tempatan dan bakinya daripada punca luar negeri.

Adalah dijangka bahawa kita tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalam mendapatkan pinjaman-pinjaman yang diperlukan dari luar negeri oleh kerana negara kita mempunyai "credit rating" yang tinggi di pasaran matawang antarabangsa. Tambahan lagi ekonomi kita mempunyai asas yang kukuh dan dijangka terus berkembang dengan pesatnya pada masa hadapan. Oleh itu kita mampu meminjam lebih banyak lagi wang untuk projek-projek pembangunan kita.

Strategi Baru Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan

Dengan peruntukan kewangan yang begitu besar bagi Rancangan Malaysia Keempat amnya dan bagi Anggaran Pembangunan Tahun 1981 khususnya, maka Kerajaan akan memastikan supaya jentera pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Kerajaan telahpun memulakan beberapa langkah positif ke arah ini.

Suatu sistem penurunan kuasa yang lebih berkesan akan diadakan bagi menambahkan lagi kecekapan pentadbiran Kerajaan seperti penglulusan, pemberian dan penerimaan tender di peringkat Kementerian dan negeri, dan kuasa menandatangani kontrak. Satu sistem maklumat untuk belanjawan dan pengurusan projek yang lebih efektif juga akan diwujudkan.

Kerajaan akan mengambil langkah untuk menambah keupayaan pengeluaran bahan-bahan binaan utama dengan menggalakkan pembinaan kilang-kilang tambahan dengan

segera dan menimbangankan insentif-insentif baru menarik pelaburan baru dan pelaburan semula dalam sektor pembinaan. Kerajaan telahpun mengadakan stokpail bagi keluli besi. Pada awal tahun 1979, tindakan telah diambil untuk mengimport keluli besi dari luar negeri untuk menjamin bekalan yang mencukupi bagi projek-projek pembinaan Kerajaan di samping memberi peluang kepada pihak swasta mendapatkan bekalan secukupnya dari dalam negeri.

Mengenai kekurangan bekalan simen, Kerajaan sedang menimbangankan cara-cara melaksanakan satu skim untuk menjamin supaya bekalan mencukupi. Sementara itu Kerajaan telah memansuhkan cukai tokok yang dikenakan kepada import simen pada 26hb Mac, 1981 supaya menggalakkan import bahan ini.

Bagi menggalakkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja separuh mahir Kerajaan akan melancarkan kempen untuk menyedarkan rakyat bahawa trend industrialisasi kita hari ini adalah mengutamakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dan rakyat hendaklah menerima hakikatnya sebagai fakta hidup di zaman moden. Dalam bidang binaan galakan telah diberi kepada pemaju dan pelatih untuk menjayakan Skim Latihan Semasa Kerja.

Dalam masalah keupayaan pembinaan dalam sektor awam dan masalah-masalah berkaitan dengan tenaga kerja yang mahir dalam sektor tersebut, perkhidmatan perunding-perunding swasta akan diperolehi bagi merancang dan melaksanakan projek-projek sampai siap. Dalam pemberian kontrak-kontrak tersebut, pemindahan teknologi kepada pekerja-pekerja binaan akan dijadikan salah satu syarat utama.

Keupayaan Kementerian dan Jabatan khususnya di peringkat pentadbiran negeri dalam bidang perancangan pengambilan, penempatan dan kemajuan tenaga manusia akan diperkuatkan.

Mengenai masalah pentadbiran tanah, Jabatan-jabatan Kerajaan akan diarahkan supaya membuah pemilihan dan permohonan

tapak dalam satu jangka masa yang ditetapkan supaya pertimbangan boleh dibuat secara dikumpulkan.

Dengan langkah-langkah utama seperti yang telah saya sebutkan tadi, saya yakin dan percaya bahawa prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Insentif Pembinaan Hotel

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada perusahaan hotel di negara kita ini. Mengikut ramalan, permintaan untuk penginapan hotel akan meningkat dengan pesat berikutan dari perkembangan perusahaan pelancungan dan beberapa konvensyen antarabangsa yang akan diadakan di negara ini. Kuala Lumpur sahaja dijangka akan memerlukan lebih kurang 3,000 bilik hotel lagi menjelang tahun 1985.

Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan sedang memberi pertimbangan untuk melanjutkan tempoh galakan bagi hotel-hotel kelas atasan dan kelas pertengahan di kawasan-kawasan Kuala Lumpur/Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang yang disiap dan dibuka untuk perniagaan atau sebelum 31hb Disember, 1984. Butir-butir mengenai galakan-galakan yang akan diberi sedang dikemaskan dan akan diumumkan tidak lama lagi. Saya berharap sektor swasta akan mengambil peluang untuk melabur dalam perusahaan hotel bagi memajukan lagi industri pelancongan.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan merupakan sektor yang penting kerana telah dapat berkembang dengan pesat. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sektor ini telah berkembang sebanyak 12.2% setahun. Dalam tahun 1981 pertumbuhan dalam sektor ini dijangka akan melebihi 12% memandangkan peningkatan pembinaan rumah kos rendah oleh pihak swasta dan sektor awam. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 923,300 unit rumah akan dibina. Sektor awam akan membina sejumlah 398,570 unit rumah, sementara pihak swasta pula dijangkakan

membina selebihnya. Dari jumlah unit rumah yang akan dibina oleh Sektor Awam, sebanyak 176,500 unit atau 44.3% adalah terdiri dari rumah kos rendah sementara sektor swasta pula dijangka membina sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah. Untuk menjamin pencapaian matlamat ini, pembinaan rumah kos rendah akan ditumpukan kepada jenis kondominium, atau perumahan berkelompok.

Skim Perumahan Konsep Baru

Unit-unit perumahan kondominium ini adalah dimaksudkan untuk keluarga yang berpendapatan lebih kurang \$750.00 sebulan. Unit-unit tersebut akan disewakan selama 25 tahun tetapi penghuni-penghuni akan diberi peluang membeli unit masing-masing dengan syarat mereka mestilah tetap tinggal selama 10 tahun dan membayar sewa tiap-tiap bulan. Sekiranya syarat-syarat ini tidak dipatuhi maka orang lain akan diberi peluang menduduki rumah itu atas kadar sewa lama, tak kira bila penghuni yang dahulu itu terpaksa dikeluarkan. Harga sebuah unit ketika ini adalah dianggarkan lebih kurang \$14,000. Cara-cara moden mengenai pembinaan rumah pasang-siap untuk menjimatkan kos dan masa akan digunakan. Kerajaan Negeri juga akan mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta supaya membina rumah kos rendah antara 30% hingga 50% dari keseluruhan unit rumah yang dibina. Ini adalah untuk menjamin matlamat pembinaan rumah kos rendah akan tercapai.

Jentera untuk pembinaan dan perusahaan perumahan

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, negara akan memerlukan lebih banyak jentera berat untuk mempercepat pelaksanaan dalam perusahaan pembinaan dan perumahan, sambil menjimatkan penggunaan tenagakerja. Saya suka menggalakkan jentera-jentera ini diimport untuk memodenkan teknologi pembinaan. Sebagai langkah permulaan saya telah menghapuskan cukai tokok 5% dan cukai jualan 5% bagi jentera-jentera berat yang sekarang ini tidak diperbuat dalam negeri.

Ramalan-ramalan untuk tahun 1981 dan 1982

Ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang dalam tahun 1981 walaupun pada kadar yang rendah sedikit dari tahun 1980. Ini ialah kerana kelemahan dalam permintaan luar ke atas barangan-barangan utama Malaysia akibat daripada kemerosotan ekonomi negara-negara perindustrian utama yang dijangka hanya akan pulih sedikit dalam tahun 1982. Sektor eksport dijangka berkembang kira-kira sebanyak 11.5% dalam tahun 1981 berbanding dengan 16.2% pada tahun 1980.

Seperti di dalam tahun 1980, permintaan dalam negeri juga merupakan asas kepada perkembangan dalam ekonomi Malaysia dalam tahun 1981. Jumlah besar permintaan dijangka bertambah sebanyak 21.8% dalam tahun 1981 berbanding dengan 24.1% dalam tahun 1980. Dengan dorongan dari perbelanjaan sektor awam yang semakin bertambah maka ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 7.6% dari segi sebenar dalam tahun 1981.

Perkembangan bekalan wang dalam tahun 1981 adalah dijangka sederhana pada kadar 14.3%. Kadar ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan bagi tahun 1981 dan dijangka tidak akan membawa kesan buruk kepada paras harga dalam negeri.

Keadaan inflasi di negara kita akan terus dipengaruhi oleh perkembangan harga di negara-negara perindustrian utama, terutama sekali di negara-negara yang menjadi rakan perdagangan kita di mana inflasi sekarang berada pada paras yang tinggi.

Walaupun kedudukan inflasi di negara-negara perindustrian dijangka beransur baik, tekanan ke atas paras harga di negara kita dijangka akan berterusan tetapi pada kadar yang sederhana. Oleh sebab itu inflasi dalam tahun 1981 dijangka akan meningkat dalam lingkungan kadar 7%.

Pihak Kerajaan akan memberikan keutamaan untuk menentang inflasi. Dengan meneruskan dasar-dasar fiskal, kewangan dan pentadbiran yang telah berjaya menentang inflasi pada masa lepas serta rancangan-rancangan subsidi yang dilaksanakan dalam

belanjawan-belanjawan pada masa yang lalu, saya yakin kita akan dapat mengawal kadar inflasi.

Dalam tahun 1981 Imbangan pembayaran negara dijangka akan mengalami kekurangan kerana bayaran bagi perkhidmatan "invisibles" akan meningkat lebih daripada lebihan dagangan barangan.

Untuk memperbaiki kedudukan ini Kerajaan telah menubuhkan satu kumpulan pakar untuk mencadangkan dasar-dasar tertentu bertujuan mengurangkan import perkhidmatan.

Dengan pemulihan yang dijangka dalam ekonomi negara-negara perindustrian utama, sektor luar Malaysia dijangka akan terus memberi dorongan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Permintaan sektor swasta dan perbelanjaan Kerajaan akan juga menjadi pendorong kepada perkembangan ekonomi kita. Berasaskan ini ekonomi kita dijangka mencatatkan pertumbuhan yang tinggi dalam tahun 1982.

Penutup

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rancangan Malaysia Keempat ialah meneruskan usaha-usaha membasmi kemiskinan, menyusun semula sistem pembahagian kekayaan negara, memodenkan pertanian dan kehidupan di luarbandar, memperbaiki sistem pelajaran, memperluas kebajikan rakyat, dan mempercepat pertumbuhan perindustrian, supaya Malaysia lebih cepat dapat mencapai taraf negara yang maju.

Asas-asas yang kukuh telah dibina untuk memastikan tercapainya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Saya yakin dan percaya, dengan penglibatan yang total dari segenap lapisan dan golongan rakyat, dan kerjasama yang erat antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta, kita akan berjaya mencapai matlamat-matlamat yang telah dirangka dalam Rancangan Malaysia Keempat ini, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1980

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1981

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama saya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,644,328,964 diperuntukan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1980—

Untuk menanggung sejumlah \$350,096,134 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas;

(2) Bagi tahun kewangan 1981—

Satu jumlah yang tidak melebihi \$4,294,232,830 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan lapan dan sembilan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ini ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan satu Usul nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Pemberitahu Usul diedarkan kepada Jawatankuasa Majlis, sekarang kedua-dua masalah ini terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.01 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi 1981 berjumlah \$4,294 juta mungkin menjadi sejarah sebagai anggaran tambahan terbesar yang pernah diminta oleh Kerajaan untuk dilulus sejak Merdeka dalam tahun 1957. Ini adalah akibat daripada kelulusan Rancangan Malaysia Keempat pada hari Isnin lalu.

Adalah penting bahawa kawalan dan skrutini Parlimen yang bermakna dan berkesan ke atas perbelanjaan awam wujud, bukan sahaja untuk memastikan bahawa setiap ringgit yang dibelanja itu membawa nilai yang sempurna, tetapi juga supaya tidak ada rasuah, penyelewengan, ketidakcekapan dan ketidakupayaan.

Saya pandang amat berat bahawa dengan perkembangan pesat perbelanjaan Kerajaan, kawalan Parlimen, sebenarnya menjadi lebih tidak berkesan dan ianya tidak lagi mempunyai apa-apa makna sama sekali.

Sebenarnya, Parlimen adalah diminta untuk meluluskan berjuta-juta ringgit untuk perbelanjaan pembangunan, tanpa diberitahu untuk apakah perbelanjaan itu dan bagaimana ianya akan dibelanjakan. Dan sebenarnya, apabila Ahli-ahli Parlimen mempersoalkan cara perbelanjaan itu dibuat, pihak Kerajaan

akan menyembunyikan diri di belakang pemujaan rahsia untuk menjustifikasikan perbuatan merahsiakan segala perbelanjaan.

Satu contoh ketara ialah mengenai perbelanjaan pertahanan yang berjumlah \$2.1 billion bagi 1981. Semasa perbahasan Rancangan Malaysia Keempat, saya telah menghuraikan pandangan berat saya terhadap cara penyelewengan di mana Kementerian Pertahanan melakukannya dalam pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan, seperti dalam kes pembelian kereta-kereta perisai Fire Support Vehicle atau Armoured Personnel Carrier, 30 pucuk 155 mm gun howitzers, dan 56 buah kereta kebal yang dicadangkan yang akan berharga beratus-ratus juta ringgit.

Jawapan Timbalan Menteri Pertahanan pada hari Isnin lalu bahawa pembelian semua alat kelengkapan pertahanan bagi negara kita adalah tidak boleh dipersoalkan dan ianya tertakluk kepada "checks and balances" oleh dua Kementerian di mana Kementerian Pertahanan membuat keputusan tentang spesifikasi-spesifikasi teknikal senjata-senjata yang akan dibeli sementara Kementerian Kewangan akan membuat keputusan muktamad tentang peraturan-peraturan kewangan dan tawaran-tawaran, adalah tidak memuaskan sama sekali dan pada amnya adalah dianggap sebagai satu "eyewash" oleh kesemua mereka yang berpengalaman dalam bidang tawaran bukan sahaja bagi kontrak-kontrak pertahanan tetapi juga kontrak-kontrak dalam bidang lain yang berharga berjuta-juta ringgit.

Tuntutan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bahawa sistem membuat keputusan dua peringkat sebelum pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan yang berharga lebih \$5 juta dibuat memperuntukkan "checks and balances" dan akan menahan sebarang pembelian yang "arbitrary" dan "high-handed" tidaklah dibukti dengan pengalaman dan amalan dahulu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah memperhatikan bahawa dalam kontrak-kontrak yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit, sama ada dalam bidang pertahanan ataupun dalam bidang alat-alat kelengkapan telekomunikasi yang sungguh

mahal, keputusan-keputusan merupakan telah dibuat sebelum tawaran secara formal dipelawa, dan spesifikasi-spesifikasi dibuat dalam cara-cara tertentu untuk memastikan bahawa hanya satu jenis alat kelengkapan tertentu yang dipilih terlebih dahulu akan layak.

Seperti diduga, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah menyembunyi dengan menuntut bahawa pembelian-pembelian kelengkapan tentera adalah rahsia Kerajaan untuk melepaskan diri dari accountability awam. Malah, beliau telah bercadang supaya saya mengubah sikap terhadap pembongkaran perkara-perkara berkait dengan pertahanan negara demi kebaikan negara.

Biarlah saya mengatakan di sini bahawa Kementerian Pertahananlah yang harus mengubah sikap terhadap perkara-perkara berkait dengan kelengkapan pertahanan demi kebaikan negara khususnya berkait dengan pembelian kelengkapan senjata.

Adalah tidak manfaat bagi Malaysia jika sekiranya seluruh dunia pertahanan termasuk bakal penyerang-penyerang kita tahu apakah alat-alat senjata pertahanan yang Malaysia ingin beli, jenis alat-alat kelengkapan yang Malaysia sedang menimbang dan apakah jenis kelengkapan yang Malaysia memihak kecuali rakyat Malaysia yang mana pembelian-pembelian ini dibuat untuk mereka.

Biarlah saya mengatakan di sini apa yang saya telah menyebut dalam Rancangan Malaysia Keempat bahawa segala pembelian kelengkapan senjata diketahui secara terbuka dalam pasaran senjata dunia kecuali rakyat Malaysia biasa dan mungkin Ahli-ahli Parlimen.

Malaysia tidaklah akan memperolehi sebarang faedah jika ia merahsiakan pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan kerana semua pembelian-pembelian itu merupakan rahsia terbuka dalam pasaran senjata dunia. Pemujaan rahsia seperti itu hanya akan melahirkan rasuah, penyelewengan, ketidakcekapan dan ketidak-upayaan yang mungkin akan menjadi lebih merbahaya kepada keselamatan negara dan kebaikan negara.

Pemujaan rahsia atau cult of secrecy ke atas pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan yang tidak boleh dirahsiakan dari dunia pertahanan luar hanya akan menguntungkan orang-orang yang berasuah dan decadent di negara ini dan inilah sebabnya mengapa Kementerian Pertahanan harus mengubah sikapnya dan menjadikan dirinya accountable kepada Parlimen atas segala pembelian, pemilihan alat-alat senjata dan lain-lain yang dibuat.

Dalam mempertahankan negara kita, Partai DAP tidak akan kalah kepada siapa-siapa dan kita bersetuju penuh bahawa strategi dan rancangan-rancangan pertahanan hendaklah dirahsiakan tetapi kita tidak boleh bersetuju bahawa segala pembelian-pembelian berkait dengan kelengkapan pertahanan mesti dirahsiakan kerana ia tidak akan bawa apa-apa faedah dari segi pertahanan melainkan melindungi orang-orang yang korup.

Umpamanya, angkatan tentera tiga tahun dahulu membeli unit Bofl 40L70 Anti-Air Craft guns berharga \$55 juta. Baru-baru ini angkatan tentera telah mendapat senjata anti-aircraft guns yang dibeli itu adalah defective, misalnya, radar on the run didapati tidak bekerja dengan baik, ia hanya boleh mengeluarkan impulses dan tidak boleh pula menerima impulses; dan lebih serius lagi ialah masalah barrel dicoppering iaitu haus laras senapang itu didapati terlalu lebih dari apa yang dinyatakan dan ini menjejaskan jangka masa (life span) tahannya senapang tersebut. Saya difahamkan bahawa satu gun itu telah retak.

Memang, Parlimen berhak mengetahui malah mempunyai tugas untuk melibatkan diri dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang ia luluskan untuk menentukan perbelanjaan-perbelanjaan itu dibelanja dengan baik. Malah, Parlimen boleh juga siasat ke dalam kehendak-kehendak teknikal dan pilihan-pilihan yang dibuat.

Memang, Parlimen mempunyai hak dan tugas untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan dalam masa-masa lampau tentang pembekalan alat-alat ganti dan peluru dalam masa berperang tidak akan diulangi lagi dalam

masa akan datang. Misalnya, semasa Konfrantasi Indonesia, Malaysia tidak dapat memperolehi peluru daripada Bofors dari Sweden untuk senjata 40L70 guns dalam Tentera Laut Di Raja kita oleh kerana pendirian berkecuali oleh Sweden menghalangnya membekalkan senjata kepada negara-negara yang bermusuhan dalam masa peperangan. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia terpaksa menggunakan Crown Agents dari England untuk pembekalan peluru sementara Tentera Laut Diraja kita menghadapi bahaya kemungkinan habisnya setok peluru.

Saya fikir tidaklah perlu saya nyatakan di sini tentang pembelian 'scandalous' kereta-kereta perisai Panhard yang kebanyakannya kini didapati di Woksyop No. 1 di Sungai Besi.

Timbalan Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa beliau mempunyai keyakinan dan kepercayaan penuh dalam pegawai-pegawai Kementerian dan Angkatan Bersenjata dalam pemilihan jenis senjata dan kereta-kereta kebal kerana mereka tentu akan mengambil kira keselamatan pengguna-pengguna, termasuk mereka-mereka sendiri.

Saya tidak bersetuju sepenuhnya oleh kerana pengguna-pengguna alat-alat tersebut adalah 'rank-and-file' peringkat bawahan dan bukan jeneral-jeneral atasan atau pegawai-pegawai Kementerian yang akan membuat keputusan mengenai senjata dan alat-alat kelengkapan.

Parlimen akan lalai dalam menjalankan tugasnya jika ia benar melanjutkan keadaan di mana apa yang ia melakukan ialah memberi satu 'Blank cheque' untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang berharga berbillion-billion ringgit, tanpa mengambil berat untuk mengawal dan 'scrutinise' bahawa setiap item yang dibeli itu dibelanjakan dengan teratur, baik dari segi kewangan mahupun dari segi teknikal.

Kalau tidak, lebih baik bagi Parlimen bersidang sekali dalam lima tahun untuk memberi Kerajaan yang ada pada ketika itu kebebasan penuh untuk membelanjakan apa saja jumlah wang dan mengenakan apa saja cukai dalam tempoh lima tahun itu.

Oleh yang demikian, saya menyeru Timbalan Menteri Pertahanan untuk bukan saja memberi satu jawapan yang memuaskan tentang perkara-perkara pertahanan yang saya telah membangkitkan, tetapi juga semua Menteri-menteri perlu mempunyai satu sikap yang lebih bertanggungjawab dan 'responsive' terhadap kawalan Parlimen ke atas perbelanjaan Kerajaan dan bukan menyembunyikan diri di belakang rahsia Kerajaan.

Dalam hal-hal yang benar-benar rahsia, iaitu hal-hal yang dunia pertahanan pun tidak mengetahui maka eloklah Kementerian Pertahanan bersedia untuk memberi satu taklimat kepada Parlimen secara dalam kamera. Dan inilah sebabnya mengapa saya mengesyorkan bahawa satu Jawatankuasa Tetap Parlimen mengenai Pertahanan perlu ditubuhkan untuk bukan saja menjadi 'watchdog' ke atas perbelanjaan pertahanan, tetapi juga menjadi alat organ Parlimen yang menjadi pakar yang akan mengurus hal-hal pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi-fungsi ekonomi adalah salah satu matlamat DEB untuk mewujudkan perpaduan negara. Akan tetapi, jika penyusunan semula ini dilakukan secara selektif, ia pasti akan menimbulkan ketidakperpaduan dan perpecahan.

Sejak 10 tahun yang lalu, penyusunan semula masyarakat dilakukan dengan cara berat sebelah.

Perenggan 25 Rancangan Malaysia Ketiga telah mengatakan bahawa kestabilan sosio-ekonomi tidak boleh dipelihara untuk lama dalam keadaan di mana umpamanya, seorang petani Melayu dengan pendapatan yang lebih yang datang ke bandar merasa tersisih atau alienated, merasa yang ia adalah seorang luar atau outsider, semata-mata kerana ia melihat begitu kecil bilangan orang-orang Melayu yang ada dalam kedai-kedai, restoran-restoran dan kilang-kilang. Dan begitu jugalah orang-orang China dan India akan merasa jika mereka pergi ke satu kawasan pertanian yang dikuasai oleh orang-orang Melayu.

Dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, banyak usaha-usaha telah dijalankan untuk menyusun semula sektor ekonomi di bandar untuk memenuhi quota-quota pengurusan dan pekerjaan yang tertentu, tetapi, tiada apa-apa usaha yang serius yang dilakukan untuk menyusun semula sektor pertanian dan sektor-sektor lain yang beridentifikasikan kaum, misalnya, dalam angkatan tentera dan sektor awam. Seperti seorang Petani Melayu harus tidak merasa dirinya sebagai seorang luar, ataupun merasa dirinya dialienated apabila ia masuk ke bandar, begitu juga seorang China atau India tidak harus merasa yang ia adalah seorang luar dan merasa dirinya dialienated apabila ia pergi ke Jabatan-jabatan Kerajaan dan mendapati begitu sedikit sahaja orang-orang China dan India yang bertugas di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Sebagai misalan, dalam program pembangunan tanah dan penempatan di kawasan-kawasan baru yang bertujuan mewujudkan masyarakat petani yang viable, FELDA telah menempatkan seramai 42,200 keluarga, FELCRA telah menempatkan seramai 16,600 keluarga dan 4,100 pemuda-pemuda telah ditempatkan di rancangan-rancangan tanah pinggir dan belia. Rancangan-rancangan penempatan tanah ini sebaliknya diduduki bulat-bulat oleh satu kaum sahaja meskipun Kerajaan telah berjanji untuk menyusun semula masyarakat, di antara lain, untuk menggalakkan pertumbuhan pola penduduk yang lebih seimbang.

Angkatan Polis dan Senjata sedang mengalami satu perkembangan yang pesat, tetapi sejak permulaan DEB dalam 1971, ia adalah sektor yang terang dilihat di mana penyusunan semula tidak berlaku dan di mana ianya dikenali dengan bangsa dengan jelas sekali.

Bagi 'penyusunan semula' berjaya untuk menjadi satu ajen perpaduan negara daripada menjadi satu kuasa memecahbelahkan rakyat, ia hendaklah dilihat sebagai satu kuasa yang tidak memihak untuk "MEMALAYSIAN-KAN" segala sektor ekonomi Malaysia dan bukan sebagai satu alat untuk "MEMELAYUKAN" ekonomi Malaysia sepertimana jelas ditunjuk dalam rationale Pemuda UMNO mengenai pendiriannya atas isu UMBC.

Itulah sebabnya, sepuluh tahun selepas pelaksanaan objektif 'menyusun semula' seperti ternyata dalam DEB, ia telah menimbulkan banyak penentangan dan was-was yang menyebabkan penurunan yang hebat dalam pelaburan swasta dalam negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Jugalah jelas bahawa 10 tahun selepas pelaksanaan DEB, Kerajaan hanya sibuk dengan agihan semula pendapatan dan harta di antara kaum, tetapi tidak melakukan sebarang percubaan serius mengenai agihan semula dalam setiap kaum di mana perbezaan ketara telah timbul.

Misalnya, pengumuman Kerajaan baru-baru ini mengenai pindahan 660 juta saham dengan nilai pasaran yang dianggarkan lebih \$1.5 billion dari 21 syarikat amanah kepada kaum bumiputera menimbulkan soal sama ada pada akhirnya, mereka yang akan mendapat faedah ialah orang-orang Melayu yang berkeistimewaan dan kaya, khususnya UMNO-putera dan dengan itu memburukkan perbezaan pendapatan dalam kaum Melayu sendiri.

Adalah sukar untuk memahami bagaimana pesawah-pesawah, nelayan-nelayan, Iban shifting cultivator atau petani Kadazan boleh mendapat faedah daripada skim pemindahan saham.

Memandangkan kemunduran yang jelas di kalangan rakyat di Sabah dan Sarawak, saya ingin menanyakan Menteri Kewangan sama ada ada sebarang peruntukan quota tertentu dalam pemindahan saham ini bagi kaum bumiputera Sarawak dan Sabah, khasnya bagi orang-orang Iban dan Kadazan, ataupun sama ada satu "free for all" di antara bumiputera dalam pembelian saham-saham.

Pemindahan saham Kerajaan yang besar hendaklah dibuat untuk mencapai dua objektif: (i) untuk menambahkan penguasaan bumiputera dalam sektor corporate ekonomi negara; dan (ii) untuk melegakan kemiskinan orang-orang yang paling miskin di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Saya mencadangkan bahawa 550 juta saham atau sebahagian besarnya hendaklah dipindah kepada mereka yang hidup di bawah garis kemiskinan, oleh kerana skim pemindahan

saham sekarang memperuntukkan bahawa semua bumiputera adalah layak untuk mengambil bahagian dalam skim ini dengan mendaftar dan membayar \$10 untuk membeli sehingga 50,000 unit setahun.

Oleh kerana Kerajaan menjamin bonus minima sebanyak 10% bagi 10 tahun sehingga 1990 bilamana sehingga masa itu saham-saham itu tidak boleh dijual-beli, saham-saham ini hendaklah diurus secara amanah bagi pemegang-pemegang saham oleh Amanah Unit Nasional.

Sejak pengenalan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971 atas nama menyusun semula ekonomi untuk memastikan satu penyertaan bumiputera sebanyak 30% dalam perdagangan dan perindustrian dalam tahun 1990—satu golongan kecil tokoh-tokoh politik dan technocrat Melayu yang saya dengan pendeknya memanggil sebagai UMNO-putera telah tertumpu dalam tangan mereka penguasaan kebanyakan sektor swasta ekonomi kita. Mereka mengurus institusi-institusi yang telah diberi tugas untuk menjalankan usaha-usaha Kerajaan dalam mewujudkan satu kaum perdagangan dan perusahaan di kalangan bumiputera melalui penyertaan secara langsung dalam sektor swasta. Institusi-institusi ini termasuklah MARA, PERNAS, UDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Bank Bumiputra, Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Dalam tempoh masa di antara tahun 1971 dan 1980 PERNAS telah wujud dan membeli modal equity berjumlah lebih daripada \$500 juta melalui anak-anak syarikat dan lain-lain kepentingan dalam bidang perlombongan, pembinaan, perdagangan dan perusahaan ladang. Tambah kepada pembelian kredit, latihan dan perkhidmatan perundingan, MARA melalui syarikat-syarikatnya termasuk Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, telah memegang secara amanah saham-saham ekuiti yang berjumlah lebih kurang \$182.9 juta sehingga akhir tahun 1980. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah menjalankan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan sama ada dengan sendiri mahupun secara usahasama dengan sektor swasta dan ia memegang jumlah modal saham sebanyak \$438 juta pada akhir tahun 1980.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat PERNAS akan diperuntukkan \$200 juta lagi, MARA akan diberi \$495 juta lagi dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan diberi \$1,131 juta lagi. UDA yang telah diperuntukkan \$469 juta dari tahun 1971 hingga tahun 1980 akan diberi \$568.79 juta lagi di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Permodalan Nasional Berhad yang telah diperuntukkan \$500 juta semasa ianya ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kini akan memperuntukkan \$1.5 billion lagi di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk membeli saham-saham secara amanah bagi bumiputera. Dari tahun 1971 hingga tahun 1980, \$11.1 billion daripada \$34.73 billion yang diperuntukkan sebagai perbelanjaan pembangunan awam telah digunakan atas pemindahan-pemindahan kepada sektor swasta sebagai 'disguised' private investment. Bagi Rancangan Malaysia Keempat \$5,433 juta daripada belanja pembangunan akan digunakan dalam sektor swasta bagi maksud yang sama untuk mempercepatkan lagi proses penyusunan semula, pengwujudan pekerjaan serta membetulkan ketidak seimbangan wilayah.

Apabila kita ambilkira PETRONAS, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia dan Sistem Penerbangan Malaysia, kita dapat satu gambaran yang menunjukkan berbillion-billion ringgit wang rakyat dikawal penuh oleh satu golongan kecil UMNO-putera tanpa cara-cara lengkap untuk memastikan accountability dan pemberitahu. Penumpuan luas ekonomi dan hak membuat keputusan tanpa tatatertib persaingan atau scrutiny Parlimen yang lengkap adalah sangat merbahaya.

Kita telah melihat daripada penyiasatan Price Waterhouse mengenai Bank Rakyat tentang bagaimana wang rakyat begitu banyak yang diamanahkan oleh rakyat biasa boleh disalahgunakan (misused) dan misappropriated dan dalam kes ini memerlukan wang Kerajaan sebanyak \$150 juta untuk menebus Bank Rakyat dari menjadi bankrap. Tetapi kes Bank Rakyat diketahui umum kerana persaingan kuasa politik dan jika Dato Harun Idris tidak menjadi pencabar kepada pucuk pimpinan UMNO tidak boleh diragukan bahawa

skandal Bank Rakyat akan disembunyikan daripada pengetahuan rakyat. Begitu juga penyelewengan dan pengkhianatan yang sekadar Bank Rakyat tidak boleh dikatakan tidak berlaku dalam berbagai perusahaan awam yang secara kelompok mengawal berjuta-juta ringgit wang rakyat dalam sektor swasta.

Satu sistem hendaklah diwujudkan untuk menjaga dan mengawal perusahaan-perusahaan awam gergasi ini. Pihak Kerajaan memberi alasan bahawa perusahaan-perusahaan awam ini adalah didaftar sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat untuk membolehkan mereka bergiat dengan bebas dan inisiatif yang tidak boleh dilakukan oleh Jabatan Kerajaan. Namun demikian, tidaklah begitu boleh dilupa bahawa perusahaan-perusahaan awam atau syarikat-syarikat awam ini mengawal wang rakyat yang begitu banyak dan mereka hendaklah diawasi dan pengakaunan diwujudkan. Sistem sekarang di mana satu pertanyaan boleh dikemukakan di Parlimen melalui Menteri yang bertugas menjaga perusahaan-perusahaan awam ini mengenai syarikat-syarikat Kerajaan adalah tidak lengkap dan tidak berkesan sama sekali untuk membolehkan Parlimen menjalankan tanggungjawabnya untuk memastikan wang rakyat adalah diguna dan dilabur dengan teratur.

Selepas 10 tahun syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan awam ini bergiat yang mana sebenarnya mereka tidak bertanggungjawab kepada sesiapa pun oleh kerana Menteri yang ditugaskan menjaga mereka mungkin tidak tahu lebih daripada apa ianya diberitahu untuk perusahaan awam itu.

Masa sudah tiba bagi negara kita untuk menghalusi kemunculan seperti cendawan syarikat-syarikat ini, untuk mengawasi sebarang rasuah atau salahguna kuasa, untuk membaiki prestasi mereka dan untuk menekankan accountability mereka kepada orang ramai dan Parlimen. Ini boleh dilakukan dengan penubuhan sebuah Suruhanjaya Parlimen untuk mengkaji semula kegiatan perusahaan dan syarikat awam dalam tempoh 10 tahun yang lalu dengan tujuan memastikan tidak ada kes seperti

Bank Rakyat tersembunyi dalam institusi-institusi ini dan juga untuk mengkaji semula seluruh persoalan tentang accountability, organisasi-organisasi ini kepada Parlimen.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.27 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, memandangkan hakikat bahawa lebih daripada \$4 billion telah diminta dibelanjakan sebagai Anggaran Pembangunan Tambahan untuk tahun 1981, saya ingin mengambil peluang ini untuk menegaskan betapa perlunya sebagaimana yang telah dikatakan oleh Wakil dari Petaling berkenaan dengan pengawasan dan pemeriksaan yang ketat oleh Parlimen ke atas setiap ringgit yang akan dibelanjakan. Ini adalah perlu sebagai memastikan bahawa setiap ringgit yang diberi dari orang ramai dipergunakan sebaiknya serta juga pelbagai projek yang dilaksanakan akan benar-benar memberi faedah kepada rakyat.

Yang keduanya, saya suka menegaskan di sini, Tuan Speaker, berkenaan dengan betapa pentingnya langkah-langkah lanjut hendaklah diambil untuk memperbaiki jentera pentadbiran di semua Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan kerja-kerja pelaksanaan projek Kerajaan dan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyatakan dalam ucapannya bahawa dengan peruntukan kewangan yang begitu besar bagi Rancangan Malaysia Keempat dan bagi Anggaran Pembangunan tahun 1981, maka Kerajaan akan memastikan supaya jentera pelaksanaan projek pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Beliau terus menerangkan bahawa satu penurunan kuasa akan diadakan untuk menambahkan kecekapan pentadbiran Kerajaan dan satu sistem maklumat untuk belanjawan dan pengurusan projek yang lebih efektif juga akan diwujudkan.

Tuan Speaker, saya tidak menentang langkah-langkah ini, akan tetapi saya berharap bahawa langkah-langkah yang akan diambil ini akan dapat mencapai objektifnya.

Tuan Speaker, Kerajaan seharusnya menekankan ke atas kecekapan pentadbiran serta juga membasmi masalah red-tape dalam pelaksanaan rancangan Kerajaan. Setiap Jabatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan harian kepada rakyat dan melayani setiap masalah mereka hendaklah memastikan bahawa orang ramai yang menjadi pembayar cukai adalah berhak mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap, yang lebih berkesan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan. Meskipun Kerajaan seringkali mendakwa bahawa jentera pentadbiran mereka telah diperkemaskan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat tetapi saya masih belum dapat meyakini lagi dengan hal ini dengan mengadili setiap pengaduan yang saya terima pada setiap hari sebagai Wakil Rakyat adalah mengenai tingkah-laku dan sikap setengah-setengah kakitangan Kerajaan di setengah-setengah Jabatan Kerajaan.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa masih belum cukup apa yang dibuat bagi memperbaiki lagi serta penekanan ke atas keperluan sikap sopan dan kecekapan. Jabatan Pengangkutan Jalan, Wilayah Persekutuan adalah satu contoh. Pada 2hb April, 1981 sebuah akhbar tempatan telah melaporkan mengenai kesesakan di Pejabat RIMV, Wilayah Persekutuan apabila beratus-ratus pengguna kenderaan terpaksa menunggu berjam-jam lamanya bagi mendapatkan pembaharuan cukai jalan kerana pentadbiran yang tidak cekap di dalam Pejabat itu. Keadaan kucar-kacir dan rungutan sering terjadi di Pejabat RIMV Wilayah Persekutuan dan itu adalah boleh dikatakan satu pemandangan biasa dan orang ramai pada amnya adalah berasa tidak hati. Kenapa Pejabat itu tidak benar-benar menyusun dan berjalan dengan baik untuk memberikan perkhidmatan yang cekap kepada orang ramai. Kejadian-kejadian yang serupa sering terjadi di Pejabat RIMV di lain-lain tempat di negara kita.

Saya suka menarik perhatian pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengadakan satu strategi yang efektif bagi menyusun semula jentera ataupun organisasi pentadbiran di RIMV supaya masalah yang sentiasa dialami oleh rakyat tidak berulang lagi.

Tuan Speaker, memandangkan di atas saya suka mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk menentukan bahawa segala langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki jentera pentadbiran akan dapat mencapai objektifnya. Di sini saya suka mencadangkan bahawa Kempen Bersopan-santun hendaklah dilancarkan di semua Jabatan Kerajaan dengan tujuan menegaskan kepada rakyat bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan adalah sering bersopan-santun apabila berhubung dengan orang ramai. Sopan-santun dan kecekapan hendaklah menjadi cogan kata di dalam semua Jabatan Kerajaan.

Seterusnya saya suka juga mencadangkan bahawa setiap langkah hendaklah diambil untuk menentukan dan mengawasi kemajuan dalam perkhidmatan pentadbiran, kecekapan dan kesopanan di sesebuah Jabatan Kerajaan supaya orang ramai boleh dijamin dengan perkhidmatan yang lebih baik. Saya rasa bahawa sekiranya cadangan saya ini hendaklah diambil perhatian berat kerana orang ramai suka melihat satu perkhidmatan awam yang lebih cekap lebih-lebih lagi kerana begitu banyak wang rakyat yang diminta setiap tahun sebagai perbelanjaan tambahan untuk Anggaran Pembangunan.

Menteri Kewangan dalam ucapannya juga ada menyatakan bahawa lebih banyak rumah akan dibina terutama rumah kos rendah di negara kita. Beliau berkata bahawa rumah-rumah yang berupa jenis 'condominium' yang mengandungi lebih tingkat akan dibina untuk negara kita. Tuan Speaker, kenyataan bahawa negara kita khususnya Kuala Lumpur memerlukan lebih banyak rumah adalah satu kenyataan yang perlu diterima. Perumahan kos rendah adalah satu masalah utama di Kuala Lumpur. Lebih kurang 1/4 daripada jumlah penduduk bandaraya adalah setinggan. Penduduk yang berjumlah 1.07 juta ini berkembang pada kadar 4.3% setahun. Memandangkan ini lebih banyak rumah haruslah dibina untuk menampung keperluan rakyat.

Saya ingin menekankan di sini bahawa walaupun adalah dialu-alukan lebih banyak rumah akan dibina adalah juga perlu diperbaiki konsep pembinaan rumah. Untuk

mempastikan keselisaan keluarga, saya mencadangkan bahawa rumah-rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik tidur hendaklah dibina memandangkan jumlah saiz sesuatu keluarga yang ada di Malaysia. Terdapat banyak rumah pangsa dalam Bandaraya yang mempunyai hanya satu bilik tidur sahaja dan ini menyebabkan ketidak selisaan atau kesesakan kepada keluarga yang mempunyai lebih daripada 6 orang.

Mengenai perkara rumah-rumah kos rendah ini saya ingin menarik perhatian Menteri Kewangan kepada satu lagi masalah dalam rumah-rumah pangsa kos rendah yang ada di Bandaraya ialah berkenaan dengan masalah kerosakan lif di dalam semua rumah pangsa berbilang tingkat di Kuala Lumpur. Langkah-langkah tertentu hendaklah diambil bagi mendapatkan wang untuk memperbaiki dan mengganti semua lif yang tidak lagi selamat digunakan dan yang sering mengalami kerosakan. Atendan Lif yang tetap (permanent lift attendants) hendaklah diambil bertugas untuk mengawasi penggunaan lif agar dapat mengurangkan bilangan kerosakan di lif-lif itu. Masalah lif adalah satu masalah yang serius oleh kerana lif-lif yang ada di semua rumah pangsa berbilang tingkat di Bandaraya sering menghadapi masalah kerosakan.

Akhirnya, Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya ada menyatakan bahawa Kerajaan akan melanjutkan tempoh galakan bagi hotel-hotel kelas atasan dan kelas pertengahan di kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan. Beliau mengharap bahawa sektor swasta akan mengambil peluang untuk melabur di dalam perusahaan hotel bagi memajukan lagi industri pelancungan. Tidak boleh diragukan, Tuan Speaker, bahawa pihak swasta hendak melabur di dalam perusahaan hotel, akan tetapi apa yang saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri ialah kesusahan yang dialami oleh pihak swasta untuk membina hotel-hotel khususnya hotel-hotel kelas pertengahan kerana beberapa syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh pihak Penguasa Tempatan. Saya sendiri telah menerima banyak aduan daripada pihak swasta yang ingin membina hotel kelas pertengahan di Kuala Lumpur berkenaan

dengan syarat-syarat yang tidak logik yang dikenakan ke atas mereka apabila mereka hendak memohon dan mendapat kebenaran perancangan untuk membina hotel-hotel itu.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri mahu mendapat bukti saya boleh membawa orang yang berkenaan berjumpa dengan beliau dan dapat menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri apakah kesulitan dan syarat-syarat yang tidak begitu logik yang dikenakan kepada mereka itu oleh Pihak Berkuasa Tempatan apabila mereka hendak memohon untuk mendapat kebenaran dan kelulusan untuk pelan-pelan mereka untuk membina hotel-hotel itu. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kemaman.

4.40 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini saya berharap dalam tahun 1981 ini dengan jumlah peruntukan pembangunan termasuk Anggaran Pembangunan Tambahan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekejap tadi akan merupakan dan akan dapat mengasaskan detik permulaan yang baik (good start) di dalam pelancaran Rancangan Malaysia Keempat seterusnya dengan harap kita memperolehi prestasi yang baik untuk membawa pertumbuhan ekonomi dan perubahan struktur yang pesat dan Dasar Ekonomi Baru kita akan tercapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi pada tahun 1981 ini ekonomi negara kita akan terus menghadapi beberapa tekanan yang buruk seperti tahun-tahun yang lepas melalui dua faktor yang besar iaitu pertama wujudnya suasana perkembangan antarabangsa yang buruk dan kadar inflasi yang tinggi dan ini akan memberi kesan yang buruk kepada sektor eksport negara kita. Yang kedua wujudnya kenaikan kos faktor-faktor pengeluaran dalam negeri seperti buruh, tenaga dan harga-harga input yang lain. Ini akan memberi tekanan yang buruk juga kepada inflasi dalam negeri dan seterusnya

kepada pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada wujudnya tekanan-tekanan buruk ini terutama sekali yang datang dari luar negeri di mana kita tidak dapat mengawalinya dan tidak dapat meramalkan dengan tepat akan masa depannya, saya berharap supaya pihak Kerajaan kita lebih menitikberatkan lagi untuk menstabilkan keadaan dalam negeri kita sendiri di mana kita mempunyai keupayaan untuk mengadakan kawalan-kawalan dan juga sekatan-sekatan tertentu. Perlaksanaan dasar-dasar negara hendaklah memberi keutamaan kepada mengawal inflasi dan meningkatkan lagi paras tabungan dan pelaburan dalam negara kita. Usaha-usaha hendaklah dijalankan dengan lebih gigih lagi untuk mendorong perbelanjaan sektor swasta agar perkembangan permintaan dalam negeri akan bertambah dan dengan ini dapat mewujudkan galakan yang cukup untuk meningkatkan lagi perkembangan pengeluaran dan juga daya pengeluaran dalam negara kita.

Di dalam mempertingkatkan lagi pengeluaran ini usaha-usaha yang lebih gigih lagi hendaklah dijalankan untuk memperbanyakkan lagi penawaran buruh mahir dalam bidang-bidang yang tertentu dan juga kita mestilah bersungguh-sungguh daripada sekarang bagi memastikan bahawa buruh-buruh kita akan menikmati kenaikan upah yang selaras dengan peningkatan daya pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, minyak adalah satu-satunya pemberian semula jadi yang baru sahaja ditemui dan diterokai dalam negara kita ini dalam sektor perlombongan dan telah menjadi satu-satunya sumber hasil bagi negara kita. Setengah-setengah kawasan yang tertentu telah mendapat faedah pembangunan dan akan terus membangun akibat pelaburan dalam industri minyak ini. Hasil daripada minyak ini di mana negara kita dianggarkan sebagai net exporter of oil telah menambahkan lagi jumlah pendapatan dalam sektor eksport negara kita dan dapat disalurkan kepada pembangunan dalam negara kita. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pihak Kerajaan kita mulai

daripada sekarang hendaklah membuat perancangan berhubung dengan kadar carigali minyak di negara kita ini. Kita tidak mahu di satu hari nanti negara kita akan bertukar menjadi net importer of oil dan mungkin pada ketika itu harganya akan berlipat ganda lagi daripada sekarang dan terpaksa kita menggunakan sumber-sumber yang lain yang seharusnya digunakan untuk projek-projek yang lain bagi membiayai import minyak ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada ketika itu kita terpaksa melepaskan (forgo) projek-projek yang lebih penting bagi membiayai harga minyak di mana kita menjadi net importer pada ketika itu. Kos melepasnya agaknya adalah terlampau tinggi pada ketika itu. Oleh yang demikian saya cadangkan supaya pihak Kerajaan mulai daripada sekarang hendaklah merangkakan satu dasar di mana kadar pengeluaran minyak di negara kita dapat dikawal untuk mengekalkan status kita sebagai net exporter of oil.

Tuan Yang di-Pertua, arah aliran sektor pertanian dalam negara kita di masa-masa yang lepas lebih menitikberatkan kepada hasil-hasil pertanian untuk dieksport. Matlamat sara diri (self-sufficiency) dalam bahan-bahan makanan tidak diberi perhatian yang begitu serius sungguhpun ada usaha-usaha yang dijalankan ke arah ini. Melalui dasar pertanian negara yang akan dilancarkan tidak berapa lama lagi, saya berharap supaya pihak berkenaan dapat memberi perhatian sewajarnya kepada matlamat sara diri ini. Masalah bekalan bahan-bahan makanan seperti daging, telur, buah-buahan dan sayur-sayuran adalah masalah rakyat semua. Jadi sewajarnya pihak Kerajaan setelah dapat mengesan masalah ini mencari jalan untuk menuju ke arah sara diri ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menjalankan usaha-usaha untuk membanyakkan lagi pengeluaran bahan-bahan makanan, dasar meletakkan harga bagi bahan-bahan ini adalah juga diadakan untuk memberi dorongan dan galakan kepada petani-petani kita bercucuk tanam. Harga minima yang dijamin (guaranteed minimum price) hendaklah diadakan. Memang tidak dinafikan bahawa dasar ini telahpun diadakan tetapi ia cuma melibatkan kepada harga padai sahaja tidak meliputi kepada bahan-bahan makanan

yang lain. Jadi saya berharap agar dasar ini dapat diperluaskan bagi meliputi bahan-bahan makanan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, arah aliran gunatenaga dalam sektor pertanian telah menunjukkan bahawa gunatenaga dalam sektor ini telah berkurangan dari jumlah gunatenaga keseluruhannya. Kekurangan ini dapat dirasai kesannya pertama sekali di dalam kawasan-kawasan pembangunan wilayah yang baru seperti KESEDAR, KETENGAH, KEJORA dan juga DARA dan adalah membimbangkan jika sekiranya trend kekurangan ini dibiarkan berlarutan ianya akan membawa kesan yang buruk dan akan membantut kadar pembangunan terutama sekali dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan jentera yang meluas adalah satu-satunya cara bagi mengatasi masalah kekurangan ini. Tetapi harus diingat bahawa selain daripada memerlukan pengetahuan teknologi dan juga daya resapan (absorptive capacity) yang tinggi jentera-jentera ini mestilah diimport dari luar negeri dan dengan kadar inflasi dunia yang ada sekarang jentera-jentera ini terpaksa dibeli dengan harga yang mahal dan boleh mengakibatkan kos pengeluaran bahan-bahan pertanian kita akan menjadi mahal dan terpaksa dijual dengan harga yang mahal juga di dalam pasaran. Keadaan ini mungkin akan memburukkan lagi tekanan inflasi yang sedia ada dalam negara kita ini apatah lagi apabila melibatkan pengeluaran bahan-bahan makanan. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengkaji masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ingin sentuh ialah sektor perhutanan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Perusahaan Utama yang telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menentukan bahawa bekalan kayu gergaji yang cukup di dalam negara kita memandangkan bertambahnya permintaan terutamanya dalam industri bangunan dan binaan. Adalah dijangkakan negara kita akan kehabisan balak yang bermutu tinggi menjelang tahun 1990 kelak kecuali eksploitasi dapat dikawal pada kadar yang rendah.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini ialah pengharaman pengeksporan balak bagi species yang tertentu dan juga penanaman semula hutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa cadangan di sini untuk diambil perhatian oleh pihak Kementerian berkenaan. Pertama sungguhpun pengeksporan bagi balak-balak yang tergulung dalam species yang tertentu diharamkan tetapi adalah didapati bahawa pengeksporan kayu balak yang berjenis plywood species, kayu-kayu veneer ataupun kayu-kayu papan lapis dibiarkan berlaku dengan sewenang-wenangnya tanpa dikawal. Jika sekiranya tindakan tidak diambil mulai daripada sekarang untuk mengawal keadaan ini di satu hari nanti negara kita akan mengalami kekurangan bahan-bahan ini pula pada hal kayu-kayu papan lapis ini juga mempunyai permintaan yang tinggi di dalam negara ini. Saya berharap tindakan dapat diambil dengan segera bagi mengatasi masalah ini.

Yang kedua, saya cadangkan supaya lesen-lesen kilang papan juga janganlah dikeluarkan lagi, di sebaliknya usaha-usaha hendaklah dijalankan bagi mendorong pengeluaran di peringkat secondary processing dan finished product untuk kegunaan, sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang lebih serius hendaklah dijalankan berhubung dengan pemeliharaan hutan. Garis-garis panduan khusus dan seragam hendaklah diadakan agar orang-orang yang terlibat dan juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dapat gambaran yang lebih jelas lagi tentang tugas mereka dan konsep pemeliharaan hutan ini. Institut Perhutanan Kepong hendaklah diberi pandangan yang lebih lagi menjalankan kajian-kajian dalam aspek pembangunan hutan ini dan saya cadangkan agar Institut Perhutanan yang berada di Kepong ini hendaklah ditukarkan menjadi satu Lembaga yang bebas, tidak lagi terletak di bawah Jabatan Perhutanan agar ia akan menjadi satu badan yang lebih bertanggungjawab lagi kepada pembangunan hutan di dalam negara kita ini.

Sekian, saya menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

4.52 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Belanjawan Tambahan (1979 dan 1980) yang sedang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bagi pihak semua rakyat Malaysia di Sabah ingin mengucapkan penghargaan yang tak terhingga kepada Kerajaan Pusat di atas kemurahannya memberi peruntukan untuk pembangunan di Sabah. Kami di Sabah menyedari bahawa tanpa sokongan dan persefahaman yang baik di kalangan pemimpin-pemimpin Negeri dan Kerajaan Pusat, kami tidak akan berjaya membangunkan negeri Sabah seperti sekarang dan mencapai kejayaan untuk rakyat di sana. Bukanlah satu perkara yang mudah untuk memenuhi harapan rakyat yang sedang membangun dan dahagakan pembangunan seperti di negeri Sabah. Ia memerlukan dedikasi dan kejujuran di pihak kepimpinan yang bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat dan negeri jika kita hendak memenuhi objektif pembangunan yang akan menaikkan taraf hidup rakyat kita di Sabah.

Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini rakyat Sabah telah menyaksikan bagaimana sebuah Kerajaan Barisan Nasional di Sabah yang berjiwa rakyat dapat membawa kemakmuran kepada mereka. Rakyat Sabah telah menunjukkan kematangan berpolitik dan berupaya pula membuat sesuatu keputusan yang wajar. Walaupun mereka telah dibanjiri oleh dakyah-dakyah yang palsu, tidak bertanggungjawab dan penuh nista oleh pihak Pembangkang, ternyata sekali mereka tidak dipengaruhi dengan kata-kata yang bohong.

Keputusan pilihanraya dalam bulan Mac yang lalu adalah menjadi bukti kepada kita. Nampaknya pihak Pembangkang tidak tunduk kepada keputusan rakyat, mereka tidak dapat menerima keputusan ramai menolak kepimpinan mereka. Dalam usaha mereka mencari satu scape-goat mereka kini melemparkan tuduhan-tuduhan yang mereka tidak dapat buktikan dan hingga kini mereka

masih lagi cuba menghina Ketua Menteri Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong nampaknya membawa sekali lagi isu Gruman Jet di Dewan yang mulia ini. Jika tujuan beliau untuk mengetahui hal penyiasatan yang telah dibuat mengenai perkara itu bolehlah ia bertegas dan berterus terang. Ia membuat tuduhan-tuduhan palsu terhadap Ketua Menteri Sabah yang kononnya menerima bayaran rasuah dan haram seperti telah dibuat kepada United States Security and Exchange Commission. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu hendaklah menyedari bahawa segala tuduhan itu tidak mempunyai asas sebab pada bulan November, 1978 Ketua Menteri Sabah sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Ulu Padas telah membuat kenyataan kepada Dewan ini bahawa segala tuduhan itu tidak mempunyai sebarang asas dan beliau telah mengambil tindakan undang-undang terhadap suratkhbar yang menyiarkan berita yang mengaibkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong hendaklah juga menyedari bahawa suratkhbar *The Star* telah menyiarkan satu apology dalam keluarannya pada 18hb Mac tahun ini di mana ia mengatakan tiada sebarang aduan telah dibuat kepada Securities and Exchange Commission. Di sini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya petik sedutan dari suratkhbar *The Star* dalam Bahasa Inggeris:

(Dengan izin) "On April 16th 1978, this newspaper published a United Press International (UPI) report which stated among other things that the Securities and Exchange Commission (SEC) of the United States of America had alleged in a suit against Page Airways Incorporation, an American distributor of executive aircraft, that the company had extended improper favours and payments to a number of persons including Datuk Harris Salleh, Chief Minister of Sabah in connection with its sales efforts. Our attention has since been drawn to the actual complaint by the SEC in the United States District Court in Rochester, New York and we have had the opportunity to study the relevant portions of it pertaining to this allegation. Following

perusal of this document we are now convinced that nowhere in the SEC document referred to was it stated that improper favours or payments were, in fact, extended to Datuk Harris Salleh by Page Airways Incorporation. We regret, therefore, the publication of the UPI report has led our readers to infer otherwise and apologise to Datuk Harris Salleh for the embarrassment our report has caused."

Dengan demikian Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu nampaknya masih juga cuba mengelirukan Dewan ini dan mencemarkan nama baik Ketua Menteri Sabah. Tambahan pula Ahli Yang Berhormat itu mendakwa bahawa Ketua Menteri Sabah tidak membenarkan pemimpin-pemimpin dari DAP masuk ke negeri itu kerana ia takut rahsiannya tidak jujur akan terbongkar. Jelas sekali Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu telah menyalahgunakan keistimewaannya dalam Dewan ini. Jika ia juga masih melemparkan tuduhan-tuduhan seumpama itu ia mestilah membuat tuduhan itu di luar Dewan ini supaya Ketua Menteri Sabah dapat mengambil tindakan undang-undang yang wajar terhadapnya supaya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak dapat berlindung di bawah kedaulatan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar masalah itu pernah dibawa ke Dewan ini supaya disiasat pada tahun 1978. Ketua Menteri Sabah sendiri sebagai Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas dalam ucapannya di Dewan ini pernah meminta sebarang penyiasatan yang mungkin dilakukan ke atas dirinya bagi memberinya kesempatan untuk membersihkan dirinya daripada tuduhan yang palsu itu. Saya tahu bahawa Ketua Menteri Sabah dalam sifatnya sebagai seorang individu telah menggunakan khidmat seorang peguam di Amerika Syarikat untuk memperhatikan tindakan Security and Exchange Commission terhadap Page Airways Incorporation. Saya juga difahamkan bahawa perkara ini telah diselesaikan oleh kedua belah pihak dan tiada sebarang pencemaran undang-undang yang telah dilakukan oleh Ketua Menteri Sabah.

Kedudukan Ketua Menteri Sabah dalam perkara ini telah dibersihkan dan waktunya telah tiba bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan perkara itu sekarang

demasi menjaga nama baik Ketua Menteri Sabah dan mengelakkan daripada tuduhan-tuduhan palsu seumpama ini dari pihak Pembangkang terhadap mana-mana Ahli Dewan ini di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Mac tahun ini rakyat negeri Sabah telah memilih Kerajaan yang mereka sukai, iaitu Kerajaan Parti BERJAYA....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara yang kita hendak rundingkan ialah Belanjawan Tambahan. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada perkara itu. Saya benarkan tadi menyebut perkara-perkara yang lain sedikit tak apalah, tetapi janganlah terlampau panjang sangat.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Tuan Yang di-Pertua, keputusan mereka yang wajar itu menimbulkan iri hati di kalangan pihak Pembangkang dan dalam usaha menyembunyikan perasaan kalah dan hampa mereka telah membuat beberapa tuduhan liar, tidak berasas dan merbahaya terhadap Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Pegawai-pegawai Suruhanjaya dan pihak pasukan keselamatan. Ada di antara tuduhan-tuduhan ini amat merbahaya dan mencemar nama baik Kerajaan Persekutuan Malaysia dan juga sistem demokratik kita. Yang demikian tuduhan-tuduhan seumpama itu hendaklah dihapuskan sebab ianya menonjolkan imej negara kita yang buruk pada pandangan rakyat kita dan dunia antarabangsa.

Tuduhan-tuduhan pihak Pembangkang yang amat bahaya sekali ialah kononnya pilihanraya itu telah diganggu oleh pihak-pihak tertentu. Dengan kata lain, tuduhan itu bermaksud bahawa Suruhanjaya Pilihanraya dan Kerajaan Pusat tidak berkemampuan untuk mengendalikan pilihanraya yang bebas dan berkecuali.

Parti BERJAYA memenangi pilihanraya tadi adalah kerana ia telah menerima keyakinan dan kepercayaan penuh daripada rakyat. Kerajaan Negeri yang memerintah sekarang mampu memenuhi segala janji yang telah dibuatnya dalam manifesto pilihanraya tahun 1976 dahulu. Rakyat Sabah memberikan mandat penuh kepada Parti BERJAYA untuk memerintah Negeri Sabah

sebab pencapaian pesat pembangunan negeri itu serta dedikasi dan kemampuan kepimpinan untuk memperbaiki taraf hidup yang memberi nilai kepada rakyat.

Kejayaan Parti BERJAYA dalam lima tahun yang lampau menguatkan lagi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap parti itu. Rakyat Sabah perlu kepada pembangunan dan kemajuan dan bukannya janji-janji kosong. Di bawah kepimpinan Parti BERJAYA mereka tahu negeri itu akan menjalani pembangunan yang pesat dan menambah pendapatan dan kemakmuran rakyat di masa lima tahun yang akan datang lagi. Selain daripada itu rakyat Malaysia

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah sebutkan tadi iaitu tolong tumpukan kepada perkara yang berkaitan dengan perbincangan masa ini iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan. Ini fasal kewangan. Kalau sebut fasal dasar itu bolehlah. Hal-hal yang lain itu tolong pendek sahaja.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menjelaskan tuduhan-tuduhan yang dibuat kepada kita di luar Dewan ini. Kerana saya merasa tuduhan itu tidak betul jadi perlu untuk Dewan ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau perkara itu dalam hal yang lain bolehlah dibawa. Tetapi sekarang ini kita bercakap mengenai Anggaran Perbelanjaan, tentang perindustrian, ekonomi, sosial dan macam-macam lagi. Kalau boleh tumpukan kepada perkara itu. Sudah 10 minit tentang perkara yang lain.

Yang Berhormat hendak berucap lagi?

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Minta kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung kerana nampaknya ini walaupun kita membincangkan perbelanjaan ini ada kaitannya juga kerana dengan adanya tuduhan-tuduhan yang tidak sihat itu mengganggu pembangunan di Sabah. Jadi tidak guna kita bincangkan perbekalan tambahan itu, ini, jikalau rakyat di Sabah keliru. Jadi saya mintalah kebenaran khas daripada Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tidak berapa banyak. Tolong tumpukan kepada perbelanjaan itu sahaja. Kalau hendak sebut sedikit-sedikit itu bolehlah. Baik teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Ini pendek sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, Kalau bolehlah ini barangkali paragraph yang akhir mengenai pilihanraya. Minta kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden USNO yang kalah juga telah membuat beberapa tuduhan yang merbahaya (*Ketawa*). Ini rasa...

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak usahlah lagi fasal USNO, fasal BERJAYA dan sebagainya. Itu ada bab lain. Ada hari dan masanya. Sekarang ini ialah berkenaan dengan Anggaran Belanjawan Tambahan.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Tujuan kita sebenarnya ialah untuk membersihkan kita punya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan ini masanya. Tolong! Teruskan kepada belanjawan.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Tidak ada lagi nampaknya, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Itu sahaja. Jadi saya mengakhirinya, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Panti.

5.05 ptg.

Dato Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong penuh atas Akta Perbekalan Tambahan 1979 dan 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan bahan-bahan makanan yang semakin sehari semakin meningkat penggunaannya, seperti ayam, daging lembu, daging kerbau, kambing dan sebagainya yang mana Kerajaan kita masih lagi mengimport daripada luar negeri terlalu banyak, sedangkan negara kita mempunyai tanah yang cukup luas untuk memelihara binatang-binatang, ayam, kerbau, lembu dan sebagainya. Walaupun

usaha ini telah sedikit sebanyak telah dijalankan oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Pertanian, saya percaya, tetapi memandangkan keperluan orang ramai maka masih lagi tidak mencukupi, jauh dari mencukupi; maka dengan sebab itu Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang begitu banyak untuk mengimport barang-barang keperluan seumpama ini. Tambahan pula bagi rakyat yang beragama Islam, masih banyak yang ragu-ragu untuk memakan makanan seperti ayam, daging dan sebagainya di mana-mana kedai dan restoran kerana di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, kalau tidak silap saya, Timbalan Menteri Pertanian dalam Dewan ini juga menyatakan ada di antara barang-barang tadi yang diimport yang tidak diketahui sama ada disembelih atau tidak terutama sekali ayam ataupun daging yang sudah difrozenkan, dibungkus di dalam plastik, dan dimasukkan ke dalam ice box. Sedangkan ini diedarkan di tiap-tiap kedai makan dan di pasaran.

Jadi saya harap perkara ini akan dapat diambil perhatian yang berat supaya kita tidak bersubahat untuk memberikan makanan daging yang haram kepada orang-orang Islam.

Saya mencadangkan supaya usaha ini dapat dilipatgandakan bagi membiakkan lagi ternakan ayam dan daging di dalam negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang baru sahaja kita hadapi banyaknya barang-barang yang hilang di dalam pasaran seperti gula dan lain-lainnya. Boleh dikatakan pihak persatuan-persatuan peniaga agaknya lebih berkuasa di dalam menentukan barang-barang ini terjamin ada dan terjamin tidak ada. Saya memerhatikan bahawa mereka boleh melawan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana apabila mereka berkehendakkan barang-barang ini naik melalui persatuan mereka, saya percaya serentak seluruh negara tidak ada gula. Maka mereka cuba memesan umpamanya gula ini daripada luar negeri. Tetapi yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan bersetuju menaikkan sahaja harga daripada 75 sen kepada \$1.05 sen yang pada mulanya Kerajaan hendak mencatukan gula dua kati sahaja seorang tetapi apabila dipersetujui harganya naik begitu juga dengan

bahan-bahan yang lain, simen, petrol dan sebagainya, apabila Kerajaan setuju menaikkan harganya, pada hari esok melimpah-limpah di dalam pasaran, tidak payah lagi dicatukan dua kati seorang; hendak beli sepikul seorang pun boleh, sedangkan gula yang dipesan dari luar negeri tadi pun belum sampai ke negara kita ini. Jadi gula ini mana disembunyikan? Yang tahu, yang arif di mana tersebunyiannya gula ini dan siapa yang menyembunyikan gula ini ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya percaya. Mereka yang tahu.

Jadi, saya harap pada masa akan datang kalau boleh Undang-undang Anti Sorok hendaklah diketatkan lagi. Saya percaya Undang-undang Anti Sorok yang ada sekarang ini memang berjalan tetapi kesannya tidak seberapa, maka dengan sebab itu masih berani lagi taukeh-taukeh ini tadi menyembunyikan barang-barang keperluan rakyat. Saya harap Undang-undang Anti Sorok ini dikaji balik semula dan dikenakan denda yang agak berat sedikit supaya serek mereka itu tidak menyembunyikan barang-barang keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya dari segi keadaan pasaran kewangan negara terutama sekali kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Pada hari ini nampaknya jutawan-jutawan kita lebih banyak melaburkan wangnya di luar negeri—di bank-bank di luar negeri daripada mereka melaburkan di dalam negeri sendiri. Ini adalah disebabkan oleh kadar faedah bank luar negeri itu agak lebih daripada kadar faedah yang ada dalam bank-bank negara kita. Maka sebab itu di setengah-setengah negeri wang kita dibanjiri di dalam bank-bank tersebut. Maka tidak peleklah kalau negeri itu umpamanya sampai berani mengatakan wang Malaysia kita ini sebagaimana wang Jepun, masa perang Jepun dahulu, sebab wang kita terlalu banyak dalam negeri itu. Jadi, saya harap kepada pihak Kerajaan supaya dapat menggesa pihak bank-bank yang ada dalam negara kita ini menaikkan sedikit kadar faedahnya untuk menarik perhatian supaya jutawan-jutawan tadi yang melaburkan wangnya di luar negeri supaya dapat melaburkan dalam negara kita ini dan apabila pelaburan banyak maka banyaklah projek pembangunan-pembangunan akan dapat

dibuat dan banyaklah pinjaman-pinjaman yang akan diberikan untuk membantu sektor-sektor yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dari segi pelajaran. Walaupun peruntukan begitu banyak dibuat, begitu juga peruntukan tambahan pun banyak dicadangkan. Masalah pelajaran ini terutama sekali di luar-luar bandar pada hari ini masih jauh ketinggalan kebelakang jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang ada di dalam bandar yang serba-serbinya lengkap dengan kemudahan-kemudahannya. Tiap kali kita melawat dalam kawasan pilihanraya kita masing-masing selalu kita dihujani dengan soalan-soalan sama ada oleh murid atau persatuan murid atau persatuan ibubapa dan guru-guru atau pihak guru sendiri yang selalu bertanya, apakah dasar dan polisi Kerajaan atau Kementerian Pelajaran yang mewujudkan sekolah di luar-luar bandar tetapi tidak lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang seperlunya atau yang mesti diadakan, seperti kemudahan air, kemudahan api, kemudahan buku-buku dan bahan-bahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di luar-luar bandar hari ini sudah ada sekolah menengah, sudah ada sekolah menengah rendah dan sudah adapun sekolah menengah atas, tetapi malangnya tidak ada kelengkapan-kelengkapan yang cukup seperti alat-alat sains dan sebagainya. Saya pernah ditanya, apakah sebab sejak kita mengadakan pilihanraya yang pertama tahun 1955 sampailah hari ini setelah kita melancarkan Rancangan Malaysia Pertama, Yang Kedua dan Yang Ketiga dan sekarang kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Keempat masih lagi ada sekolah-sekolah yang tidak cukup kelengkapan-kelengkapannya. Maka saya harap dengan peruntukan tambahan yang dipohon ini sekurang-kurangnya akan dapat meringankan beban sekolah-sekolah di luar bandar ini dan saya sukalah mencadangkan kepada sekolah-sekolah di mana kawasan itu belum ada kemudahan api elektrik maka saya harap pihak Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran mewujudkan atau membekalkan jenerator-jenerator sendiri di sekolah itu untuk membolehkan sekolah itu menjalankan aktiviti-aktivitinya melalui TV Pendidikan,

melalui pelajaran sains dan sebagainya supaya dapat dijalankan di sekolah-sekolah tersebut yang pada hari ini mereka hanya mendengar atau belajar pada teorinya sahaja—tidak dapat belajar secara praktikalnya sebab alat-alat kemudahan itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh dan perkara ini memang selalu sangat disentuh boleh dikatakan oleh kesemua Ahli-ahli Dewan ini terutama sekali daripada pihak Kerajaan, iaitu kemudahan-kemudahan awam kepada penduduk-penduduk di luar bandar seperti air yang bersih, jalan-jalan yang baik, api elektrik, telefon dan lain-lainnya sehingga hari ini masih menjadi persoalan kepada penduduk-penduduk luar bandar sebagaimana saya katakan tadi telah tiga kali kita melancarkan rancangan pembangunan tetapi masih lagi penduduk-penduduk di luar bandar kalau dahulunya berjalan di atas tanah merah, sekarang masih lagi berjalan di atas tanah merah. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang baharu-baharu ini telah meluluskan peruntukan dan akan mengantikan tanah-tanah merah dengan jalan-jalan tar kelas 'C'. Tetapi saya percaya dengan peruntukan yang terhad itu barangkali tidak banyak jalan-jalan luar bandar atau jalan kampung yang tadinya tanah merah akan dapat digantikan dan dinaikkan tarafnya kepada taraf 'C' kerana terlalu banyak sangat jalan-jalan luar bandar itu yang selama ini kita bekalkan tiap-tiap tahun tanah merah dan batu merah. Jadi, saya harap pada masa-masa yang akan datang pihak Kerajaan tidak lagi memberikan peruntukan tanah merah ataupun batu merah tetapi hendaklah kesemuanya mana yang boleh dengan tar kelas 'C' pun tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kepada pihak Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam nampaknya terlalu ghairah sangat untuk membuat jalan-jalan baharu, jalan-jalan yang kadangkala dibuat jalan itu tetapi setelah tiga tahun, empat tahun dibuat tidak digunakan dengan alasan dibuat jalan dahulu, kemudian satu masa kita akan gunakan. Ini wujud di dalam kawasan pilihanraya saya yang mana belanjanya saya tidak tahu tetapi saya percaya ratusan juta ringgit dengan alanan jalan yang kita buat, sebab belajar

membuatnya sekarang murah tetapi tidak digunakan-tinggal jalanraya yang merah sahaja. Jadi dalam pada itu, saya tidaklah membangkang supaya jangan terlalu ghairah untuk membuat jalan-jalan baharu tetapi apa yang saya cadangkan di saat kita melancarkan atau di saat kita mewujudkan jalan-jalan baru maka kita jangan lupa untuk membiayai atau memelihara jalan-jalan yang telah sedia ada. Apa yang berlaku pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di tiap-tiap kawasan pilihanraya ada banyaknya lagi jalan-jalan yang lama yang sudah terlalu teruk berlubang di sana dan berlubang di sini menjadi kepayahan kepada rakyat yang menggunakan jalanraya itu. Kalau jalan itu selalunya jalanraya peringkat negeri apabila kita timbulkan di peringkat tindakan daerah pihak JKR daerah mengatakan ini jalan Federal, terpaksa minta peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Dan satu pihak lagi mengatakan ini jalan negeri, terpaksa minta peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Kadang-kadang kita dalam Majlis Tindakan Daerah dijadikan oleh pegawai kita macam bola, disuruh kita merayu kepada Kerajaan Pusat, disuruh kita merayu kepada Kerajaan Negeri. Yang mana satu jalan Kerajaan Negeri, yang mana satu jalan Kerajaan Pusat. Pada pemikiran rakyat tidak ada jalan Negeri, tidak ada jalan Pusat. Yang ada pada rakyat jalan ini jalan Kerajaan kerana Kerajaan Negeri pun mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Jadi kalau Kerajaan Negeri tidak betul, Kerajaan Pusat pun tidak betul. Ini pemikiran yang ada pada rakyat. Saya harap sama ada jalan itu jalan Kerajaan Negeri atau jalan Kerajaan Pusat—maksud saya Kerajaan Federal kerana Kerajaan Negeri juga mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk membolehkan dia maintain jalan-jalan yang ada dalam negeri itu. Saya harap dengan pertambahan yang ada ini akan dapat sekurang-kurangnya di samping kita membuat jalan-jalan itu tadi, jalan-jalan lama jangan kita abaikan, jangan kita lupakan kerana ini menjadi bahan, kerana ini yang dapat dipandang tiap-tiap hari oleh pengundi-pengundi kita, dapat dirasai tiap-tiap hari oleh penduduk-penduduk luar bandar yang dapat melalui jalan itu. Kita tidak mahu mendengar hujah-hujah atau tidak mahu mendengar cacian-cacian daripada

penduduk kampung setiap kali mereka berjalan atau menaiki basikal atau kereta di jalan-jalan yang berlubang itu setiap kali basikalnya jatuh, setiap kali dia menyumpah kepada Kerajaan, menyumpah kepada JKR, sedangkan kita sudah membelanjakan wang yang begitu banyak. Memang kita tidak mengharapkan terima kasih. Walaupun kita tidak mengharapkan terima kasih, tetapi janganlah kita disumpah, janganlah kita dimaki-hamun tiap-tiap hari oleh pengguna-pengguna jalan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian maka dengan ini saya akhiri ucapan saya dan saya sekali lagi menyokong penuh di atas Perbekalan Tambahan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

5.24 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, baru-baru ini Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan pada fikiran saya ada membuat dua tiga tuduhan mengenai apa yang saya ucapkan dalam Dewan yang mulia ini. Bolehkah dengan izin, Tuan Speaker, saya jawab tuduhan yang dibaling ke arah saya dari Ahli Yang Berhormat....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sedang berunding dan berbahas mengenai Anggaran Perbelanjaan dan saya harap Yang Berhormat tumpukan kepada soal yang sedang dibincangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (1). Tinggal lagi dalam Yang Berhormat hendak berucap menyentuh sedikit, itu lain hallah. Tetapi jangan tumpukan kepada soal yang hendak jawab perkara itu tidak berkaitan dengan perkara yang dirundingkan sekarang.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, oleh kerana tuduhan itu sudah dibuat dalam Dewan yang mulia ini tentu saya kena jawab. Jikalau saya tidak jawab boleh jadi apa yang dikatakan saya terima.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi saya sudah beritahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Biar saya habis dahulu. Dengar cakap saya dahulu. Duduk dahulu, Yang Berhormat. Tadi saya beri peluang sebab ia datang daripada Sabah, saya beri peluang kendurkan sedikit Peraturan-peraturan Mesyuarat, saya benarkan Yang Berhormat itu berucap. Tetapi saya tegur tadi, janganlah cerita yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibahaskan dalam Dewan ini dipanjang-panjangkan dan Yang Berhormat itu patuh kepada permintaan saya itu. Sekarang ini kalau Yang Berhormat diminta bercakap, tumpukan kepada perkara yang sedang dibahaskan dalam Dewan ini. Tinggal lagi kalau Yang Berhormat hendak sentuh sedikit-sedikit, itu bolehlah.

Tuan Karpal Singh: Saya boleh jawab dengan pendek, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit-sedikit, Yang Berhormat, jangan cakap panjang-panjang. Teruskan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, tuduhan yang dibuat, pertama sekali tuduhan saya ada menyalahgunakan kuasa dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana saya ada membangkitkan perkara mengenai pembelian dua Gruman Jet oleh Kerajaan Sabah, dan dalam perkara itu ada satu tuduhan rasuah oleh kerana Ketua Menteri Sabah ada menerima US\$900,000 daripada Gruman Corporation.

Tuan Speaker, tidak ada sebab saya menyalahgunakan kuasa atau abused Parliamentary privilege dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, dalam sidang dahulu saya ingat tahun 1980 rakan saya dari Sandakan ada bertanya satu soalan mengenai perkara itu dan masa itu jikalau saya tidak silap, jikalau rakan saya tidak silap, Kerajaan ada beri jawapan. Jawapan itu menyatakan pada masa itu perkara ini masih dalam siasatan dan siasatan itu tidak tamat pada masa itu.

Tuan Speaker, dalam sidang ini, pada 22hb Mac, 1981 rakan saya sekali lagi ada bertanya satu soalan atas perkara yang sama dan Kerajaan sampai hari ini tidak ada memberi jawapan. Jikalau ada beri jawapan bertulis saya tidak ada terima, rakan saya pun tidak ada terima. Oleh kerana itu kami pun tidak tahu apa yang berlaku dalam siasatan, walaupun siasatan ini sudah tamat dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Peguam Negara dalam perkara ini.

Tuan Speaker, demi kepentingan rakyat, oleh kerana itu saya membangkitkan perkara ini dalam ucapan saya minggu dahulu. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai satu apology dalam suratkhbar *The Star*, dukacita, Tuan Speaker, saya tidak melihat apology ini. Jikalau ada apology ini tentu ini menjadi satu kewajipan berat atas Kerajaan untuk beritahu kepada Dewan yang mulia ini ada satu apology. Oleh kerana itu apa yang ditanya dalam Dewan yang mulia ini pada masa dahulu dan pada sidang ini juga tidak benar oleh kerana tidak ada apa-apa begitu, tidak boleh jadi saya ada menyalahgunakan kuasa saya atau abused Parliamentary privilege dalam Dewan ini.

Tuduhan kedua, Tuan Speaker, ini mengenai wang yang digunakan dalam pilihanraya umum di Sabah baru-baru ini.

Tuan Speaker, ini satu cerita lama. Semua rakyat tahu, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sabah atau Sarawak ada menyalahgunakan kuasa, ada beli undi-undi dan bukan saya sahaja membuat satu tuduhan seperti itu, Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman pun dalam "As I see It" satu artikel dalam suratkhbar *The Star* tiap-tiap minggu. Dalam satu artikel selepas Pilihanraya Umum di Sabah, Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman pun ada menyebut boleh jadi atas satu-satu pengundi ada guna \$10,000. Dalam artikel itu juga jikalau saya tidak salah menyebut ada lebihkurang 325,000 pengundi.

Tuan Speaker, oleh kerana itu apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman tentu Yang Amat Berhormat ada punca-punca atas mana beliau membuat satu kenyataan seperti itu dalam artikel itu.

Tuan Speaker, tuduhan yang ketiga, jikalau saya tidak silap; ini atas apa yang saya berucap

dalam Dewan yang mulia ini atas perkara ini. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah takut kepada parti DAP oleh kerana itu beliau tidak mahu beri peluang kepada rakan saya dari Petaling dan juga dari Kuala Lumpur Bandar untuk pergi ke Sabah atas legitimate political activity, oleh kerana beliau tahu jikalau ahli-ahli DAP pergi ke sana tentu boleh bongkar kesilapan-kesilapan, skandal-skandal yang ada dalam negeri itu. Atas apa yang dicakapkan tadi, itu menjadi jawapan saya dan sekarang saya mulakan ucapan asal yang saya mahu berucap.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini ingin memohon wang daripada kumpulan wang yang disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk tahun 1979 dan 1980 bagi kegunaan-kegunaan yang ternyata dalam Bil tersebut. Untuk Parlimen, jumlah sebanyak \$649,000 dimohon untuk diluluskan. Tuan Speaker, tidak sesiapa pun boleh menafikan bahawa Parlimen, sebagai badan perundangan yang tertinggi di negara ini perlu dipupuk dan dipelihara. Malaysia ialah sebuah negara berparlimen demokratik yang dikomitkan untuk mengekalkan "Rule of Law".

Tuan Speaker, saya merasa dukacita halangan-halangan telah diletak dalam perkara mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian tanpa apa-apa sebab yang menasabah. Mengapakah ada keperluan untuk mengubah Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat baru-baru ini sedangkan ia dibenarkan untuk beberapa tahun kebelakangan ini. Di Britain, di "House of Commons" keutamaan telah diberi untuk mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian. Peraturan-peraturan kami telah pun mengikut dengan rapat Peraturan-peraturan Mesyuarat "House of Commons". Urusan-urusan Kerajaan biasanya diikuti selepas Rang Undang-undang Persendirian dikemukakan. Sekarang keadaan itu telah pun terbalik. Pada hakikatnya Rang Undang-undang Persendirian itu akan tidak dapat melihat, dengan izin "the light of the day". Adalah menjadi kebiasaan untuk Ahli-ahli Barisan Nasional meninggalkan Dewan ini setelah urusan-urusan Kerajaan selesai. Ucapan-ucapan Penangguhan tidak dapat didengar sekarang di dalam Dewan ini oleh kerana Ahli-ahli Barisan Nasional serta

Menteri-menteri meninggalkan Dewan apabila tiba masa untuk melafazkan Ucapan-ucapan Penangguhan itu. Amalan seperti ini harus dikutuk dan sepatutnya hendaklah dihentikan. Peluang mesti diberi kepada Ahli-ahli untuk melafazkan ucapan-ucapan mereka. Kerana ini adalah inti demokrasi. Kadangkala, saya fikir mengapa Barisan Nasional hendak mencekikkan Pembangkang. Barisan Nasional telahpun mempunyai "brute majority" di dalam Dewan. Lambat-laun nampaknya pihak Barisan Nasional melangkah ke arah "Totalitarianism". Tuan Speaker, Peraturan No. 18 mengenai penangguhan Dewan atas perkara-perkara yang tertentu kepentingan awam telah pun dihadkan. Pada pendapat saya, langkah-langkah seperti ini hanya akan membawa kami semua ke dalam zaman yang silam.

Tuan Speaker, saya perhatikan bahawa Jabatan Kehakiman juga terlibat dalam Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker, kami mengadakan para hakim yang telah tidak diberi perhatian yang sewajar. Hanya baru-baru ini sahaja gaji Hakim-hakim telah dinaikkan. Tuan Speaker, hakim-hakim mesti dapat lebih perhatian daripada pihak berkuasa. Hakim-hakim pasti membuat pengorbanan permohonan yang besar. Kebanyakan Hakim-hakim kita boleh mendapat lebih wang di dalam sektor swasta. Pengorbanan dan perkhidmatan mereka harus diiktirafkan. Tuan Speaker, hakim-hakim kita adalah dikehendaki bersara apabila mencapai umur 65 tahun. Tuan Speaker, 65 tahun ialah umur yang sangat muda bagi hakim-hakim. Hakim adalah sukar untuk mendapatkan hakim-hakim yang berpengalaman. Umur bersara bagi hakim-hakim kita hendaklah dilanjutkan. Di Britain, hakim-hakim yang berumur lebih 75 tahun sedang dalam perkhidmatan dan mereka tertentu dalam keadaan cergas otak, sepertimana boleh diperhatikan dengan keputusan-keputusan mereka dalam rayuan-rayuan kami kepada "Privy Council".

Bilangan hakim-hakim di negara kita hendaklah ditambahkan untuk menyelesaikan ketimbunan kes-kes. Didapati ada ramai hakim-hakim yang sangat sebuk, maka mereka tidak dapat menulis keputusan-keputusan mereka dalam kes-kes yang telah

pun diselesaikan 4 tahun dahulu. Perkara seperti ini tidaklah baik disisi mata rakyat. Kami mesti melihat "cause" dan tidak "symptoms"-nya. Tuan Speaker, Kerajaan telah melantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioners). Tuan Speaker, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman mempunyai kuasa-kuasa yang sama dengan hakim-hakim. Pesuruhjaya Kehakiman yang berkhidmat separuh masa telah pun dilantik. Lantikan Pesuruhjaya sepenuh masa mempunyai kelemahan-kelemahannya kerana lantikan seumpama itu adalah sementara. Hakim-hakim di bawah sistem kita adalah bebas daripada "Executive" dan pada masa sekarang ini hakim-hakim tidak boleh dipecat dari jawatan mereka tanpa sebab-sebab kelakuan buruk atau kesakitan kesihatan badan atau otak atau lain-lain sebab dan itu pun hanya dapat dibuat oleh suatu Tribunal yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang mana tribunal itu mempunyai tidak kurang dari 5 orang yang memegang atau telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Adalah sukar untuk memikir Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa tidak berharap untuk disahkan sebagai seorang Hakim. Keadaan seperti ini boleh pengaruhi keputusan beliau apabila berhadapan dengan membuat suatu keputusan berkait dengan kes yang melibatkan Kerajaan. Hakim-hakim dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman mestilah berada dalam keadaan untuk bertindak tanpa "fear or favour". Jawatan mereka menghendakkan mereka bertindak seperti itu. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan agar kehakiman kita bebas.

Seorang hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah seorang yang tidak mempunyai apa-apa obligasi kepada siapa-siapa termasuk Kerajaan. Tuan Speaker, untuk memburukkan perkara ini pula, peguam-peguam telah dilantik secara sambilan. Meskipun saya mengakui terdapat timbunan kes-kes—satu perkara yang besar dan rumit yang harus diatasi dengan segera, namun lantikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman sambilan bukan dan tidak menjadi jawapan kepada masalah ini. Tuan Speaker, beberapa orang peguam yang dilantik adalah ahli Majlis Peguam. Adalah

sukar bagaimana seorang masih boleh menjadi seorang ahli Majlis Peguam dan di samping itu melaksanakan kuasa-kuasa yang dipunyai oleh seorang hakim. Seorang hakim tidak boleh diassociated mahupun dengan Majlis Peguam atau dengan Perkhidmatan Perundangan kerana dalam kes-kes jenayah, Kerajaan diwakili oleh Pendakwa Raya dan situduh itu diwakili oleh seorang peguam. Sikap seorang Pesuruhjaya dan pengecualianya kehakiman sambilan pasti akan "detract from the ordinary norms of justice and fair-play", jika beliau pada masa-masa yang lain menjadi seorang peguam tetapi untuk tempoh dua minggu dalam satu tahun menjalankan kuasa-kuasa sebagai Pesuruhjaya Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (8), tak boleh dibincangkan hal atau kelakuan hakim melainkan satu usul khas berkenaan dengannya dan ini pun sudah banyak bercakap meleret daripada asal. Saya tahulah lapangan Yang Berhormat itu ialah kehakiman dan peguam tetapi jangan sampai keluar daripada soal Anggaran Pembangunan dan Mengurus sahaja. Sila teruskan yang lain.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, tetapi dalam schedule....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu saya tahu dalam schedule ada duitnya tetapi kita sekarang ini bukan dalam Jawatankuasa untuk khas satu-satu, dalam ini ada, tetapi bukanlah asal ada duit ini hendak capak semua, melarat-larat sampai ke lain, tak bolehlah. Teruskan!

Tuan Karpal Singh: Ini cakapan umum bukan detail. Ini atas polisi juga, Tuan Speaker, bukan dalam detail. Oleh kerana tidak berapa panjang lagi, saya harap boleh....

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman sambilan juga akan menikmati satu advantage yang tidak adil jika dibandingkan dengan peguam-peguam lain. Orang ramai tentu akan diberi gambaran bahawa seorang Pesuruhjaya Kehakiman sambilan akan berada dalam

keadaan yang lebih baik untuk mewakili mereka. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman sambilan hanya akan menjalankan tugas-tugas mereka dua minggu dalam setiap tahun. Sudahlah pasti mereka tidak akan dapat selesai membicarakan semua kes-kes kerana kita hendaklah juga memperhitungkan kemungkinan kes-kes berkenaan akan ditangguhkan disebabkan saksi-saksi tidak dapat hadir ataupun disebabkan oleh sebab-sebab lain. Backlog kes-kes akan terus wujud.

Tuan Speaker, adalah menjadi

Tuan Yang di-Pertua: Jangan nampak sangat membaca, salah di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (6). Mengikut Peraturan Mesyuarat 35 (6) tak boleh membaca, jadi kalau baca pun saya buat tak nampak tetapi kalau nampak sangat begitu, sudah salahlah.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ada baca.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah tetapi tak nampak, ini nampak sangat (*Ketawa*). Saya boleh buat tak nampak tetapi kalau sudah jelas betul depan mata saya, nampaklah.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker nampak oleh kerana sangat dekat, orang yang jauh tidak boleh nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Apa hendak buat dia tidak berbunyi, ini bunyi bising (*Ketawa*). Di bawah peraturan Mesyuarat 35 (6) tidak boleh. Tidak apalah jangan nampak sangat (*Ketawa*).

Tuan Karpal Singh: Jikalau Tuan Speaker, ingat saya ada membaca, saya boleh cuba untuk bercakap tanpa ada teks.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lagi baik, itu yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau sikap begitu, saya ingat saya jadi mangsa atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tadi—dengar betul-betul, baik-baik—kalau saya bercakap duduk jadi dapat dengar betul, dan Peraturan Mesyuarat pun berkehendak begitu iaitu Peraturan Mesyuarat 42 supaya jelas dan terang apa yang saya cakapkan. Saya nampak

semua membaca, tetapi ada dengan aturan, tidak ada berbunyi, tidak nampak sangat, tidak ketara kata orang Melayu, tetapi ini sudah bunyi sangat saya diamkan juga salahlah, jangan tunjukkan sangat dengan saya. Baiklah teruskan!

Tuan Karpal Singh: Baiklah, Tuan Speaker. Dan lagi satu masalah yang saya hendak bangkitkan dalam perkara ini ialah mengenai lantikan Majistret-majistret yang muda.

Tuan Speaker, kami jadi lawyer dan kami tahu ada banyak Majistret-majistret yang tidak ada apa-apa pengalaman, tidak ada latihan apa-apa tetapi selepas jadi graduan terus dilantik menjadi Majistret. Ini menjadi satu perkara yang tidak adil demi kepentingan negara oleh kerana dalam negara ini dan juga dalam Mahkamah-mahkamah Rendah dalam pengalaman saya ada lihat majistret-majistret yang tidak mengerti apa yang ada dalam hujah-hujah peguam-peguam yang ada pengalaman (*senior members of the Bar*).

Tuan Speaker, ini jadi satu perkara dalam mana saya harap Kerajaan tentu timbang dengan teliti. Boleh jadi orang-orang yang tidak ada wang untuk mengambil satu peguam untuk melawan kes-kes mereka dalam court. Dalam perkara ini Majistret-majistret menjadi satu orang yang akan menimbang perkara itu dan dalam timbangan itu jikalau

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat—duduk sekejap—tadi saya kata di bawah 36 (8) tidak boleh dibincangkan tentang kelakuan Hakim dan juga yang menjalankan mahkamah melainkan ada usul khas. Jadi tidak bolehlah dikatakan kelakuan Majistret, saya bacakan naskah Inggerisnya

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Sabar—duduk dahulu. Kalau hendak mudah saya bacakan yang Inggerisnya supaya faham:

“36 (8) The conduct or character of his Majesty the Yang di-Pertuan Agong, of any of their Highnesses the Rulers or their Excellencies the Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, Judges, or other persons

engaged in the administration of justice . . .”

Itulah termasuk Majistret. Tadi saya sudah tegah jangan ulang lagi.... and so forth, ada lain lagi. Saya sudah cakap tadi 36 (8).

Tuan Karpal Singh: Itu, Tuan Speaker, jikalau saya ada sentuh atas kelakuan satu Hakim, ini umum.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk! sabar!

Tuan Karpal Singh: Apa yang saya cakap ialah sistem lantikan Majistret ini tidak baik oleh kerana bukan satu tetapi ada banyak Majistret-majistret yang ada dilantik yang tidak ada pengalaman. Ini ada dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, inipun mengikut Perlembagaan dan Perlembagaan is the supreme law.

Tuan Karpal Singh: Yes, the conduct of a Judge.

Tuan Yang di-Pertua: Dua orang bercakap mana boleh!

Tuan Karpal Singh: Dan jangan tidur, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk! (*kepada Tuan Karpal Singh*)—kalau saya bercakap jangan bercakaplah, dua orang bercakap siapa yang dengar.

Tuan Karpal Singh: Kalau Speaker mahu tidur habis

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu, saya bacakan 42 lagi. Saya kata 42.

“42. Whenever the members are called to order by the Chair, or whenever the Chair intervenes during a debate, any member then speaking, or offering to speak, shall sit down, and the House or Committee shall be silent so that the Chair may be heard without interruption.”

Ini semua ada, saya sudah banyak kali sebut fasal Standing Order nombor berapa, nombor berapa. Kalau dua orang cakap, cakap siapa yang hendak dengar. Saya sudah kata tadi tentang perangai Judges dan orang yang mentadbirkan Mahkamah tidak boleh melainkan ada substantive motion, jadi

dengan sebab itu tidak usahlah mengatakan Majistret yang nampak ada kelakuan yang tidak mengerti. Jadi itu bermakna kena pada semua Majistret. Kalau ada substantive motion itu boleh. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya minta maaf tadi saya tidak duduk bila Tuan Speaker bercakap, tetapi ini jadi satu perkara dalam Mahkamah bila Hakim bercakap, kami kena berdiri jikalau tidak berdiri jadi satu kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak ada ini

Tuan Karpal Singh: Di sini sekarang jadi terbalik.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah (*Ketawa*).

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana itu tidak boleh

Tuan Yang di-Pertua: Amalan di Mahkamah tidak boleh dibawa di sini oleh sebab itu saya baca ini.....

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana itu saya sudah silap tadi Tuan Speaker, saya minta maaf atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Silap tidak apa. Fasal itu saya tinggikan suara saya supaya boleh dengar.

Tuan Karpal Singh: Di sana kena hentam, di sini pun kena hentam susah mahu cari . . . (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu nasiblah.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker saya teruskan ucapan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ada lagi satu perkara, ini mengenai Mahkamah juga. Baru-baru ini ada dalam negara kami barangkali 5 atau 10 Mahkamah-mahkamah Rendah baru yang dibina, tetapi amnya ada Mahkamah-mahkamah dalam negara ini yang jadi ‘museum pieces’. Saya beri contoh bangunan Mahkamah Majistret di Alor Setar sebenarnya dikondem oleh pihak JKR. Mahkamah-mahkamah Rendah baru masih

belum disiapkan walaupun sudah dimulakan lebih kurang 5 tahun dahulu.

Di Kuala Lumpur orang ramai ada menghadapi kesusahan oleh kerana Mahkamah-mahkamah Rendah sekarang ditempatkan di Jalan Duta. Jalan Duta, Tuan Speaker pun tahu satu tempat yang jauh dari pekan, oleh kerana itu saya harap Kerajaan boleh mengadakan semua Mahkamah-mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan ditempatkan di satu tempat.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan ini ialah atas tamatnya rayuan kes-kes kepada Majlis Privy. Dalam perkara ini pada masa sekarang kes-kes jenayah dan Perlembagaan sudahpun dimansuhkan sejak 1-1-1978. Tuan Speaker, rayuan-rayuan civil, rayuan-rayuan guaman sekarang ini pun boleh dihantarkan kepada Privy Council di London. Ini jadi perkara yang saya ingat di mana Kerajaan tentu akan mengambil perhatian. Dalam kes civil yang bukan terlibat nyawa satu-satu orang yang dalam keadaan susah, tetapi tidak ada rayuan dalam kes-kes jenayah atau Perlembagaan selepas keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan oleh kerana itu hendaklah ditubuhkan satu Supreme Court of Appeal untuk menggantikan Majlis Privy dalam negara ini.

Tuan Speaker, lagi satu perkara ialah bersangkutan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah satu kejadian yang berlaku baru-baru ini dalam tahun 1980 di Pulau Pinang. Tuan Speaker, peristiwa Northam Court telah menyebabkan satu 'stir' dalam negara kita. Satu siasatan yang menyeluruh haruslah dijalankan untuk mencari sebab-sebab insiden tersebut berlaku.

Tuan Speaker, baru-baru ini ada lagi satu bangunan FNCB dekat Northam Court juga, bangunan ini sudah mula condong. Jikalau ini benar, perkara ini adalah mendatangkan merbahaya kepada orang ramai. Satu lagi perkara ialah runway di Lapangan Terbang Bayan Lepas juga dikatakan sedang tenggelam. Tuan Speaker, mengapakah Pulau Pinang harus mengalami kelemahan-kelemahan ini?

Tuan Speaker, satu suruhanjaya siasatan tinggi hendaklah ditubuhkan untuk siasat semua perkara ini. Perkara ini saya ada bangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dalam sidang yang lepas, tetapi Ketua Menteri Pulau Pinang tidak bersetuju untuk adakan satu siasatan, untuk adakan satu badan untuk siasat dengan teliti dalam perkara ini.

Tuan Speaker, baru-baru ini saya difahamkan Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua guru besar sekolah-sekolah Kristian supaya jangan benarkan pelajar-pelajar Muslim menggunakan lencana sekolah yang mengandungi salib. Tuan Speaker, mengapakah arahan seumpama itu dikenakan? Kita hendaklah lebih liberal dalam sikap dan outlook kita. Pertama . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini menyentuh agama Islam. Salib itu bererti 'cross' memang tidak boleh dipakai oleh orang Islam. Tidak boleh sentuh perkara ini kerana ini adalah satu daripada perkara sensitif; tidak boleh disebut. Salib itu bermakna 'cross', memang tidak boleh dipakai.

Tuan Karpal Singh: Masa dahulu ada dipakai, mengapa sekarang sudah jadi satu perkara sensitif? Berapa tahun dalam sejarah sekolah-sekolah ada pakai!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah salah dahulu tidak semestinya sekarang mesti ikut juga yang salah itu. Yang itu memang tidak boleh dan itu adalah sensitif issue. Salib tidak boleh dipakai oleh orang-orang Islam, jadi Kristian serta-merta—tidak boleh!

Tuan Karpal Singh: Baru sekarang jadi satu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bukan baru, lagi dahulu tetapi dahulu orang barangkali lupa atau tidak dapat perhatian dan ini tidak boleh dipersoalkan mengikut Perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat 36(10). Perkara itu jangan disentuh lagi, saya tidak benarkan.

Tuan Karpal Singh: Saya pun hairan mengapa tidak boleh, Tuan Speaker. Tetapi dahulu pun ada terjadi, ada salib dalam International Red Cross; itu pun sudah digantikan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan salib! Salib maknanya cross di bawahnya lebih panjang. Tanda "campur" itu bukan salib! Yang Berhormat mengatakan salib! (*Ketawa*).

Tuan Karpal Singh: Itu pun sudah digantikan dengan Bulan Sabit.

Tuan Yang di-Pertua: itu perkara sensitif di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (10) tidak boleh.

Tuan Karpal Singh: Semuanya sensitif dalam Dewan ini. Jikalau tidak boleh sebut di sini, di mana ada tempat yang

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (10) kalau tidak boleh cakap, tidak bolehlah!!!

Tuan Karpal Singh: Tidak payah gelak. Boleh jadi satu hari ada satu dictatorship dalam negara ini pada fikiran saya. Jikalau tidak boleh, apapun tidak boleh, saya tidak tahu dalam apa fikiran tidak boleh, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ada orang lain tidak bersetuju dengan fikiran Yang Berhormat, jangan tuduh orang lain. Parliament is no place for the sensitive soul. Don't get emotional and sensitive.

Tuan Karpal Singh: I am surprised this is sensitive to you, Mr Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: It is under this.

Tuan Karpal Singh: It may be under that but I don't think all these years

Tuan Yang di-Pertua: Don't argue with me.

Tuan Karpal Singh: Let us not sweep under the carpet what we should discuss openly, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: You cannot!! Salib tidak boleh dipakai oleh orang Islam dan jangan disebut lagi, itu salah. Yang lain boleh teruskan kalau hendak teruskan lagi. Kalau perkara itu saya tidak benarkan!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, what is the laughter from the Minister? Can you behave yourself?

Tuan Yang di-Pertua: No, that is all right!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bila seorang Ahli Yang Berhormat ada bercakap, adakah saya gelak? Jadi Cabinet Minister—tidak malu!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah!

Tuan Karpal Singh: No upbringing!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak, teruskan!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, terlalu banyak sekatan-sekatan telah diletakkan ke atas rakyat kita. Kerajaan secara tetap telah mencekik kritik-kritik yang sah. Tuan Speaker, baru-baru ini peguam-peguam yang mempunyai kurang dari 7 tahun pengalaman yang menjadi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai-pegawai parti-parti politik dilarang dari memegang jawatan dalam Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri. Tuan Speaker, terdapat pula kod tata-tertib untuk ahli-ahli kakitangan universiti-universiti di negara ini. Pensyarah-pensyarah universiti pula dilarang memegang jawatan dalam parti-parti politik. Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja juga dilarang memegang jawatan dalam parti-parti politik. (*Dengan izin*) Muzzling the cream of the society, masyarakat kita bukanlah in the public interest. Campurtangan dalam otonomi universiti adalah memalukan kita dalam kaca mata dunia. Kerajaan hendaklah dengan seriusnya menimbang untuk melonggarkan sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas universiti-universiti dan kolej-kolej dan sebaliknya membenarkan kakitangan akademik institusi-institusi pelajaran tinggi menikmati kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Sebelum Ahli Yang Berhormat memulakan ucapan, saya minta Yang Berhormat Menteri mengusulkan.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA PER-
ATURAN MESYUARAT**

5.57 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga—

- (a) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan menurut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 telah diluluskan; dan
- (b) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dicadangkan dan disokong.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga—

- (a) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan menurut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 telah diluluskan; dan
- (b) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dicadangkan dan disokong.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
(TAMBAHAN) 1979 DAN 1980)**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 3) 1980**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 1) 1981**

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab perbahasan ini pada pukul 7.30 malam ini. Sila Yang Berhormat dari Tuaran.

5.59 ptg.

Datuk James Peter Ongkili (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pada khususnya ingin memberi penjelasan ataupun points of clarification khususnya atas ucapan Ahli dari Jelutong sebentar tadi mengenai beberapa perkara yang disentuh awal tadi apabila Tuan Yang di-Pertua belum masuk ke Dewan yang mulia ini.

Yang pertama ialah Ahli yang berkenaan telah mengatakan ada kejadian-kejadian salahguna peruntukan atau kewangan di dalam pilihanraya di negara kita dan juga di Sabah. Dan ini sebenarnya adalah semata-mata allegation dan tuduhan dan Ahli Yang Berhormat itu memang tidak ada fakta-fakta ataupun bukti-bukti menunjukkannya.

Kedua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa ada satu makalah yang Sabah adalah 325,000, kalau tidak salah, tetapi ini salah, sebenarnya bilangan pengundi di Sabah di masa ini ialah 314,000 sahaja.

Ketiga, Ahli Yang Berhormat berkenaan mengatakan bahawa ada satu makalah yang dikeluarkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj baru-baru ini mengenai dengan penggunaan peruntukan

dalam pilihanraya di Sabah yang begitu melebihi. Penjelasan atau clarification yang ingin saya berikan di sini ialah bahawa makalah oleh seseorang itu adalah pendapat dia sahaja sedangkan Yang Teramat Mulia Tunku tidak ada menjejak Sabah sebelum dan semusim pilihanraya yang berlaku baru-baru di Sabah ini dan segala-gala yang ditulis oleh beliau itu sesungguhnya beliau seorang negarawan yang tua (elder statesman) adalah semata-matanya daripada hearsay atau kumpulan-kumpulan butir-butir maklumat yang boleh beliau dapati di seberang sini tanpa pergi ke Sabah sendiri bertukus lumus bersama-sama dengan rakyat seperti kami, seperti rakyat dan pemimpin-pemimpin negara dan negeri kita di Sabah sebelum dan semasa pilihanraya itu. Saya ingin menjelaskan ini supaya Dewan yang mulia ini tidak keliru dengan Ahli dari Jelutong mengatakan begitu janganlah pula kita terus percaya "hook, line and sinker", dengan izin, Tuan Yang Dipertua, apa yang telah ditulis di dalam satu makalah seperti itu sahaja, kerana apa yang sebenarnya berlaku di Sabah jauh daripada itu dan tidak seperti itu.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sangat merungut kerana tidak dapat masuk ke Sabah. Janganlah berputus asa, ini segala-galanya adalah sejajar dengan undang-undang negara kita; semenjak kita menubuhkan Malaysia Undang-undang Imigeresen kemasukan ke dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah termaktub di dalam Perjanjian Malaysia yang kita semua tandatangani dalam tahun 1963. Kita memang tidak menggunakan sebarang kebolehan atau kuasa yang ada pada negeri Sabah itu dengan tidak meninjau sebaik-baiknya. Semuanya adalah atas keselamatan, ketenteraman, keamanan, kedamaian negeri dan negara kita. Sekian sahaja dan saya memang menyokong Anggaran Belanjawan Tambahan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana ada undang-undang National Language Act yang membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak hendak bercakap Inggeris itu saya tidak boleh tahan bercakaplah!

6.04 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*). Mr Speaker, Sir, I rise to take part in the debate on the Supplementary Budget for 1980 of which this House is asked to approve an additional sum of \$350,096,134 for the financial year 1980 and \$4,294,232,380 for the year 1981.

In reply to a question posed by me during the March 1980 meeting of the House, the Minister of Home Affairs said a total of 721,500 crimes were committed between 1964 and 1979 in the country. Out of this 191,315 were solved, leaving behind 530,185 crimes or 74.48% unsolved. This, Mr Speaker, Sir, to say the least is most shocking and denotes a most unhealthy state of affairs. There is obviously a need for the police force to buck-up and in this connection this House has been asked to approve a \$15.5 million to meet the emoluments of the police force following the implementation of the Cabinet Committee's new pay scale from 1st July, 1980. While I do appreciate the need to increase the salary of our police force, nevertheless, this salary increase must be matched by a corresponding increase in productivity.

Mr Speaker, Sir, Sabah still faces an acute shortage of police personnel despite the fact the crime in the State continues to rise. The police force in Sabah is under-staffed and they are greatly handicapped when it comes to combating the influx of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants. In Sandakan, whenever the residents lodge reports with the police, they are invariably told to apprehend the culprits themselves in view of the shortage of police personnel.

On 4th February this year at about 3.00 a.m. I was informed of an alleged burglary at Tau Foo Hill, Sandakan. I immediately contacted the police but was told that they were unable to send anyone to the scene due to the

shortage of police personnel. This is a most shocking state of affairs and I call on the Minister concerned to deploy more police personnel for Sabah especially to Sandakan to combat the ever-increasing incidence of crime.

While still on this subject, I wish to call on the Minister to take steps to multi-racialise the police force so as to gain the confidence of the people. Recruitment exercises must reflect the multi-racial composition of the country. Promotions must be based on merit and not on other considerations.

Mr Speaker, Sir, when Sabah joined Malaysia, immigration power was given to the State to control West Malaysians from entering Sabah and depriving Sabahans of job opportunities. However, the immigration powers have been abused by the Berjaya State Government. The Berjaya State Government of Sabah has banned the Opposition Leader and the Member of Parliament for Kuala Lumpur Bandar from entering Sabah to carry out legitimate political activities. However, the Sabah State Government has adopted an open-door policy in so far as Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants are concerned. Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants are allowed to enter Sabah freely without any restrictions imposed on them. Such double-standards should be done away with.

The time has come for the Government to review the situation and instruct the immigration authorities from allowing Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants to enter Sabah. Their very presence has caused a feeling of insecurity among the people of Sabah. Further it is ironic that refugees and illegal immigrants are allowed to enter Sabah but Malaysians including the Opposition Leader and the Member of Parliament for Kuala Lumpur Bandar are banned from entering the State.

Mr Speaker, Sir, on 27th October, 1980 during the Budget Session I raised a question with regard to blue Identity Cards being issued to Filipino refugees in Sabah. I gave two examples to substantiate my statement. They are Encik Tanjil bin Jana Huddin, a known Filipino refugees born in 1925 who now possesses a blue identity card number H

0324124 issued on 27th September, 1979 and Encik Abbas bin Mohd. another refugee who now holds a blue identity card No. H 024747 issued on 6th February, 1980. They were recorded in the *Penyata Rasmi Parlimen* dated 27th October, 1980. Unfortunately, the Deputy Minister of Home Affairs, when he replied to this point on 5th November, 1980 stated as follows:

“Dakwa Ahli Yang Berhormat mengenai penjualan Kad Pengenalan kepada pelarian Filipino Selatan adalah tidak benar. Pihak Pendaftaran juga tidak pernah mengeluarkan sebarang Kad Pengenalan kepada pelarian sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Ahli Yang Berhormat itu telah memberi contoh adanya Kad Pengenalan No.4124 yang dikeluarkan untuk pelarian Filipino. Sebenarnya semua Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak Pendaftaran mempunyai tujuh angka dan bukan empat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga semua pemberian taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan.”

Mr Speaker, Sir, the Hansard dated 27th October, 1980 clearly showed that the numbers of the National Registration Identity cards given by me ran into 7 digits

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang sangat. Apa ada kena-mengena dengan Anggaran Tambahan ini, apa ada hubungannya?

Tuan Fung Ket Wing: Ada point.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup yang itu, pergi kepada perkara yang dibincangkan masalah dalam Majlis.

Tuan Fung Ket Wing: Sedikit sahaja tetapi atas point itu saya mesti cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Pergi kepada Anggaran Belanja Mengurus atau Anggaran Pembangunan Tambahan.

Tuan Fung Ket Wing: It is on Home Affairs.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bercakap atas Home Affairs, itu dalam

Jawatankuasa. Apa ada perkara lain, cakap yang lain.

Tuan Fung Ket Wing: ... and not 4 digits as alleged by the Deputy Minister of Home Affairs. I do not know how the Deputy Minister of Home Affairs.....

Tuan Yang di-Pertua: You are continuing from where you have left.

Tuan Fung Ket Wing: Yes, this is only a short paragraph.

Tuan Yang di-Pertua: No matter how short it is, it is irrelevant to the subject being discussed.

Tuan Fung Ket Wing: The subject discussed, Mr Speaker, Sir, is on the Ministry of Home Affairs. It is on the general policy. So if the

Tuan Yang di-Pertua: But you are not talking on the general policy. You are talking on specific details. That is what I said you should talk about it when the House sits in Committee—that is the time.

Tuan Fung Ket Wing: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: It is not "Okay" Dalam Parlimen tidak boleh kata "Okay".

Tuan Fung Ket Wing: Mr Speaker, Sir, although the Sabah State General Elections are over, there are a few points that I wish to touch on in connection with the conduct of the general elections in Sabah.

Firstly, two different sets of nomination forms were issued by the Election Office. One set was printed in 1974 and the other in 1978. The set printed in 1974 is outdated and if it had been used by any candidate, it would have the candidate disqualified. Although this matter was resolved after I had raised it with the Sabah Election Supervisor, nevertheless, I feel that Election Commission had been rather careless in its duties and I hope this will not be repeated in future.

Mr Speaker, Sir, although the election laws stipulate that only \$15,000 could be spent by a candidate in any state elections, the amount of money spent by Berjaya in the Sabah general elections is well above this amount.

For instance, in the Elopura state constituency, the Berjaya candidate donated \$200,000 to the Sin Hwa School and \$300,000 to the Chi Wah School. We do not object to money been given to schools but what we deplore is that this was done during a general election. I am given to understand this only occurred in the Elopura constituency.

Again, one week before polling, the Berjaya candidate for the Elopura constituency used his position as a State Minister and repaired all the feeder roads stretching from the 7th to the 9th mile in the constituency; electricity and water supply were supplied within a matter of days. Even telephones were installed immediately. Such practices undoubtedly influenced the voters. These malpractices must be stopped to ensure that our elections are conducted in a fair and just manner.

Mr Speaker, on 3rd April, 1981, I was informed that 2 sealed ballot boxes were found in the Forestry Office in Sandakan. This attracted a considerable crowd and the FRU had to be called to disperse the crowd.

Mr Speaker, Sir, the discovery of the 2 ballot boxes has aroused suspicion as it is common knowledge that all ballot boxes must be handed in at the counting centre, and after the counting of votes is completed, the ballot papers together with other documents are then sealed and kept in a safe place. The question that needs to be answered is how did the 2 ballot boxes find their way to the Forestry Office in Sandakan and not to the counting centre.

The Election Commission has kept mum over this matter and I call on the Election Commission to look into the matter and report its findings to this House.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.17 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Anggaran Belanjawan Tambahan yang berjumlah lebih kurang \$4,300 juta.

Memang ini adalah merupakan satu anggaran yang sangat besar dalam keempat-empat Rancangan Malaysia yang sudah atau sedang kita alami. Memang dari segi projek pembangunan sosio-ekonomi saya adalah menyokong sepenuhnya Anggaran Belanjawan Tambahan ini ialah demi kepentingan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Tetapi satu perkara yang perlu saya timbulkan ialah bagaimana Kerajaan boleh memberikan perhatian yang lebih berat atas cara untuk membelanjakan wang yang dibelanjakan untuk tambahan ini. Kita tidak boleh masih bersikap "tidak apa" untuk melihat projek-projek yang selalu gagal atau kerana dalam peringkat kajian kemungkinan atau dalam peringkat perancangan bila berlakunya kecuaiian atau penyelewengan maka mengakibatkan Kerajaan mengalami berjuta-juta ringgit kerugian, umpamanya Pelabuhan Kuantan sebagai satu kegagalan. Dari pengalaman Pelabuhan Kuantan ini saya harap Kerajaan boleh memberikan satu perhatian yang lebih serius atas segala kajian kemungkinan yang dijalankan terhadap projek-projek pembangunan, khasnya projek-projek pembangunan yang memakan perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit ini.

Tuan Speaker, saya akan sentuh satu perkara ialah satu peristiwa yang berlaku di Johor di mana beribu-ribu ekar tanah sedang ditebang kerana dari segi undang-undang katanya ini adalah illegal squatters tetapi Kerajaan perlu sedar bahawa penduduk-penduduk yang sudah lamanya melebihi 20-30 tahun duduk di kawasan yang berkenaan sudah banyak menanam modal dan titik peluh mereka untuk memajukan atau sebagai cara untuk mencari kehidupan tetapi apakah sebabnya hingga hari ini barulah Kerajaan mengambil satu tindakan yang begitu tidak peri kemanusiaan. Memang dari segi undang-undang ini adalah salah. Tetapi adakah Kerajaan timbang dari segi peri kemanusiaan iaitu apakah sebabnya begitu ramai penduduk-penduduk sudah tinggal di sana berpuluh-puluh tahun kerana mereka tidak dapat memperoleh sekeping tanah untuk kehidupan dan untuk meneruskan cara kehidupan mereka. Kalaulah Kerajaan Negeri Johor ataupun Kerajaan Pusat hanya bertindak dari segi undang-undang ini

mungkin akan mensabotaj segala usaha pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan yang sedang dijalankan khasnya di dalam konteks Rancangan Malaysia Keempat dan ini juga akan menjejaskan imej Kerajaan dalam hubungan Dasar Ekonomi Baru.

Saya harap Kerajaan Pusat boleh mengambil satu tindakan yang segera untuk berunding dengan Kerajaan Negeri Johor supaya segala tindakan untuk mahu menjahanamkan segala kawasan yang dianggap sebagai kawasan tidak sah dari segi undang-undang ini yang sudah ditanam berbagai tanaman ini boleh diberhentikan dengan segera. Kalaulah tidak sah, bolehlah disahkan dari segi undang-undang. Tetapi bagaimana boleh hanya bertindak secara undang-undang tanpa menghiraukan apakah yang terjadi kepada kehidupan semua keluarga-keluarga yang terlibat dalam isu yang begitu serius ini. Saya harap Menteri Kewangan boleh memberikan satu jaminan bahawa Kerajaan Pusat khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberikan satu arahan kepada Kerajaan Negeri Johor supaya perkara ini boleh ditangguhkan sehingga suatu cara penyelesaian boleh ditemui.

Tuan Speaker, di sini saya juga perlu menyentuh satu masalah yang sudah lama dibangkitkan ialah mengenai masalah kerakyatan. Menurut angka yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam persidangan yang lepas sehingga setakat ini melebihi 300,000 rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan yang berwarna merah. Apakah sebabnya selama ini Kerajaan masih tidak boleh memproses atau memberikan kelulusan yang sewajarnya supaya pemegang-pemegang kad pengenalan warna merah ini boleh diberikan peluang untuk menyumbang kepada negara dan masyarakat kita.

Tuan Speaker, di sini saya perlu mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang sudah bersikap liberal dan berasaskan kepada kepentingan rakyat Malaysia khasnya dalam konsep Malaysia iaitu dasar imigresennya sudah dilonggarkan supaya semua rakyat Malaysia bebas boleh memajukan dan melawat negeri Sarawak

boleh bebas bercakap tetapi bebas bertanggungjawab juga.

Akhirnya, saya harap Kerajaan boleh menambahkan peruntukan kepada negeri Melaka, khususnya di Kota Melaka. Saya dapati peruntukan di bawah Majlis Perbandaran Melaka Tengah ini hanya \$4.2 juta kerana selama ini Kota Melaka adalah dicuainya walaupun dahulunya dipegang oleh parti Pembangkang tetapi sekarang ini oleh seorang calon bebas (*Ketawa*). Sebab itulah sekarang saya menyeru satu peruntukan khas sekurang-kurangnya \$500 juta (*Ketawa*) bolehlah diberikan untuk kawasan saya (*Ketawa*). Walaupun ada beberapa orang State Assemblymen dari DAP tetapi demi kepentingan rakyat saya tidak kira siapa pun, inilah dasar bebas saya (*Ketawa*).

Tuan Speaker, satu point yang terakhir yang juga sangat diminati oleh rakyat Malaysia ialah mengenai kadar pertukaran asing di antara wang ringgit Malaysia dengan dollar Singapore. Saya harap perkara ini boleh diselesaikan, jangan dilanjutkan sehingga boleh menimbulkan satu reaksi yang buruk yang mungkin akan memburukkan imej Kerajaan Malaysia khususnya kedudukan ringgit Malaysia. Kerana dari pandangan orang ramai khususnya dari kaca-mata dunia asing nampaknya kedudukan ringgit Malaysia adalah lebih lemah, tidak stabil kalau dibandingkan dengan sebuah negara yang kecil seperti Singapura. Saya harap perkara ini bolehlah dibetulkan dan Kerajaan Malaysia janganlah selalu tertinggal di belakang negara Singapura. Sekianlah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

6.38 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Angka yang diminta ini sesungguhnya tidaklah besar sekiranya kita kaji dari segi kejayaan-kejayaan dan natijah-natijah yang boleh dicapai daripada peruntukan ini. Daripada peruntukan yang diminta ini adalah jelas bahawa negara kita pesat membangun. Dan kepesatan dan juga

kejayaan yang telah dicapai, yang dapat dicapai oleh negara kita pada masa yang lalu bukan sahaja telah meninggikan imej kita di dalam negeri tetapi juga telah meninggikan imej kita di luar negeri. Dan kejayaan-kejayaan yang telah dapat dicapai dalam masa yang lalu dan juga dalam masa yang akan datang menambahkan lagi imej negara kita bertambah tinggi dan bertambah harus di luar negeri. Ini membolehkan orang-orang atau mereka atau petugas-petugas yang bertugas di luar negeri boleh mengangkat kepalanya di tengah-tengah negara-negara yang membangun atau yang lebih maju membangun.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sama sekali dengan teguran yang telah dibuat oleh seorang Ahli Pembangkang sebentar tadi yang telah menyebutkan ada berlaku berbagai-bagai skandal atau penyelewengan oleh setengah-setengah pegawai kita. Hal-hal seperti ini boleh berlaku di mana-mana sahaja dan berlaku di mana-mana juga negara-negara yang lebih maju dalam dunia. Tetapi satu yang boleh saya katakan di sini bahawa kejayaan dan kepesatan, keharuman yang dapat dicapai oleh negara kita dalam bidang pembangunan pada masa yang lalu dan juga pada masa yang akan datang adalah hasil dari kerja yang bersungguh-sungguh dan gigih bukan sahaja daripada Yang Berhormat Menteri-menteri tetapi juga daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam negeri ini.

Kalaupun saya tidak boleh mewakili mereka yang bertugas di luar negeri tetapi saya yakin bahawa rakan-rakan saya yang bertugas di luar negeri pada masa ini keseluruhannya sebagaimana yang saya katakan tadi yang boleh dan sentiasa boleh mengangkat kepala di luar negeri kerana kejayaan-kejayaan dari yang dicapai oleh negara kita boleh memberikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pegawai perkhidmatan awam sama ada di peringkat Pusat, di peringkat Negeri, di peringkat Daerah dan di peringkat yang serendah-rendahnya atas usaha dan kecekapan (efficiency) mereka dan kejujuran mereka di dalam menjalankan dan melaksanakan pembangunan bagi negara kita seluruhnya.

Kemajuan kita dalam bidang pembangunan bukan sahaja akan mendatangkan nikmat, bukan sahaja akan memberikan faedah kepada seluruh rakyat di negara kita ini, tetapi ini akan boleh menambahkan pintu negara kita lebih terbuka untuk didatangi oleh pemodal-pemodal, oleh penanam-penanam modal.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya dari mereka rakan-rakan, saudara-saudara, pegawai-pegawai yang bertugas di luar negeri. Mungkin mereka tidak semua berpeluang merakamkan itu di dalam Dewan yang mulia ini dan inilah saya ambil kesempatan ini bagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan juga penghargaan kepada semua dan seluruh pegawai perkhidmatan awam di dalam negara ini. Ada berlaku sedikit penyelewengan, ini boleh berlaku di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dalam masa yang akan datang kita berkehendakan tenaga yang berlebih-lebih lagi, dedikasi yang lebih daripada masa yang sudah, oleh kerana pertandingan (competition) di luar negeri sangatlah ketat, sangatlah kuat. Umpamanya saya menyentuh sedikit barang-barang dagangan kita di luar negeri seperti getah, kayu, minyak kelapa sawit, barang-barang seperti nenas dan sebagainya mendapat pertandingan, koko mendapat pertandingan yang hebat di luar negeri. Ada negara-negara yang boleh memberikan barang-barang yang lebih tinggi mutunya dengan harga yang lebih murah daripada apa yang kita tawar. Ini menghendaki kita berusaha sungguh-sungguh bukan sahaja berusaha di dalam melaksanakan pembangunan ini tetapi di dalam meninggikan mutu penghasilan yang kita keuarkan.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah juga saya menarik perhatian bahawa telah berlaku juga ada sedikit-sedikit kecacatan yang telah disebut-sebut di luar negeri. Ini ialah oleh kerana akibat beberapa exporter kita yang tidak jujur dan tidak amanah. Sebagaimana diketahui telah berlaku, ada exporter kita yang telah melakukan penipuan, telah menipu melakukan penipuan yang melibatkan berjuta-juta ringgit—walaupun orang ini telah

dihukum, saya tahu telah dihukum; tetapi kita hendaklah berjaga-jaga pada masa yang akan datang supaya nama baik kita, nama baik bidang perniagaan kita, exporters kita di dalam negeri ini tidak tercemar oleh kerana seorang dua peniaga yang tidak jujur ini.

Misalnya baru-baru ini di sebuah negara luar telah dieksport oleh peniaga-peniaga kita satu kumpulan besar nenas dalam tin. Nenas ini telah didapati tidak baik dan rosak dan apabila pihak yang membeli daripada sebuah negara luar menuntut supaya diganti barang ini maka exporter ini tidak mahu menunaikan. Kita menerima, perwakilan-perwakilan di luar negeri sering menerima komplek-komplek yang sangat berat dan susah kita hendak menghuraikan sekarang. Inilah sebab nila setitik maka rosak susu sebelanga.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita patutlah juga mengkaji bagaimana menghuraikan satu masalah iaitu barang-barang kita sendiri, mungkin barang-barang kita dari Malaysia seperti getah atau kayu-kayan boleh dibeli dengan harga yang lebih murah di sebuah negara lain ataupun sekurang-kurangnya pembeli-pembeli dari luar negeri enggan membelinya terus daripada Malaysia menerusi pelabuhan Malaysia kita oleh kerana kononnya ada sungutan bahawa urusan-urusan di pelabuhan kita tidak cekap atau tidak memuaskan hati sebagaimana pelabuhan-pelabuhan di sesebuah negara yang lain. Saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidak, tetapi ini patutlah kita kaji. Kementerian yang berkenaan patutlah mengkaji supaya cerita pelabuhan kita tidak cekap, kegagalan urusan-urusan kita di pelabuhan ini dapat ditutup atau mungkin pelabuhan kita cekap tetapi mungkin kerana kurang publisiti, penerangan kita ke luar negeri tidak cukup untuk menyakinkan pedagang-pedagang di luar negeri untuk membeli terus barang-barang ini daripada negara kita dan mengambilnya daripada pelabuhan-pelabuhan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang krisis antarabangsa adalah sesuatu yang boleh menjejaskan ekonomi kita. Krisis Iran/Iraq umpamanya menjejaskan sedikit atau mungkin tidak sedikit perniagaan kita di lapangan kayu-kayan dan juga kelapa sawit.

Oleh sebab itu, saya hendak mengatakan di sini bahawa negara kita sentiasa berusaha mengamalkan dasar yang bebas dan aktif untuk memberikan sumbangan yang sebesar-besarnya kalau boleh atau sekecil-kecilnya seberapa yang kurang untuk memberikan sumbangan mengekalkan atau menstabilkan keamanan dunia di semua rantau dalam dunia, oleh sebab sumbangan kita di bidang keamanan antarabangsa ini akan menolong negara kita maju dan akan menolong mempesatkan lagi perdagangan kita dengan negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya ingin rakamkan di sini dan semua orang yang bertugas di luar negeri sentiasa menghargai setinggi-tinggi perkhidmatan pegawai-pegawai perkhidmatan di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian lagi, saya jemput Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menjawab.

6.47 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang dan juga peruntukan Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) bagi tahun 1980 dan 1981 ini.

Barangkali saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk mengulas segala perkara yang telah ditimbul oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengambil bahagian sekejap tadi oleh kerana banyak daripada perkara-perkara itu menyentuh perkara detail. Walau bagaimanapun, sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara-perkara yang difikirkan penting dan perlu ditimbang akan diambil ingatan supaya ianya ditimbang untuk dilaksanakan kelak.

Kerajaan sentiasa mengadakan perundingan dengan semua pihak sama ada menerusi majlis dialog ataupun majlis perundingan dengan kumpulan-kumpulan

dalam negeri dan juga kumpulan-kumpulan di luar negeri. Pakar-pakar dijemput untuk berunding supaya mendapat pandangan, samalah juga dalam negeri Kerajaan sentiasa berunding dengan kumpulan-kumpulan yang difikirkan boleh menyumbang buah fikirannya, pandangannya serta pendapat untuk membantu Kerajaan menggubal satu-satu dasar atau satu-satu rancangan yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada rakyat seluruhnya.

Umpamanya, apabila kita merencanakan Rancangan Malaysia Keempat kita telah memohon kepada badan-badan yang berkenaan untuk mengemukakan pandangan mereka menerusi memorandum-memorandum yang boleh diangkat semoga Kerajaan boleh menimbang apakah cadangan-cadangan baru yang berguna, yang boleh diguna oleh Kerajaan untuk dijadikan salah satu daripada rancangan di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini. Samalah juga semasa kita menyediakan belanjawan tahunan, kita juga menjemput badan-badan yang berkenaan semoga mereka itu tampil ke hadapan di samping mengemukakan pandangan dan cadangan mereka secara bertulis di dalam memorandum untuk berbincang dengan pegawai-pegawai kanan daripada semua pihak supaya Kerajaan akan dapat mengambil perhatian di atas kehendak-kehendak semua kumpulan yang diwakili oleh mereka dalam negara ini.

Jadi inilah sebabnya kita telah memperolehi kejayaan. Tiap-tiap rancangan yang dirancangkan itu sentiasa disandarkan kepada kepentingan rakyat, disandarkan kepada hasrat rakyat sebagaimana yang disuarakan oleh wakil-wakil mereka menerusi kumpulan-kumpulan yang dapat Kerajaan menemuinya. Itulah sebab kita telah memperolehi kejayaan dalam berbagai bidang oleh kerana adanya persefahaman di antara kumpulan-kumpulan yang mewakili rakyat dengan Kerajaan ini sendiri menerusi pemimpin-pemimpin yang ada di peringkat kawasan dari tempat-tempat yang lain. Jadi tidaklah benar mengatakan bahawa Kerajaan tidak pernah berdialog sama ada atas masalah rancangan ekonomi ataupun rancangan sosial baik perkara-perkara yang diagak sensitif ataupun tidak sensitif kerana Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat atas semua masalah yang

menyentuh kedudukan rakyat. Jadi kita terus akan membuat perundingan dengan rakyat menerusi kumpulan ataupun menerusi orang-orang perseorangan asalkan pandangan-pandangan itu adalah berfaedah dan berguna kepada rakyat seluruhnya.

Sekarang kita melihat kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila mengemukakan usul Rancangan Malaysia Keempat di Dewan yang mulia ini. Kita mendapat tahu bahawa paras kemiskinan telahpun menurun kepada paras yang paling rendah di luar jangkaan kita, rendah daripada apa yang dijangka apabila kita membuat perspective plan kita dalam tahun 1970. Kita telah dapat meningkatkan pendapatan rakyat terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan luar bandar dan di bandar sama ada mereka itu keturunan Melayu, keturunan Cina ataupun keturunan India ataupun suku-suku kaum yang lain, kesemuanya telah mendapat faedah dan nikmat daripada pelancaran dan pelaksanaan Rancangan-rancangan Malaysia sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Jadi ini semua menyebabkan kemajuan yang telahpun dicapai di merata-rata tempat dalam semua bidang di dalam tanahair kita ini. Dan oleh kerana perubahan-perubahan yang dicetuskan oleh kemajuan ini maka terpaksa kita membuat penyesuaian rancangan demi rancangan diubahsuaikan supaya ianya bersesuaian, dengan hasrat dan kehendak rakyat serta juga dengan peredaran zaman.

Jadi terpaksa apabila perubahan-perubahan berlaku, kita mesti membuat penyesuaian dan pindaan. Itulah sebabnya dalam Dewan ini sendiri kita akan kemukakan berbagai pindaan kepada akta, kepada peraturan yang difikirkan perlu untuk disesuaikan dengan keadaan yang baru. Malam ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan akan mengemukakan pindaan kepada Perlembagaan misalnya, dan baru-baru ini kita telah meminda Akta Pertubuhan untuk hendak menyesuaikan dengan keadaan baru yang dihadapi oleh masyarakat kita yang sedang berkembang maju.

Di dalam sidang yang lampau kita telah meminda Peraturan Mesyuarat Dewan ini sendiri yang telah pun dibangkitkan oleh wakil dari Jelutong sekejap tadi. Saya hairan mengapa wakil dari Jelutong telah menimbulkan persoalan itu, kerana pindaan kepada Peraturan Tetap Mesyuarat kita ini telah diputuskan oleh Dewan yang mulia ini dan tidak patut diungkit-ungkit lagi. Katanya kita cuba hendak menyekat kebebasan Wakil Rakyat daripada mengambil bahagian di dalam perbahasan atas satu-satu perkara yang difikirkan penting dan mustahak. Saya rasa itu tidak kena pada tempatnya dan tidak patut ditimbulkan lagi, kerana Dewan ini sudah pun menentukan tentang cara dan corak ia patut menjalankan urusan permesyuaratannya apabila dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi tidaklah saya akan mengambil masa yang panjang, cuma saya hanya akan tumpu kepada tiga perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang.

Pertamanya Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menimbulkan kekeliruan di kalangan kita di dalam Dewan yang mulia ini apatah lagi di kalangan rakyat jelata sekalian tentang pengawalan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan. Memang benar kita akui bahawa perbelanjaan Kerajaan sudahpun meningkat dengan begitu tinggi sekali kerana perbelanjaan telah bertambah dari setahun ke setahun dan perlulah kita mengadakan kawalan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyoal sama ada perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan ini sebenarnya dapat dikawal oleh Parlimen dan tidakkah perlu Parlimen menubuhkan satu jawatankuasa mengawal segala urusan perbelanjaan yang hendak dilakukan oleh Kerajaan.

Saya suka bertanya kepada wakil dari Petaling sama ada beliau faham atau tidak tentang sistem pemerintahan kita pada masa ini. Tidakkah sistem yang telah pun ditentukan oleh kita sebagai Wakil-wakil Rakyat di sini yang berhak untuk menentukan cara dan corak pemerintahan telah pun diterima oleh seluruh rakyat. Tidakkah beliau faham bahawa Parlimen hanya berhak membuat

undang-undang dan kawalan apabila sesuatu perkara dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini, maka urusan pemerintahan adalah dilakukan oleh Kerajaan yang diberi dengan executive powers menerusi undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen. Maka apa pula hendak diungkit soal sama ada perbelanjaan itu patut atau tidak patut dikawal oleh Parlimen. Setiap Ahli Parlimen berhak untuk menyuarakan dan menyoal Kerajaan apabila kita bersidang dan sudah tentu tidak perlu kita mengadakan satu jawatankuasa khas Parlimen untuk menguruskan segala perbelanjaan Kerajaan, kerana Kerajaan bertanggungjawab kepada Parlimen atas semua perkara yang difikirkan perlu diberitahu kepada rakyat menerusi Dewan Parlimen ini. Lagi pun Parlimen sendiri telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. (Public Accounts Committee) yang boleh menyelidiki dan memeriksa setiap akaun dan setiap perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun badan-badan yang ada di bawah naungan Kerajaan Pusat itu. Jadi tidaklah benar bahawa perbelanjaan Kerajaan pada masa ini tidak mendapat pengawalan daripada Parlimen bahkan Parlimen berhak dan berkuasa untuk membuat pengawalan yang rapi dan ketat ke atas setiap perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan.

Jadi beliau telah menimbulkan soal ini kerana dia menuduh bahawa kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam pengawalan perbelanjaan ini menyebabkan banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan telah pun menjadi korap. Inilah isu yang hendak ditimbulkannya maka katanya banyak perkara yang disembunyikan oleh Kerajaan. Adakalanya apabila disoal dalam Parlimen ini sendiri pun dia berkata kita dalam Kerajaan selalu berselindung di belakang perkataan rahsia, tak boleh dijawab, tak boleh diberi maklumat.

Sebenarnya itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu memberi apa sahaja maklumat yang dikehendaki oleh rakyat menerusi Wakil-wakil Rakyat asalkan Wakil-wakil Rakyat itu membuat pertanyaan dengan soalan atas niat yang jujur, atas niat yang baik tetapi masalahnya sama ada Wakil-wakil Rakyat dari pihak Pembangkang

mengemukakan sesuatu pertanyaan itu atas niat yang baik, atas niat yang jujur atau adakah mereka mengemukakan sesuatu soalan semata-mata kerana hendak mengelirukan rakyat. Ini yang dipersoalkan oleh kita. Adakah sesuatu yang ditanya itu adalah melibatkan kepentingan umum atau adakah sesuatu yang ditanya itu adalah melibatkan kepentingan politik mereka semata-mata.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang saya suka terangkan kepada Dewan yang mulia ini atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi. Tak perlulah saya menerangkan ataupun memberi ulasan atau tuduhan mengenai pembelian senjata dan alat-alat kelengkapan perang oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah pun memberi jawapan dengan panjang lebar tentang sistem yang digunakan oleh Kerajaan untuk membeli alat-alat kelengkapan perang dan lain-lain untuk kegunaan tentera kita. Jangan sekali-kali pihak Pembangkang cuba hendak menuduh pegawai-pegawai tentera kita seperti Jeneral-jeneral, seperti pegawai-pegawai kanan tentera, seperti lain-lain anggota tentera mengatakan bahawa mereka ini tidak cekap, mereka ini selalu menyeleweng, mereka ini korap dan sebagainya.

Saya tidak suka menerima tuduhan-tuduhan seumpama itu melainkan mereka sanggup mengemukakan tuduhan-tuduhan dengan bukti yang sebenarnya, mereka tidak patut menunggu sidang Parlimen. Kalau mereka mengetahui bahawa penyelewengan berlaku di mana-mana tempat, jangan sahaja dalam Angkatan Tentera tetapi juga di mana-mana di seluruh tanahair kita ini. Kalau mereka bertanggungjawab sungguh-sungguh mahu melihat supaya negara ini berjalan dengan cara yang baik dan teratur, mereka patutlah datang menemui pihak yang berkuasa dengan maklumat-maklumat yang mempunyai asas yang boleh diterima, barulah kami dapat menerima tuduhan-tuduhan seumpama itu tetapi generalised accusation tidak dapat diterima oleh Kerajaan, lebih-lebih lagi menuduh Jeneral-jeneral, pegawai-pegawai kanan dalam tentera sebagai pegawai yang korap, saya tidak dapat menerimanya. Ini cuma akan mencemarkan nama baik

pemimpin-pemimpin Angkatan Tentera itu sendiri yang cuba hendak memberi khidmat yang baik kepada negara dalam menjaga dan mengawal keselamatan tanah air kita.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah rancangan penyusunan semula masyarakat, ada dituduhnya bahawa apa rancangan yang dilakukan oleh Kerajaan pada masa ini semata-mata mengasing dan memisahkan di antara satu kumpulan masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Dan ini adalah suatu tuduhan yang nakal, suatu pandangan yang agak merbahaya kepada kita dalam usaha kita hendak menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini. Ada dicadangkan bahawa perkara-perkara yang dilakukan oleh Kerajaan patut diubahsuai dan diperbaiki kerana katanya sudah pun ada perasaan alienated di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain disebabkan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan itu tidak dapat merapatkan di antara rakyat berbilang kaum ini disebabkan telah pun dipisah-pisahkan mengikut pekerjaan dan sektor yang ada dalam ekonomi kita.

Saya tidak dapat menerima tuduhan itu oleh kerana sebagaimana yang dimaklumkan oleh Kerajaan di bawah perancangan kita ini yang akan memakan masa 20 tahun daripada tahun 1970 kita beransur-ansur akan menyusun semula masyarakat kita, kerana masyarakat kita ini perlu didedah kepada perubahan-perubahan secara perlahan-lahan, secara berperingkat-peringkat semoga penyesuaian pemikiran rakyat, pandangan rakyat, sikap rakyat terhadap perubahan ini akan dapat diterima dengan menyeluruh maka tidak dapat kita membuat suatu perkara dengan tergesa-gesa yang boleh menimbul reaksi yang counter productive.

Itulah sebab penyusunan dibuat dalam kilang-kilang untuk mencerminkan komposisi penduduk tanahair kita. Kita telah buat juga untuk mengambil tenaga kerja di tempat-tempat yang lain, samalah juga tentang pembukaan tanah dan lain-lain urusan rancangan Kerajaan juga kita memberi peluang kepada rakyat keturunan bangsa lain selain daripada bangsa Melayu untuk bersama-sama menyertai rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tetapi mustahil dapat kita lakukan semua perubahan ini dengan sekelip mata kerana ianya memerlukan kepada masa yang kita fikir boleh membaiki keadaan yang hendak kita baiki ini.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, ialah mengenai pembayaran kekayaan negara. Pembahagian kekayaan negara yang terkandung di bawah Dasar Ekonomi Baru ini, satu perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi ialah mengenai pelancaran Amanah Saham Nasional. Ia mendakwa bahawa pembahagian unit Amanah Saham Nasional ini hanya akan menguntungkan golongan-golongan istimewa sahaja, khasnya dia kata UMNO-putera. Saya tidak tahu siapa UMNO-putera ini dan dia telah berkata bahawa segala rancangan ini tidak akan memberi faedah kepada mereka yang berpendapatan rendah. Cara bagaimana dia telah dapat mengeluarkan pendapat dan pandangan seumpama ini saya tidak dapat memahaminya.

Tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa Skim Amanah Saham Nasional ini adalah dituju semata-mata untuk golongan yang berpendapatan rendah. Itulah sebab kita membolehkan setiap rakyat membeli sekurang-kurangnya unit sebanyak \$10 buat permulaan dan boleh pula membeli unit-unit dalam masa 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, dengan harga par dan boleh menjualnya dengan harga par dan setiap rakyat bumiputera yang berumur lebih daripada 21 tahun tidak berhak memiliki ataupun tidak boleh memiliki lebih daripada 50,000 unit seorang. Jadi di mana dakwaan yang mengatakan bahawa ini adalah dituju kepada golongan istimewa oleh kerana kita membuka Skim itu kepada semua bumiputera yang berhak dan layak dan kalau mereka tidak mampu membeli unit-unit ini pada tahun ini mereka berhak membeli tahun depan dan kalau tidak dapat membeli tahun depan, mereka berhak membeli menjelang tahun 1990. Kalau mereka tidak dapat membeli 50,000 unit mereka boleh memula dengan \$10 dan beransur-ansur kumpulkan wang untuk dijadikan unit yang patut dibeli sebanyak 50,000 unit.

Kesemuanya ini adalah memberi faedah kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Kalau kita hendak ditunjukkan rancangan ini semata-mata kepada golongan istimewa sebagaimana yang didakwanya maka sudah tentu kita tidak akan menghadkan jumlahnya dan sudah tentu kita tidak akan menawar kepada rakyat bumiputera pembelian unit ini pada jumlah \$10 sahaja, kita akan menentukan supaya setiap orang mesti membeli sekurang-kurangnya \$1,000 unit sebagaimana jualan saham dan pasaran saham Kuala Lumpur dan lain-lain.

Jadi tuduhan-tuduhan yang seumpama ini tidak berasa langsung dan telah timbul pula satu cara propaganda yang semata-mata hendak menarik perhatian rakyat Sabah dan Sarawak supaya mereka akan sangsi tentang rancangan Kerajaan Persekutuan dalam cara mengendalikan Amanah Saham Nasional ini, di mana beliau telah mencadangkan supaya daripada jumlah saham ini sebanyak 550 juta diuntukkan bagi rakyat Sabah dan Sarawak. Ini anih sekali, satu kali dia kata patut merapatkan semua rakyat jangan membeza, jangan membuat peruntukan khas, jangan mengadakan keistimewaan untuk mana-mana pihak. Sekarang dia kata untuk Sabah dan Sarawak adakan peruntukan khas sebanyak 550 juta saham untuk mereka.

Saya tidak menerima pandangan seumpama ini kerana kita telah cuba mengumpulkan semua pelaburan Kerajaan dan telah sanggup sekarang ini mengeluarkan unit untuk semua bumiputera tidak kira mereka ada di Trengganu, ada di Perlis, ada di Johor, di Sabah atau Sarawak yang mana mampu memiliki saham-saham ini boleh membeli dengan mencarumkan wang yang sebagaimana yang telah pun ditentukan oleh Permodalan Nasional Berhad menerusi Amanah Saham Nasional.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Petaling janganlah cuba hendak memutarbelitkan Skim yang telah pun dirangka dengan begitu baik oleh Kerajaan untuk kepentingan bumiputera. Janganlah cuba hendak meracuni pemikiran rakyat di Sabah dan Sarawak dalam soal ini, janganlah pula hendak menimbulkan satu isu yang baru kerana kita telah pun menerangkan kepada rakyat betapa mustahak dan pentingnya mereka menyertai Skim yang telah pun dilancarkan oleh Kerajaan ini untuk faedah

kita bersama, bukan bumiputera sahaja, tetapi untuk faedah seluruh rakyat Malaysia kerana ini adalah satu daripada rancangan yang kita fikir boleh merapatkan perhubungan di antara rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ulasan dan penjelasan yang dapat saya beri kepada beberapa teguran yang telah pun dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, dan tidaklah tujuan saya hendak mengambil masa lebih daripada itu oleh kerana perkara-perkara yang lain menyentuh perkara-perkara detail yang saya telah pun mengambil ingatan dan akan memberi pertimbangan yang wajar.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, dan Usul Anggaran Pembangunan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,644,328,964 diperuntukkan daripada kumpulanwang Pembangunan:

(1) Bagi tahun kewangan 1980—

Untuk menanggung sejumlah \$350,096,134 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maskud

dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

(2) Bagi tahun kewangan 1981—

Satu jumlah yang tidak melebihi \$4,294,232,830 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan lapan dan sembilan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

7.11 mlm.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,170,353 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1979 bagi Maksud Bekalan B. 34, Kastam dan Eksais Di Raja dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$338,395,952 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 1, B. 7, B. 8, B. 10, B. 12, B. 14, B. 15, B. 23, B. 24, B. 26, B. 29, B. 31, B. 32, B. 33, B. 35, B. 36, B. 38, B. 39, B. 40, B. 43, B. 44, B. 46, B. 47, B. 49, B. 50, B. 52, B. 54, B. 55, B. 56, B. 58, B. 60, B. 61, B. 63, B. 64 dan B. 66 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan dijadikan Jadual; wang sejumlah tidak lebih daripada \$350,096,134 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1980 bagi, Maksud-maksud Pembangunan P. 20, P. 22, P. 23, P. 24, P. 25, P. 26, P. 27, P. 30, P. 31, P. 36, P. 52, P. 54, P. 55, P. 59, P. 60, P. 61, P. 65 dan P. 66 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981; dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$4,294,232,830 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1981 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 8 hingga P. 10, P. 17, P. 19 hingga P. 22, P. 24 hingga P. 33, P. 36, P. 38 dan P. 39,

P. 41, P. 42, P. 45 hingga P. 65 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan seperti ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dan Anggaran Belanja Mengurus, tahun 1979 dan 1980 dan juga Anggaran Pembangunan tahun 1980 dan 1981. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1981 dan Kertas Perintah 6 Tahun 1981 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1979 dan Tambahan Ketiga, 1980 dan Kertas Perintah 7 Tahun 1981 dan Kertas Perintah 8 Tahun 1981 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.3), 1980 dan Tambahan (Bil.1), 1981. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B. 1, B. 3, B. 7, B. 8, B. 10, B. 12 B. 14, B. 49, dan B. 50 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.1, B.3, B. 7, B. 8, B. 10, B. 12, B. 14, B. 49, dan B. 50 di bawah Anggaran Tambahan Ketiga, 1980 dan juga Maksud Pembangunan P. 8, P. 9 dan P. 10 iaitu Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1981 di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang terbuka untuk perbincangan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.15 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada buku Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 1), 1981, Maksud P. 8 di bawah Jabatan Perdana Menteri, muka surat 2. Saya suka merujuk khususnya kepada Butiran No. 13 mengenai Penempatan

Semula Mangsa-mangsa Banjir di mana satu peruntukan sebanyak \$150,000 akan diminta untuk diluluskan bagi Anggaran tahun 1981.

(Tuan Timbalan) (Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di sini suka saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bagaimana \$150,000 ini digunakan. Saya membuat pertanyaan ini oleh sebab saya rasa bahawa sekiranya pihak Kerajaan hendak menempatkan semula mangsa-mangsa banjir saya berpendapat bahawa jumlah \$150,000 ini adalah tidak cukup. Saya boleh beri satu contoh, misalnya di dalam Wilayah Persekutuan yang mana setiap kali hujan kita boleh lihat bahawa banyak kawasan-kawasan setinggan ada dilanda oleh banjir dan salah satu contoh yang amat teruk ialah di Kampung Kerayong, Batu 2½ Jalan Cheras, Kuala Lumpur di mana saya sendiri telah melaporkan hal ini kepada pihak berkuasa Tempatan tetapi mereka berkata bahawa oleh sebab kurang peruntukan mereka tidak boleh mengambil langkah yang positif untuk menempatkan semula mangsa-mangsa banjir di Kampung Kerayong Batu 2½ Jalan Cheras.

Saya harap bahawa di dalam peruntukan ini pihak Kerajaan dapat memberi pertimbangan supaya setinggan-setinggan, mangsa-mangsa banjir di Kampung Kerayong itu dapat dibantu dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.17 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, perkara penempatan mangsa-mangsa banjir ini adalah dibelanjakan oleh Negeri dan ini adalah satu bantuan kepada Negeri-negeri dan sekiranya wang ini tidak mencukupi, permohonan untuk tambahan boleh dibuat kemudian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$649,000 untuk Maksud B. 1; \$149,600 untuk Maksud B.3; \$210,400 untuk

Maksud B. 7; \$5,882,275 untuk maksud B. 8; \$4,775,840 untuk Maksud B. 10; \$166,842 untuk maksud B. 12; \$4,840,835 untuk Maksud B. 14; \$93,148 untuk Maksud B. 49 dan \$56,994 untuk Maksud B. 50 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah di-setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$649,000 untuk Maksud B. 1; \$149,600 untuk Maksud B. 3; \$210,400 untuk Maksud B. 7; \$5,882,275 untuk Maksud B. 8; \$4,775,840 untuk Maksud B. 10; \$166,842 untuk Maksud B. 12; \$4,840,835 untuk Maksud B. 14; \$93,148 untuk Maksud B. 49; dan \$56,994 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$223,693,422 untuk Maksud P. 8, \$21,410,000 untuk Maksud P. 9 dan \$20 untuk Maksud P. 10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$223,693,422 untuk Maksud P. 8; \$21,410,000 untuk Maksud P. 9 dan \$20 untuk Maksud P. 10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 15 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P. 21 dan P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Bekalan B. 15 berjumlah \$15,109,127 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, Maksud Pembangunan P. 20 berjumlah \$393,153 di bawah Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1980 dan Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P.21 dan P. 22 berjumlah \$323,857,340 di bawah Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1981 di bawah Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud P. 19 dalam muka surat 16 berkaitan dengan perkhidmatan Bomba dan khasnya saya suka merujuk kepada butiran kedua mengenai kereta-kereta bomba dan kelengkapan. Di sini saya suka menyentuh berkenaan dengan bomba sukarela oleh sebab baru-baru ini kerana banyak kebakaran yang berlaku di seluruh Wilayah Persekutuan khasnya di kawasan setinggan yang bertempat di Cheras dan juga di Jalan Klang Lama, pihak Kerajaan ada menggalakkan penduduk menubuhkan bomba sukarela. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di dalam peruntukan \$3.4 juta bagi Anggaran Tambahan 1981 sama ada pihak berkenaan ada membantu pasukan bomba sukarela untuk membeli alat-alat kelengkapan untuk memadam api. Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana saya difahamkan bahawa banyak pasukan bomba sukarela menghadapi kesusahan kewangan untuk membeli alat-alat untuk memadam api. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan atas perkara ini.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah memberi perhatian kepada perkhidmatan bomba khususnya kepada perkhidmatan bomba sukarela. Sukacita saya memaklumkan bahawa peruntukan tambahan yang dipohon sebanyak \$3,470,000 itu ialah untuk membeli kereta-kereta bomba dan kelengkapan bagi kegunaan pasukan-pasukan bomba biasa. Kelengkapan-kelengkapan ini juga boleh digunakan untuk membantu melatih ahli-ahli bomba sukarela. Tetapi sukacita saya maklumkan bahawa pasukan bomba sukarela yang ada sekarang ini memang menghadapi kekurangan alatan-alatan ini dan pihak ibu

pejabat bomba sedang menyusun untuk menyelaraskan perkhidmatan bomba sukarela ini bagi menentukan mereka mendapat latihan-latihan yang mencukupi dan bagi menjamin kecekapan mereka membantu pasukan-pasukan bomba biasa di dalam menghadapi sebarang kebakaran. Saya memberi jaminan bahawa pandangan Ahli Yang Berhormat itu supaya pasukan bomba sukarela ini diberi perhatian dan diberi kemudahan-kemudahan menerima latihan dan alat-alat kelengkapan ini akan diberi perhatian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$15,109,127 untuk Maksud B. 15 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$15,109,127 untuk Maksud B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$393,153 yang disebutkan untuk Maksud P. 20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$300,208,140 untuk maksud P. 17; \$6,908,230 untuk Maksud P. 19; \$2,136,980 untuk Maksud P. 20; \$5,500,000 untuk Maksud P. 21 dan \$9,103,990 untuk Maksud P. 22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$393,153 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$300,208,140 untuk Maksud P. 17; \$6,908,230 untuk Maksud P. 19; \$2,136,980 untuk Maksud P. 20; \$5,500,000 untuk Maksud P. 21 dan \$9,103,990 untuk Maksud P. 22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan P. 22 sebanyak \$10 dan Maksud P. 24 berjumlah sebanyak \$31,003,466 di bawah Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1981 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka sekarang untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya berucap sedikit mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Maksud Pembangunan P. 24. Suka saya pertama merujuk kepada Butiran 15 muka surat 23 berkenaan dengan Balai Bomba dan Kenderaan. Di sini saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada langkah-langkah telah diambil untuk menubuhkan sebuah Balai Bomba di Batu 5, Jalan Klang Lama oleh sebab tempat itu sentiasa ada berlaku kebakaran dan baru-baru ini saya mendapat tahu daripada sebuah laporan di dalam suratkhbar tempatan bahawa pihak Kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah Balai Bomba di Batu 5, Jalan Klang Lama. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada langkah-langkah persediaan telah diambil untuk menubuhkan sebuah Balai Bomba di Jalan Klang Lama.

Kedua saya suka merujuk kepada Butiran 2 mengenai pengawalan penempatan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, sungguhpun saya sedar bahawa langkah-langkah hendak diambil dari semasa ke semasa untuk mengawal kawasan setinggan akan tetapi saya berharap bahawa pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil satu sikap perikemanusiaan untuk menghadapi masalah setinggan ini oleh sebab masalah ini ialah masalah sosio-ekonomi. Saya harap pihak berkenaan juga sedar bahawa salah satu sebab kenapa banyak kawasan setinggan, banyak rumah-rumah setinggan telah muncul ialah kerana kesusahan yang dihadapi oleh orang-orang miskin, orang-orang yang berpendapatan rendah untuk memohon dan untuk mendapat rumah kos rendah. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan akan sentiasa bersikap bertimbangrasa, bersikap keperikemanusiaan terhadap pengawalan kawasan setinggan.

Di samping ini suka saya juga mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggunakan jasa baiknya bagi tujuan memudahkan proses untuk memohon kebenaran daripada pihak Dewan Bandaraya untuk memperbaiki rumah setinggan yang buruk. Oleh sebab di dalam Wilayah Persekutuan ada banyak rumah-rumah setinggan yang begitu buruk dan hendak diperbaiki akan tetapi kebanyakan penghuni dapat banyak kesulitan apabila mereka hendak memohon kebenaran daripada pihak Dewan Bandaraya untuk memperbaiki rumah setinggan yang buruk ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil perhatian yang berat atas hal ini dan dapat menggunakan jasa baiknya berhubung dengan pihak pentadbiran Dewan Bandaraya untuk memudahkan semua permohonan untuk mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan untuk memperbaiki rumah-rumah setinggan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

7.32 *mlm.*

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang pertama, iaitu balai bomba di batu 4 dalam hubungan peruntukan tambahan yang dibahaskan sekarang ini belum ada cadangan seumpama itu walaupun untuk masa depan pertimbangan sedang diberi, sama ada patut atau tidak ditempatkan satu balai bomba di tempat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Yang keduanya, berhubung dengan setinggan. Memanglah Kementerian menyedari bahawa masalah itu bukan sahaja masalah dari segi undang-undang tetapi ia ada hubungan yang rapat dengan masalah kemanusiaan. Satu daripada masalah yang dihadapi oleh setinggan ialah masalah perumahan dan memandang bahawasanya kita tidak dapat membekalkan rumah secukupnya sebagaimana dikehendaki pada masa sekarang ini, maka setinggan-setinggan yang sekarang ini mendiami rumah-rumah

yang agak terlalu daif maka kita telah mengadakan satu dasar membenarkan mereka itu memperbaiki rumah-rumah yang agak sudah sangat daif itu, tetapi dengan syarat bahawasanya rumah itu tidak dibesarkan. Perlaksanaan dasar seumpama ini adalah rumit sedikit kerana biasa terdapat permohonan-permohonan yang diminta untuk memperbaiki rumah, sebenarnya adalah untuk menambah membesarkan rumah-rumah itu. Oleh sebab itulah maka pihak Bandaraya terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk memastikan bahawa permohonan untuk membaiki rumah itu adalah sebenarnya untuk membaiki rumah dan bukan membina rumah baru ataupun hendak menambah membesarkan rumah, walau bagaimanapun saya akan mengawasi supaya perlaksanaan dasar ini akan berjalan dengan lancar.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan untuk Maksud P. 22 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$31,003,466 untuk Maksud P. 24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$31,003,466 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 23 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 23 sebanyak \$3,156,098 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1980; Maksud Pembangunan P. 23 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1980; berjumlah \$20 dan Maksud Pembangunan

P. 25 berjumlah \$18,178,041 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah Kementerian Perusahaan Utama sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,156,098 untuk Maksud B. 23 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,156,098 untuk Maksud B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 untuk Maksud P. 23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$18,178,041 untuk maksud P. 25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P. 23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$18,178,041 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 24 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 24 sebanyak \$10,784,553; Maksud Pembangunan P. 24 berjumlah \$65,770,040; dan juga Maksud P. 26 berjumlah \$120,372,780 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 di bawah Kementerian Pertanian sekarang ini terbuka untuk dibahas..

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah

\$10,784,553 untuk Maksud B. 24 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,784,553 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$65,770,040 untuk Maksud P. 24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$120,372,780 untuk Maksud P. 26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$65,770,040 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$120,372,780 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud P. 25 berjumlah \$6,855,998 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1980, juga Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah P. 27 berjumlah \$24,170,754 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.40 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, merujuk kepada muka surat 50, di bawah Kepala B. 27 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Butiran No. 11 Bahagian Industri-industri

Kecil di mana satu peruntukan yang berjumlah \$1.6 juta telah diminta untuk diluluskan bagi Anggaran Pembangunan Tambahan 1981.

Sukacita saya berucap sedikit mengenai hal ehwal industri kecil. Saya rasa gembira kerana dapat melihat pada kali yang pertama bahawa satu Bahagian Industri Kecil telah ditubuhkan di bawah Kementerian yang berkenaan. Akan tetapi saya berharap bahawa bahagian ini boleh memberi bantuan yang lebih bermakna, memberi bantuan yang lebih positif untuk membantu industri kecil di negara kita. Saya membangkitkan perkara ini oleh sebab saya juga hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu apakah bantuan yang diberi pada masa sekarang ini kepada Bahagian Industri Kecil. Ini saya berharap mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Suka saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa pada masa ini industri kecil yang boleh memainkan satu peranan yang penting di dalam pertumbuhan ekonomi di negara kita ada menghadapi satu masalah yang amat besar. Sungguhpun saya sedar bahawa pihak Kerajaan ada membantu industri kecil melalui berbagai cara untuk memberi pinjaman kepada mereka untuk membina industrinya dan yang menjadi masalah penting ialah mengenai masalah tanah. Saya sendiri telah terima banyak rungutan daripada pengusaha industri kecil di Wilayah Persekutuan di mana mereka ada berkata bahawa adalah sangat susah dan sukar untuk memohon dan mendapat tanah untuk membangunkan industri kecil. Sungguhpun mereka telah berhubung dengan SEDC misalnya dan juga pihak Dewan Bandaraya akan tetapi kedua-dua pihak berkuasa ini tidak dapat membantu mereka oleh sebab pihak Kementerian hendak mengambil langkah membantu dalam pertumbuhan industri kecil di negara kita. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengambil cara yang lebih positif dan ini boleh menaikkan taraf Bahagian Industri Kecil kepada satu Perbadanan Industri Kecil. Sepertimana yang kita semua tahu bahawa pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Perbadanan Industri Berat; dan saya harap satu perbadanan yang serupa dapat ditubuhkan untuk membantu industri

kecil oleh sebab ini ialah satu perkara yang begitu penting dan saya yakin kalau adanya satu perbadanan maka pihak yang berkenaan dapat memberikan bantuan yang lebih bermakna, dapat memberi bantuan yang lebih positif untuk membantu para pengusaha industri kecil di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi, Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

7.45 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi, perkara yang ditimbulkan oleh Wakil dari Kuala Lumpur Bandar memang telah menjadi perhatian kepada Kementerian saya dan kita memang memandang bahawa perkembangan industri kecil dan enterprise kecil sebagai suatu yang amat penting dalam perkembangan ekonomi negara kita.

Misalnya industri kecil memainkan peranan yang amat luas. 43% daripada sektor perkilangan adalah yang bersifat kecilan (small scale), 49% perdagangan dan perkhidmatan (service trade), 53% dalam pemborongan dan 95% dalam sektor jual runcit. Jadi atas kepentingan ini semua maka Kementerian berpendapat adalah perlu secara efektifnya kita melihat dan memastikan perkembangan yang berlaku dalam sektor perusahaan dan perniagaan kecil.

Mengenai soal bantuan yang akan diberi, saya suka menyatakan bahawa tugas utama Bahagian Kemajuan Industri dan Perniagaan Kecil ini antaranya ialah untuk menyusun satu rancangan pembangunan perusahaan kecil yang akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil khasnya daripada luar bandar untuk berkecimpung dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Menyusun rancangan pembangunan perusahaan kecil yang akan menjadi perusahaan kecil satu sektor yang terpenting dalam pembangunan negara khususnya dari segi menggabungkan kegiatan-kegiatan perusahaan-perusahaan kecil dengan kegiatan-kegiatan perusahaan-perusahaan besar. Kemudian mempelbagai dan memperkukuhkan bidang-bidang kegiatan

perusahaan-perusahaan kecil; menggalak dan membantu perusahaan-perusahaan kecil; menyelaras usaha-usaha pembangunan perusahaan-perusahaan kecil dan ajensi-ajensi Kerajaan. Sesuai dengan matlamat ini maka apakah jenis bantuan yang akan diberi akan dirangka dan dirancang mengikut keadaan dan keperluan yang timbul daripada masa ke semasa di dalam sektor perusahaan dan perniagaan kecil di negara kita.

Mengenai komplek sukarnya mendapat bantuan daripada ajensi-ajensi tertentu, saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa inilah matlamat utama bahagian ini ditubuhkan iaitu untuk menyelaraskan perkembangan dan kegiatan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan peniaga-peniaga kecil kita. Dan kita harapkan bahawa dengan adanya bahagian ini maka segala kesulitan, misalnya masa yang panjang diambil untuk mendapatkan modal, untuk mendapatkan tapak perniagaan dan sebagainya akan dapat dikurangkan. Dan inilah menjadi harapan kita bahawa dengan adanya penubuhan bahagian ini akan dapat melicin dan mempercepatkan lagi perkembangan sektor perusahaan dan perniagaan kecil.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu agar bahagian ini dijadikan sebagai satu perbadanan, Kementerian saya setakat ini berpendapat bahawa cukuplah ianya pada peringkat ini bergerak sebagai satu daripada cawangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ini disebabkan dengan adanya Kementerian saya sebagai induk kepada bahagian ini maka tugas-tugas menyelaraskan kegiatan dan perkembangan perindustrian dan perniagaan kecil ini pada pendapat kita akan menjadi lebih berkesan. Jadi soal menjadikan sebuah perbadanan tidak timbul pada peringkat ini.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,855,998 untuk Maksud P. 25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$24,170,754 untuk Maksud P. 27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,855,998 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980; dan wang sebanyak \$24,170,754 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Maksud B. 26 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 28 dan P. 29 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 26 berjumlah \$602,510 di bawah Anggaran Tambahan Ketiga Belanja Mengurus, 1980; Maksud P. 26 sebanyak \$10.00 dan Maksud P. 27 sebanyak \$2,563,000 di bawah Anggaran Tambahan Ketiga Pembangunan 1980; bersama dengan Maksud P. 28 berjumlah \$32,643,940 dan Maksud P. 29 sebanyak \$915,390 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada bahasan maka masalahnya bahawa wang sejumlah \$602,510 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$602,510 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan untuk Maksud P. 26 dan \$2,563,000 untuk Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$32,643,940 untuk Maksud P. 28 dan \$915,190 untuk maksud P. 29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 26 dan \$2,563,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$32,643,940 untuk Maksud P. 28 dan \$915,390 untuk Maksud P. 29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud P. 30 berjumlah \$120,000,000 di bawah Kementerian Pertahanan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada bahasan, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$120,000,000 untuk Maksud P. 30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Pertahanan, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$120,000,000 untuk Maksud P. 30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 29 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 29 berjumlah \$7,042,500 di dalam Anggaran Tambahan Ketiga, 1980 Belanja Mengurus dan Maksud P. 31 berjumlah \$315,050,910 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang ini terbuka untuk dibahas.

7.56 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa usul di hadapan Jawatankuasa dipinda seperti berikut:

“Dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 dari Maksud Pembangunan P. 31 berkait dengan Butiran 1 iaitu Pelajaran Rendah.”

Tuan Pengerusi, saya kemukakan usul pindaan ini untuk melayakkan bagi mewakili rakyat menunjukkan satu kawasan di mana ada neglect yang sangat lama di bidang pelajaran rendah semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tahun 1971. Ini ialah layanan yang boleh disifatkan sebagai layanan anak-tiri yang diberi kepada Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil di mana sehingga sekarang mereka terpaksa untuk menjaga sendiri khasnya mengenai pembangunan. Hingga sekarang ini tidak ada apa-apa pembangunan atau expansion untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil sungguhpun bilangan murid-murid yang masuk ke Sekolah-sekolah Rendah Cina adalah tahun demi tahun bertambah. Sebab itu Sekolah-sekolah Rendah Cina terpaksa bergantung atas derma orang ramai untuk membina kelas-kelas baharu; untuk membina dewan-dewan sekolah, kantin-kantin termasuk juga untuk membaharui bangunan-bangunan mereka selain daripada peruntukan yang sangat sedikit sahaja daripada pihak Kementerian Pelajaran.

Saya masih ingat lagi bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada pihak MCA, oleh kerana kita ada dua orang Timbalan Menteri Pelajaran dalam Dewan ini ada mempertahankan dasar ini dengan sebab bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina di mana harta benda sekolah itu belum diserahkan lagi kepada Kerajaan, mereka akan dapat bantuan itu secara satu ringgit ke satu ringgit. Saya rasa ini sangat tidak adil dan unacceptable. Oleh kerana sebenarnya pihak Kerajaan patutlah sebaliknya bagi layanan keutamaan (preferential) kepada Sekolah-sekolah Rendah Cina yang masih dalam tangan swasta atau community Cina oleh kerana mereka sanggup membuat sumbangan dan bantuan kepada Kerajaan untuk membolehkan sekolah-sekolah private school property digunakan untuk tujuan pelajaran Kerajaan dan sebenarnya atas sebab itu Sekolah-sekolah Rendah Cina patut dapat satu layanan yang preferential atau sekurang-kurangnya bantuan yang berpatutan dan bukan semacam yang ada sekarang di mana atas dollar-to-dollar basis. Daripada tahun 1971 ke tahun 1978, Tuan Pengerusi, perbelanjaan pembangunan untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan ialah \$239 juta

atau 91% daripada belanja total, untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina ialah \$18 juta atau 7%, untuk Sekolah-sekolah Tamil ialah \$5 juta atau 2%. Inilah angka yang sangat tidak adil dan sebab itu tadi saya ada sifatkan sebagai layanan anak tiri.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi satu jaminan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat layanan ini akan dibetulkan dan sekurang-kurangnya keperluan pembangunan Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil termasuk pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Cina akan dapat dipenuhi dan sekurang-kurangnya 50% daripada \$518 juta yang diperuntukkan untuk sekolah rendah dalam tahun 1981 ke tahun 1985 di bawah Rancangan Malaysia Keempat sekurang-kurangnya 50% akan diperuntukkan untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Sekolah Rendah Tamil tetapi kalau kita akan melihat satu perkembangan yang sihat untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina, satu pre-condition ialah satu dasar yang terus terang, satu dasar di mana tidak ada syak-wasangka atau shadow of a doubt bahawa pihak Kerajaan tentulah akan membenarkan Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil diteruskan dan tidak akan ditukar kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Bererti ialah bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan melaksanakan Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961 dan bukan menunggu satu masa yang sesuai, satu masa yang baik untuk melaksanakan Fasal 21 (2) ini.

Laporan Kabinet mengenai pelajaran di bawah Pengerusi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil di paragraph 31.3 ada mengatakan bahawa: "memandangkan keadaan sekarang ini adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan."

Perenggan 970 di Rancangan Malaysia Keempat mengenai kemajuan pelajaran tahun 1971 ke tahun 1980 ada satu lain yang berbunyi:

"Selaras dengan Akta Pelajaran tahun 1961, sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di peringkat rendah yang

menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa penghantar telah dikekalkan.”

Operative words nampaknya, Tuan Pengerusi, ialah “dikekalkan” yang ada implikasi bahawa inilah ditoleratekan dan bukan sebagai satu hak yang diakui untuk diadakan selama-lamanya. Dan dalam perenggan 998 di bahagian Program Pelajaran tahun 1981 ke tahun 1985 ada satu lain yang berbunyi:

“Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama akan terus dilaksanakan secara beransur-ansur supaya pada akhir tahun-tahun 80an bahasa ini akan menjadi bahasa penghantar utama di peringkat rendah, menengah dan tinggi.”

Saya mahu tahu kalau bahasa Malaysia akan menjadi bahasa penghantar utama di semua peringkat rendah, menengah dan tinggi pada akhir tahun 80an, ini baru boleh bererti bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil yang sekarang menggunakan bahasa penghantar utama sebagai bahasa Mandarin dan Tamil akan diberhentikan, akan ditukar kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan sungguhpun di perenggan 998 ada terus berkata:

“Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia terutamanya di sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa penghantar Cina dan Tamil akan diperbaiki lagi dengan mengadakan guru-guru telatih.”

Ini tidak ada lari daripada satu kesimpulan bahawa kalau pada akhir dekad 80an Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa penghantar utama untuk semua peringkat khususnya rendah, ini bererti bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil sudah ditukar kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh membuat satu penjelasan yang terus terang mengenai dasar Kerajaan atas Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil. Adakah oleh kerana inilah, adakah oleh kerana hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk melaksanakan Fasal 21(2) Akta Pelajaran, 1961 sebab itu bahawa tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mendakwa dua orang dalam UMNO ialah pemimpin Pemuda UMNO, Haji Suhaimi dan Haji

Jailani yang ada menyeru di Konvensi UMNO dan UMNO Youth tahun lalu bahawa menyeru Kerajaan melaksanakan Fasal 21(2) untuk menutup dan menukar Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan.

Adalah menjadi pengetahuan orang ramai bahawa hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk melaksanakan

Dato Chan Siang Sun: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato Chan Siang Sun: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti, Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Mengenai polisi mendirikan bangunan untuk sekolah-sekolah rendah menjadi apa? Menjadi kosong. Tentulah kita mahu tahu menjadi apa? Menjadi Sekolah-sekolah Rendah Cina, Sekolah-sekolah Rendah Tamil, Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, bukan jadi kosong supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh masuk sana sendiri seronok.

Tuan Pengerusi, saya ada kata bahawa sudah jadi pengetahuan orang ramai bahawa hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk melaksanakan Fasal 21(2) Akta Pelajaran dan sungguhpun dalam awal tahun 70an usaha-usaha untuk melaksanakan fasal ini tidak diteruskan oleh kerana sokongan, pertunjukan orang ramai mengenai hasrat mereka dengan sokongan kepada parti DAP. Tetapi nampaknya menurut Rancangan Malaysia Keempat bahawa target date sudah ditukar daripada awal 70an kepada akhir 80an. Saya menyeru Kerajaan untuk menerima hasrat-hasrat, aspirasi-aspirasi rakyat khususnya mereka yang keturunan Cina dan Tamil yang mahu dan ada hak untuk mahu Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil diteruskan kembang selama-lamanya untuk eternity, selama-lama ada di Malaysia dan untuk mengelakkan perkara ini menjadi satu isu bahawa pihak Kerajaan mengambil tindakan untuk memansuhkan Fasal 22 dalam Akta Pelajaran, 1961 dan kalau tidak selama

Fasal 21(2) ada Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil dalam keadaan yang berbahaya di bawah the sword of Damocles, Tuan Pengerusi.

Sistem 3M yang dicadangkan pun ada menimbulkan keraguan di pihak-pihak badan-badan pelajaran Cina bahawa ini boleh mengakibatkan satu penukaran character Sekolah-sekolah Rendah Cina. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh membuat satu penjelasan yang jelas sama ada Sistem 3M ini boleh melibatkan character Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil. Tidak guna kalau Yang Berhormat Menteri tidak faham fikiran-fikiran mengenai perkara ini, lebih baik beliau tahu dan ambil tindakan yang sesuai supaya keraguan-keraguan ini boleh dihapuskan. Ini oleh kerana antara lain dalam satu conference mengenai 3M di Universiti Kebangsaan baru-baru ini ada satu ketetapan yang diluluskan mengenai pelaksanaan 3M di mana ada satu seruan bahawa dalam pelaksanaan 3M Bahasa Malaysia menjadi first language.

Kalau begitu nampaknya akan bererti displacement bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar utama di sekolah rendah Cina dan sekolah rendah Tamil. Dengan sebab itu, saya dengan serius mencadangkan bahawa Menteri Pelajaran memanggil satu conference dengan pegawai-pegawai daripada badan-badan yang mewakili Lembaga Pengerus Sekolah Rendah Cina dan badan-badan yang mewakili guru-guru sekolah Cina untuk bincang implikasi dan pelaksanaan sistem 3M untuk sekolah-sekolah rendah Cina dan untuk memastikan bahawa kejayaan sistem 3M itu tanpa merosakkan karekter sekolah-sekolah rendah Cina, kerjasama dengan pegawai-pegawai kedua badan yang saya sebutkan itu di setiap peringkat proses sistem 3M itu daripada formulation sehingga implementasinya.

Dalam dekad 71 sehingga 80 kita dapat tahu bahawa sejumlah 12,087 bilik darjah untuk sekolah rendah ada dibina di Semenanjung Malaysia, 876 di Sabah, 1,531 di Sarawak dan saya mahu tahu daripada angka-angka itu satu break down berapa bilik darjah itu untuk sekolah rendah Cina dan sekolah rendah Tamil dan kita dapati bahawa dalam

Rancangan Malaysia Keempat, 1981—1985: 8,000 bilik darjah baru sekolah rendah akan dibina. Dan saya juga mahu tahu dan berharap bahawa Menteri boleh beri maklumat daripada angka itu berapakah jumlah untuk sekolah rendah Cina dan untuk sekolah rendah Tamil dan sekolah rendah kebangsaan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang peruntukan sebanyak \$315,050,910 untuk Maksud P. 31—Kementerian Pelajaran, Butiran 1 di muka surat 60 dalam Anggaran Pembangunan, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

8.13 mlm.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengambil masa Dewan yang mulia ini barang sedikit untuk memperkatakan usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Pengerusi, isu yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu nampaknya bukan satu isu yang baru dan sejak saya berada di Dewan yang mulia ini sejak 3 tahun lalu sudah berkali-kali saya mendengar usaha-usaha seperti ini telah dikemukakan hujah-hujah tersebut telahpun dijawab oleh sama ada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ataupun Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran, tetapi perkara yang menghairankan saya kenapa agaknya perlu dipinda atau dipotong \$10 daripada Perbelanjaan Pembangunan. Mengapa tidak dipotong daripada Belanja Mengurus? Umpamanya, sekiranya Belanja Mengurus itu terkena terhadap emolumen Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri, walaupun tidak ada pada masa ini, tunggulah pada masa berkenaan dalam Budget 1980 yang lepas umpamanya. Mungkin saya kurang arif, saya Ahli baru di Dewan ini dan ini perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri walaupun tidak Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, mungkin \$10 itu akan dipotong terhadap peruntukan daripada sekolah rendah kebangsaan ataupun apakah peruntukan \$10 yang dipohon supaya

dipotong itu terkena kepada peruntukan-peruntukan pembangunan lain. Saya tidak yakin bahawa Yang Berhormat dari Petaling menyarankan supaya \$10 itu dipotong daripada Peruntukan Pembangunan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Pengerusi, soal berkenaan perkara 21(2) Akta Pelajaran 1966 adalah cerita lapuk dan lama telah disoalkan kembali di Dewan ini. Sudah lama, kita mendengar bahawa provocation untuk menentukan sama ada Kerajaan hendak menghapuskan ceraihan 21(2) Akta Pelajaran, 1966 ataupun hendak melaksanakan Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1966 itu. Rasanya pendirian pihak Kerajaan, dan sekali lagi saya ulangi pendirian Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di dalam masalah ini, saya bagi pihak Ketua Pemuda UMNO malam ini, saya jelaskan bahawa pendirian kami adalah tetap sama sebagaimana yang pernah kami suarakan pada tahun lepas. Cuma, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan sama ada Ahli dari Petaling ataupun rakan-rakan yang lain cuba membaca kembali teks ucapan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada bulan Julai tahun lepas, mungkin juga teks tersebut mempunyai semangat dan erti yang berlainan daripada apa yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Di dalam hal ini telah pun dikemukakan beberapa kali sama ada dalam perbahasan ataupun dalam bentuk soalan bertulis atau soalan lisan kepada Dewan yang mulia ini dan itupun sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan juga oleh Timbalan Menteri yang ada di hadapan kita pada hari ini. Rasanya, tidak perlu diperpanjang-lebarkan dalam hal ini hanya merugikan masa, lebih baik kita gunakan masa ini, Tuan Pengerusi, untuk perkara-perkara yang lebih berfaedah.

Selain daripada itu, saya minta juga Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya di dalam membincangkan masalah pelajaran rendah di bawah usul ini, jangan kita terlalu dibuai-buaikan oleh masalah kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah (SRK) Cina atau Tamil. Saya tidak menafikan ada kekurangan di sekolah (SRK) Cina dan Tamil, tetapi kita jangan diabui oleh hakikat bahawa selain daripada kekurangan-kekurangan di

sekolah (SRK) Cina dan Tamil, masih ada banyak kekurangan di sekolah rendah yang lain yakni sekolah rendah kebangsaan. Pada bahagian kekurangan inilah agaknya pihak Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran ini membuat peruntukan yang besar untuk memperbaiki keadaan sekolah di luar bandar dan mungkin juga sebahagian besar daripada sekolah kecil ini juga saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri sekejap lagi. Mungkin juga sebahagian besar daripada sekolah kecil yang sebahagian besarnya juga melibatkan SRK Tamil di kawasan luar bandar akan dicantumkan dan apakah proses pencantuman ini tidak akan melibatkan perbelanjaan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini. Ini perlu ditegaskan supaya gambaran yang sebenar yang akan dapat mengeluarkan anggapan yang sebenar supaya tidak dibuai-buaikan dengan masalah-masalah yang tidak benar, sama ada kepada Dewan yang mulia ini ataupun dapat disalah-tafsirkan oleh rakyat jelata setelah mendengar hujah-hujah daripada pihak yang tidak mahu melihat kenyataan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam usul ini. Kepada pencadang usul ini saya fikir tidak ada apa cara-cara baru cuma "old records" sahaja dapat dimainkan sekali lagi. Jadi perkara ini kita pun sudah berapa kali Yang Berhormat Menteri, juga Timbalan-timbalan Menteri lain pun telah memberikan jawapan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Jadi cuma pencadang ini mengambil peluang sahalalah untuk "rub in" bila kita bincangkan mengenai dengan pelajaran.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Untuk penjasankah atau apa?

Dato Chan Siang Sun: I am not giving way. Do not waste my time.

Tuan Lim Kit Siang: Rub in—rub in

Dato' Chan Siang Sun: Sabar sedikitlah (*Ketawa*).

demokrasi kita mesti abide by it, tidak goncangkan, cuma DAP sahaja yang goncang (*Ketawa*).

Dengan penjelasan-penjelasan ini, saya menolak usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Sekian, terima kasih (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan:

Bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala P. 31 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Kepala-kecil Maksud Pembangunan P. 31 Kementerian Pelajaran, Butiran (1) muka surat 60.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,042,500 untuk Maksud B. 29 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, dan wang sejumlah \$315,050,910 untuk Maksud P. 31 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,042,500 untuk Maksud B. 29 menjadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,042,500 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$315,050,910 untuk Maksud P. 31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$315,050,910 untuk Maksud P. 31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P. 30 berjumlah \$9,244,000 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1980 hingga kepada P. 32 berjumlah \$12,507,000 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah Kementerian Luar Negeri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,244,000 untuk Maksud P. 30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$12,507,000 untuk Maksud P. 32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,244,000 untuk Maksud P. 30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$12,507,000 untuk Maksud P. 32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 34 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 31, B. 32, B. 33 dan B. 35 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 33 dan P. 36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 34 berjumlah \$1,170,353 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1979 hingga kepala B. 31, B. 32, B. 33, B. 35 berjumlah \$90,878,358 di bawah Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1980 dalam Belanja Mengurus dan P. 31 berjumlah sebanyak \$80,381,250 di dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) tahun

1980 hingga kepala P. 33 dan P. 36 berjumlah \$1,375,060,267 di bawah Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1981 di bawah Kementerian Kewangan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,170,353 untuk Maksud B. 34 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$3,225,358 untuk Maksud B. 31; \$16,011,000 untuk Maksud B. 32, \$71,155,000 untuk Maksud B. 33 dan \$487,000 untuk Maksud B. 35 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,170,353 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$3,225,358 untuk Maksud B. 31, \$16,011,000 untuk Maksud B. 32 \$71,155,000 untuk Maksud B. 33 dan \$487,000 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$80,381,250 untuk Maksud P. 31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$1,354,299,749 untuk Maksud P. 33 dan \$20,760,518 untuk maksud P. 36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80,381,250 untuk Maksud P. 31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$1,354,299,749 untuk Maksud P. 33 dan \$20,760,518 untuk Maksud P. 36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 36 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980)—

Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 36 berjumlah \$105,696,124 dan Kepala Pembangunan P. 36 sebanyak \$19,102,000 di bawah Anggaran Tambahan Ketiga 1980 Pembangunan hingga kepada P. 38 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 berjumlah \$465,334,990 di bawah Kementerian Perusahaan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbahasan maka masalahnya ialah Bahawa wang sejumlah \$105,696,124 untuk Maksud B. 36 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$105,696,124 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$19,102,000 untuk Maksud P. 36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$465,334,990 untuk Maksud P. 38 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,102,000 untuk Maksud P. 36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980; dan wang sebanyak \$465,334,990 untuk Maksud P. 38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Maksud B. 38, B. 39, B. 40, B. 43 dan B. 44 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 41, P. 42 dan P. 45 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 38, B. 39, B. 40, B. 43 dan B. 44 berjumlah

\$24,265,798 dan Kepala Pembangunan P. 41, P. 42 dan P. 45 berjumlah sebanyak \$113,205 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,000,000 untuk Maksud B. 38, \$15,500,000 untuk Maksud B. 39, \$446,998 untuk Maksud B. 40, \$3,242,200 untuk Maksud B. 43 dan \$1,076,600 untuk Maksud B. 44 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,000,000 untuk Maksud B. 38, \$15,500,000 untuk Maksud B. 39, \$446,998 untuk Maksud B. 40, \$3,242,200 untuk Maksud B. 43 dan \$1,076,600 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$181,820,020 untuk Maksud P. 41, \$5,120,445 untuk Maksud P. 42 dan \$6,682,740 untuk Maksud P. 45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$101,980,020 untuk Maksud P. 41, \$5,120,445 untuk Maksud P. 42 dan \$6,682,740 untuk Maksud P. 45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 46 dan B. 47 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 47, P. 48 dan P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kepala Bekalan B. 46 dan B. 47 bagi Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga dan P. 47 dan P. 48 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981, sekarang terbuka untuk perbincangan.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,200,000 untuk Maksud B. 46 dan \$240,000 untuk Maksud B. 47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,200,000 untuk Maksud B. 46 dan \$240,000 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,700,867 untuk Maksud P. 47, \$4,135,980 untuk Maksud P. 48 dan \$4,313,127 untuk Maksud P. 49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,700,867 untuk Maksud P. 47, \$4,135,980 untuk Maksud P. 48 dan \$4,313,127 untuk Maksud P. 49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Maksud P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Pembangunan P. 50 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat terbuka untuk perbincangan.

Oleh sebab tak ada perbincangan, maka saya kemuka bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa, perbelanjaan sebanyak \$7,229,980 untuk Maksud P. 50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,229,980 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 52 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 52 (Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 51 dan P. 52 (Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B. 52 dan Maksud P. 52 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga Tahun 1980 dan Maksud P. 51 dan Maksud P. 52 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1981 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tak ada Ahli Yang Berhormat hendak mengambil perbahasan, saya kemuka bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$394,717 untuk Maksud B. 52 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$394,717 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,098,920 untuk Maksud P. 52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$7,016,500 untuk Maksud P. 51 dan \$2,128,571 untuk Maksud P. 52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,098,920 untuk Maksud P. 52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$7,016,500 untuk Maksud P. 51 dan \$2,128,572 untuk Maksud P. 52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 54, B. 55, B. 56, B. 58 dan B. 60 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 54, P. 55, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 3), 1980)—

Maksud P. 53, P. 54, P. 55, P. 56, P. 57, P. 58 dan P. 59 (Anggaran Pembangunan Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Bekalan B. 54, B. 55, B. 56, B. 58 dan B. 60 di bawah Kementerian Pengangkutan dan juga Maksud Pembangunan P. 54, P. 55, P. 59 dan P. 60 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga Tahun 1980 serta Maksud P. 53, P. 54, P. 55, P. 56, P. 57, P. 58 dan P. 59 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

8.52 mlm.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 122 mengenai Maksud P. 59 Butiran 1 berkenaan dengan Pejabat Baru untuk Jabatan Pengangkutan Jalan di mana satu peruntukan \$6.3 juta telah diminta untuk diluluskan.

Tuan Pengerusi, dengan adanya Pejabat Baru untuk Jabatan Pengangkutan Jalan saya juga berharap bahawa pihak Kerajaan akan sentiasa mengambil berat tentang kualiti perkhidmatan yang dapat diberi oleh Pejabat RIMV.

Di sini suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu laporan yang telah keluar dalam suratkhbar tempatan berkenaan dengan keadaan kucar-kacir yang sentiasa berlaku di Pejabat RIMV di Wilayah Persekutuan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit penjelasan atas hal itu dan juga dapat memberitahu Dewan ini tentang apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.54 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu

izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar atas soalnya. Memang menjadi tujuan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Pengangkutan sentiasa menjaga kualiti perkhidmatan di Jabatan Pengangkutan Jalan.

Berkenaan dengan laporan akhbar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, izinkan saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Pejabat Pengangkutan Kuala Lumpur pada masa ini berada 9 receipting machine dan satu daripadanya telah rosak selama 5 minggu. Mesin ini dibekalkan oleh satu syarikat swasta, dan pihak yang berkenaan telahpun dimaklumkan. Oleh kerana kerosakan ini satu kerosakan besar dan spare parts yang berkenaan tidak didapati, pihak yang tertentu terpaksa membuat spare parts di negara ini. Saya telah diberi jaminan oleh seorang Pengarah Syarikat itu bahawa mesin ini akan diperbaiki minggu depan. Ini merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan sedikit sebanyak congestion di Pejabat RIMV. Walau bagaimanapun, saya ingin melaporkan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun memesan 8 receipting machine yang baru dan akan sampai pada bulan Jun.

Oleh kerana volume telah bertambah, kakitangan-kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan di Kuala Lumpur sekarang bekerja terus pada masa makan tengahari dan juga pada hari Sabtu bekerja sehingga pukul 3.30 petang.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, Jabatan Pengangkutan Jalan juga sedang menyediakan satu Pejabat kecil yang baru di Jalan Ampang dekat Lincoln Centre. Pejabat kecil ini akan disediakan untuk membaharui road tax dan lesen memandu dan disediakan untuk pembukaan pada bulan Oktober tahun ini.

Ini adalah merupakan jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$563,174 untuk Maksud B. 54; \$524,019 untuk Maksud B. 55; \$93,716 untuk Maksud B. 56; \$1,991,175 untuk Maksud B. 58 dan \$119,132 untuk Maksud B. 60 di

bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$563,174 untuk Maksud B. 54; \$524,019 untuk Maksud B. 55; \$93,716 untuk Maksud B. 56; \$1,991,175 untuk Maksud B. 58 dan \$119,132 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,040,000 untuk Maksud P. 54; \$10 untuk Maksud P. 55; \$366,000 untuk Maksud P. 59 dan \$2,647,049 untuk Maksud P. 60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$69,829,860 untuk Maksud P. 53; \$7,869,590 untuk Maksud P. 54; \$14,059,657 untuk Maksud P. 55; \$12,311,698 untuk Maksud P. 56; \$30,920,169 untuk Maksud P. 57; \$3,495,570 untuk Maksud P. 58 dan \$6,390,530 untuk Maksud P. 59 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,040,000 untuk Maksud P. 54, \$10 untuk Maksud P. 55; \$366,000 untuk Maksud P. 59 dan \$2,647,049 untuk Maksud P. 60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$69,829,860 untuk Maksud P. 53; \$7,869,590 untuk Maksud P. 54; \$14,059,657 untuk Maksud P. 55; \$12,311,698 untuk Maksud P. 56; \$30,930,169 untuk Maksud P. 57; \$3,495,570 untuk Maksud P. 58 dan \$6,390,530 untuk Maksud P. 59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 61 dan B. 63 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980.

Maksud P. 60, P. 61 dan P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Bekalan B. 61 dan B. 63 serta Maksud P. 61 untuk

Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1980 dan Maksud P. 60, P. 61 dan P. 62 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1981 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dibuka untuk perbincangan.

Oleh sebab tak ada perbincangan, maka saya kemuka bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$52,677,888 untuk Maksud B. 61 dan \$2,958,000 untuk Maksud B. 63 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$52,677,888 untuk Maksud B. 61 dan \$2,958,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$68,136,259 untuk Maksud P. 61 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$323,528,650 untuk Maksud P. 60; \$50,000,000 untuk Maksud P. 61 dan \$16,184,041 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$68,136,259 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980; dan wang sebanyak \$323,528,650 untuk Maksud P. 60; \$50,000,000 untuk Maksud P. 61, dan \$61,184,041 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981.

Maksud B. 64 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Bekalan B. 64 dan Maksud Pembangunan P. 63 di bawah Kementerian Kebajikan Am terbuka untuk perbincangan, oleh sebab tidak ada

perbincangan saya kemuka untuk diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$546,300 untuk Maksud B. 64 di bawah Kementerian Kebajikan Am jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$546,300 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,412,886 untuk Maksud P. 63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,412,886 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980)—

Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Pembangunan P. 65 dan Maksud Pembangunan P. 64 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam terbuka untuk perbincangan. Oleh sebab tidak ada perbincangan, saya kemuka bagi diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$52,498,375 untuk Maksud P. 65 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$476,282,619 untuk Maksud P. 64 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$52,498,375 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980; dan wang sebanyak \$476,282,619 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Maksud B. 66 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980)—

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang yang akhir Maksud Bekalan B. 66 dan juga Maksud P. 66 serta P. 65 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk perbincangan. Oleh sebab tidak ada perbincangan saya kemukakan bagi diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,727,289 untuk Maksud B. 66 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,727,289 untuk Maksud B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,000,040 untuk Maksud P. 66 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1980; dan perbelanjaan sebanyak \$54,551,009 untuk Maksud P. 65 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1981, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,000,040 untuk Maksud P. 66 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1980; dan wang sebanyak \$54,551,009 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1981.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,644,328,964 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1980—

Untuk menanggung sejumlah \$350,096,134 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas;

(2) Bagi tahun kewangan 1981—

satu jumlah yang tidak melebihi \$4,294,232,830 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan lapan dan sembilan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,644,328,964 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1980—

untuk menanggung sejumlah \$350,096,134 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas;

(2) Bagi tahun kewangan 1981—

satu jumlah yang tidak melebihi \$4,294,232,830 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan lapan dan sembilan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,644,328,964 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1980—

untuk menanggung sejumlah \$350,096,134 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas;

(2) Bagi tahun kewangan 1981—

satu jumlah yang tidak melebihi \$4,294,232,830 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1981 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan lapan dan sembilan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1981

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

9.06 mlm.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan yang mulia pada hari ini adalah mengenai cadangan-cadangan pindaan kepada perkara-perkara, Jadual-jadual dan seksyen berikut:

- (a) Perkara 42 — Kuasa bagi mengampun
- (b) Perkara 45 — Keanggotaan Dewan Negara
- (c) Perkara 52 — Ahli tidak hadir
- (d) Perkara 56 — Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
- (e) Perkara 57 — Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
- (f) Perkara 89 — Tanah Rizab orang Melayu
- (g) Perkara 114 — Keanggotaan Suruhanjaya Pilihanraya
- (h) Perkara 139 — Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- (i) Perkara 141 — Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi
- (j) Perkara 142 — Peruntukan am mengenai Suruhanjaya
- (k) Perkara 143 — Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Ahli-ahli Suruhanjaya
- (l) 146b dan 146c — 146b. Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di tiap-tiap satu Negeri Borneo;
— 146c. Peruntukan tambahan tentang Cawangan-cawangan Suruhanjaya
- (m) Perkara 149 — Kuasa-kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, dan Kuasa-kuasa Darurat
- (n) Perkara 150 — Perisytiharan Darurat
- (o) Jadual Kelapan Seksyen 10 — Yang di-Pertua Dewan Negeri
- (p) Jadual Kesembilan — Senarai I—Perkara 26; Senarai II—Perkara 19
- (q) Jadual Kesepuluh — BAHAGIAN I—PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG, BAHAGIAN II—PEMBERIAN JALAN NEGERI
- (r) Seksyen 42 dan 43—A345

Tuan Yang di-Pertua, Fasal (2) cadangan pindaan kepada Perkara 42 adalah bagi membolehkan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang yang dibuat sebelum Hari Merdeka mengenai kuasa-kuasa

meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan atas sebab-sebab berkelakuan baik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan istimewa terus berkuatkuasa.

Seksyen 50 Ordinan Penjara 1952 dan Peraturan-peraturan 43 dan 49 Peraturan-peraturan Penjara 1952 yang dibuat di bawah Ordinan yang sama memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan atas sebab-sebab berkelakuan baik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan istimewa. Diperhatikan bahawa Ordinan dan Peraturan-peraturan yang tersebut adalah dibuat sebelum Hari Merdeka. Perkara 162 (5) Perlembagaan memperuntukkan bahawa mana-mana undang-undang yang ada dan yang belum diubahsuai pada atau selepas Hari Merdeka bolehlah dipakai dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan. Perkara 42 (2) pula memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Negeri di antara lain meremitkan hukuman bagi sesuatu kesalahan. Oleh itu selaras dengan peruntukan Perkara 162 (5) maka kuasa mutlak membuat apa-apa remission adalah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Negeri sahaja. Jelaslah bahawa selepas Hari Merdeka pegawai-pegawai Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak lagi boleh menjalankan kuasa-kuasanya yang diberi kepadanya oleh peraturan-peraturan 43 dan 49. Adalah dilaporkan bahawa jumlah orang-orang yang boleh ditimbangkan bagi mendapat remission kerana berkelakuan baik atau perkhidmatan-perkhidmatan istimewa telah bertambah dari masa kesemasa. Oleh itu adalah tidak praktik jika setiap kes remission hendaklah dirujuk bagi pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Negeri yang mana berkenaan. Pindaan ini akan membolehkan pegawai-pegawai

Penjara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri terus memberi remission kepada mana-mana banduan yang didapati berkelakuan baik ataupun telah membuat perkhidmatan-perkhidmatan istimewa di bawah Peraturan-peraturan 43 dan 49. Adalah diharapkan pindaan ini akan membolehkan kuasa memberi remission bagi kelakuan baik atau perkhidmatan-perkhidmatan istimewa ditadbirkan dengan lebih cepat, licin dan kemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Perkara 45 ialah dengan mengujudkan Fasal baru (3A). Tujuan mengadakan fasal baru ini ialah bagi menetapkan tempoh perlantikan seseorang Ahli Dewan Negara tidak melebihi 2 penggal atau 6 tahun sahaja jumlah perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negara. Perkara ini adalah terpakai kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik dan juga dipilih.

Sebagaimana dimaklumi pada masa sekarang tiap-tiap Dewan Undangan Negeri memilih 2 orang wakil untuk menganggotai Dewan Negara termasuk 2 wakil Wilayah Persekutuan yang dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong. Di samping itu Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik sejumlah 40 orang Ahli-ahli Dewan Negara. Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik adalah terdiri dari mereka yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang di dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian di dalam bidang profession, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa peruntukan Perlembagaan ini adalah bagi membolehkan Ahli-ahli Dewan Negara menyumbangkan bakti mereka melalui pengalaman-pengalaman mereka yang mahir di bidang masing-masing. Oleh itu adalah difikirkan masa 6 tahun itu adalah satu masa yang mencukupi bagi mereka mencurahkan pengalamannya di Dewan Negara.

Di samping itu sebagaimana yang dimaklumi negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dengan pesatnya. Bidang-bidang profession baru telah ujud bersama-sama pembangunan negara ini seperti yang bersangkutan dengan sains, teknologi, industri-industri dan lain-lain. Oleh

itu dengan menghadkan tempoh perlantikan ini, akan memudahkan perlantikan ahli-ahli di dalam bidang-bidang yang dikehendaki oleh negara di dalam sesuatu masa tertentu. Pada keseluruhannya pindaan kepada perkara ini akan membolehkan negara mendapat lebih ramai tokoh-tokoh yang pakar di dalam berbagai-bagai bidang selaras dengan keadaan masa yang mana sudah tentu akan menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 52 adalah dengan mengujudkan satu fasal baru (2). Fasal ini memperuntukkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara dan Rakyat yang telah mendapat cuti dari menduduki Dewan tidak harus mencampuri apa-apa urusan Dewan semasa cutinya itu.

Sepertimana termaklum, semua warga-negara termasuk mereka-mereka yang ditahan atas sebab-sebab kepentingan dan keselamatan negara adalah berhak menjadi Ahli Parlimen kecuali mereka itu hilang kelayakannya di bawah Perkara 48. Mereka-mereka yang ditahan itu akan terus ditahan sungguhpun mereka dipilih menjadi Ahli Parlimen. Oleh yang demikian, mereka yang ditahan itu tidak dapat menghadiri persidangan Parlimen dan terpaksa memohon dan dibenarkan bercuti selama mereka di dalam tahanan. Namun demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ditahan itu telah mengemukakan soalan-soalan di setiap persidangan Parlimen. Soalan-soalan itu sudah tentu boleh mengelirukan pengundi-pengundinya yang menyangka Ahli Parlimen tersebut berada di Dewan mewakili mereka. Adalah difikirkan bahawa tidaklah sesuai bagi mereka-mereka yang tidak hadir mengambil bahagian di dalam urusan Parlimen. Oleh itu pindaan ini adalah perlu dibuat. Di samping itu, dengan pindaan ini akan dapat mencegah mana-mana Ahli Parlimen yang berada di luar Malaysia dan yang bercuti daripada mengemukakan soalan-soalan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 56 dan 57 melibatkan pindaan-pindaan kepada 3 Fasal. Pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi perkara-perkara ini adalah agak serupa dari segi maksudnya.

Pindaan Fasal (3) Perkara 56 dan 57 ini adalah bagi membolehkan jawatan Yang

di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dipangku dengan segera semasa berlaku sebarang kekosongan jawatan tersebut termasuk semasa Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir di Dewan.

Sebagaimana yang dimaklumi, Peruntukan Perlembagaan adalah bagi pemangkuan jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara hanya semasa Yang di-Pertua tidak hadir di dalam Dewan. Oleh itu jika berlaku sebarang kekosongan selain daripada sebab-sebab lepas Pilihanraya Umum, maka hendaklah dilantik seorang Yang di-Pertua mengikut tatacara yang ada. Ini adalah selaras dengan peruntukan Fasal (1) Perkara 56 dan 57 Perlembagaan menyatakan bahawa Dewan tidak boleh menjalankan apa-apa urusan selagi jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Rakyat tidak diisikan. Peruntukan ini, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah bersesuaian dengan amalan Perlembagaan di mana Yang di-Pertua adalah 'the custodian of the conscience, dignity and privileges of Parliament'. Oleh yang demikian dengan peruntukan ini akan mengganggu urusan persidangan Dewan yang sedang dijalankan apabila jawatan Yang di-Pertua menjadi kosong akibat kematian, misalnya. Perlantikan Yang di-Pertua seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, akan mengambil masa sedangkan lazimnya Dewan bersidang dalam satu jangkamasa yang tertentu. Oleh itu dengan adanya peruntukan baru ini, Dewan akan boleh meneruskan urusan-urusannya terutama jika ada urusan yang penting dengan Timbalan Yang di-Pertua mengendalikan urusan-urusan persidangan Dewan seterusnya. Cadangan pindaan ini adalah selepas dengan perakuan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Dengan adanya pindaan ini akan memberi flexibility kepada pemangkuan jawatan Yang di-Pertua kedua-dua Dewan yang mana ini sudah tentu akan melicinkan perjalanan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 56 dan 57 ini juga adalah bertujuan mengujudkan 2 fasal baru iaitu fasal baru (5) dan fasal baru (6). Fasal baru (5) adalah

memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan hilang kelayakan menduduki jawatannya jika bergiat dalam apa-apa organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak. Walaupun begitu penglibatan mereka di dalam organisasi yang bersifat sukarela atau kebajikan adalah dibenarkan. Fasal baru (6) pula bertujuan memberi kuasa kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat sahaja bagi menentukan kehilangan kelayakan disebabkan bergiat di dalam organisasi-organisasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mencadangkan peruntukan ini adalah sematamata bagi meninggikan imej Dewan yang mulia ini dan menjamin supaya tidak timbul sebarang keadaan 'conflict of interest' di mana sudah tentu akan merumitkan Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua bagi menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan berkesan. Maksud pindaan ini juga adalah selaras dengan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada ahli-ahli pentadbiran termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang tidak dibenarkan mengambil bahagian yang aktif di dalam perniagaan. Adalah perlu juga diperhatikan dengan semakan saraan dan kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua baru-baru ini maka adalah sesuai dan adil terutama dari kacamata rakyat, bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dapat menumpukan sepenuh masa demi meninggikan lagi imej Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan di fasal baru (1A) Perkara 89 adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan tanah rizab Melayu dengan bertikata tanah tersebut harus dipegang oleh orang-orang Melayu sendiri sahaja buat selama-lamanya. Dengan adanya pindaan ini akan membolehkan sahnya dibuat sebarang peruntukan di dalam undang-undang yang berkaitan dengan tanah rizab Melayu bagi menyekat kepentingan atau hak pemegangnya yang tidak lagi layak memegang tanah rizab Melayu. Pindaan ini akan juga membolehkan perampasan atau pemulangan balik kepada Kerajaan Negeri akan tanah-tanah rizab Melayu jika pemegangnya tidak lagi layak memegang tanah rizab tersebut.

Tujuan pindaan ini adalah bagi menyediakan langkah-langkah seterusnya yang sepatutnya diambil setelah pemilik-pemilik tanah rizab Melayu tidak lagi layak memilikinya. Cadangan ini adalah penting kerana ada syarikat-syarikat yang ditakrifkan sebagai Melayu bagi maksud undang-undang yang berkaitan dengan Tanah Rizab Melayu dan memiliki tanah rizab Melayu telah bertukar corak di mana sebahagian besar sahamnya telah dipindahmilik kepada orang-orang bukan Melayu dan dengan yang demikian tidak lagi berhak memiliki tanah-tanah itu.

Cadangan pindaan Fasal (3) Perkara 89 ini pula bermaksud supaya diisytiharkan dengan secepat mungkin sebarang tanah lain yang mempunyai karektor dan luas yang sama apakala sebarang tanah rizab Melayu dihentikan daripada menjadi tanah rizab Melayu. Ini akan menjamin bahawa keluasan tanah rizab Melayu akan kekal buat selama-lamanya bagi faedah dan kepentingan orang Melayu. Selaras dengan pindaan ini, Fasal (3) (a) adalah dibatalkan.

Cadangan pindaan kepada fasal 3 ini adalah bertujuan untuk mengelakkan salah tafsiran ke atas peruntukan tersebut yang sedia ada dalam Perlembagaan. Dengan ketiadaan perkataan 'dengan secepat mungkin' menyebabkan kadangkala perisytiharan menggantikan tanah-tanah yang terhenti menjadi tanah rizab Melayu adalah lambat dibuat. Kerap kali ini boleh merugikan orang-orang Melayu. Oleh yang demikian, dengan adanya pindaan ini tanah-tanah rizab yang jadi tanah terbuka akan dapat diganti baru dengan secepat mungkin dengan keluasan dan karektor yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 114 melibatkan 3 fasal. Pindaan fasal (1) adalah bagi mewujudkan satu jawatan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya. Selaras dengan pindaan ini, cadangan pindaan kepada Fasal (7) adalah bagi membolehkan Timbalan Pengerusi menjalankan tugas-tugas pengerusi semasa Pengerusi sakit atau cuti.

Semenjak Suruhanjaya Pilihanraya ditubuhkan, Suruhanjaya tersebut tidaklah mempunyai seorang Timbalan Pengerusi kerana Perlembagaan Persekutuan tidak

menguntukkan satu jawatan Timbalan Pengerusi bagi Suruhanjaya tersebut.

Seperti yang dimaklumi, Fasal (7) Perkara 114 pula memperuntukkan bahawa jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya sama ada cuti atau lain-lain sebab, maka seorang Ahli Suruhanjaya Pilihanraya boleh dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan tugas-tugas Pengerusi di dalam jangkamasa tersebut. Memandangkan peruntukan ini maka agak sukar bagi Pengerusi mengambil cuti tahunan disebabkan oleh tatacara pemangkuan Pengerusi ini. Oleh itu dengan pindaan di Fasal (1) dan (7) ini akan membolehkan wujudnya jawatan Timbalan Pengerusi yang mana boleh pula menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi tersebut.

Dengan wujudnya jawatan Timbalan Pengerusi ini akan dapat menambah seorang lagi Ahli Suruhanjaya Pilihanraya selaras dengan beban kerja yang bertambah dan juga selaras dengan organisasi Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang lain yang mempunyai seorang Timbalan Pengerusi.

Cadangan pindaan kepada Fasal 4 (b) adalah bagi memperkuat sekatan ke atas Ahli-ahli Suruhanjaya dari melibatkan diri di dalam sebarang perniagaan, atau organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak, kecuali organisasi kebajikan atau kerja-kerja sukarela yang mana ahli-ahli tidak mendapat sebarang upahan atau kemudahan.

Sebagaimana dimaklumi, Fasal 4 (b) memperuntukkan bahawa mana-mana Ahli Suruhanjaya Pilihanraya boleh dipecat jika bertugas di dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji luar daripada kewajipan-kewajipan jawatannya. Jawatan-jawatan atau pekerjaan-pekerjaan bergaji bolehlah diertikan sebagai gaji tetap bulanan yang dibayar kepada Ahli-ahli tetapi tidaklah termasuk bayaran elaun dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Oleh itu cadangan pindaan Fasal (4) (b) ini adalah bagi memperkemas sekatan ke atas Ahli-ahli Suruhanjaya dari melibatkan diri daripada menjadi ataupun menduduki

sebagai ahli mana-mana badan atau melibatkan diri di dalam sebarang perniagaan. Perlu dinyatakan di sini bahawa keputusan ini telah ditimbang dengan sedalam-dalamnya. Kerajaan berpendapat bahawa Ahli-ahli Suruhanjaya seharusnya menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada tugas-tugas yang berbentuk sukarela yang tidak mendapat apa-apa upah. Sekatan ini bukan sahaja akan dapat meninggikan lagi imej Suruhanjaya sebagai badan yang bebas tetapi juga mengelakkan dari timbulnya sebarang "conflict of interest" yang mana jika berlaku tentulah akan menimbulkan beberapa soalan dan tuduhan yang tidak sihat oleh pihak-pihak yang tertentu. Bagi pihak Kerajaan pula sebelum keputusan ini dibuat Kerajaan telah mengambil kira kebajikan Ahli-ahli Suruhanjaya dengan membuat semakan yang berpatutan dan sesuai terhadap saraan dan kemudahan-kemudahan kepada semua Ahli-ahli Suruhanjaya termasuk Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 139 melibatkan 3 fasal. Cadangan di fasal (1) adalah bagi memasukkan perkhidmatan keretapi ke dalam bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Dengan memasukkan perkhidmatan keretapi ke dalam bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka bermakna Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi adalah terubur. Keputusan ini diambil memandangkan bahawa beban kerja Suruhanjaya tersebut tidaklah seberapa besar bagi memberi justifikasi akan perlunya sebuah Suruhanjaya. Ini adalah disebabkan kakitangan perkhidmatan keretapi adalah tidak begitu besar berbanding dengan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain. Dengan pindaan ini maka Perkara 141 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Fasal baru (1A) pula adalah bagi memperluaskan bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bekerja di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak; ahli-ahli Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan ahli-ahli Perkhidmatan

awam Sabah dan Sarawak yang bekerja di jawatan-jawatan Persekutuan di dalam Negeri tersebut dan telah membuat pilihan untuk menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

Cadangan pindaan ini adalah berikutan dengan dasar Kerajaan untuk menyatukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak dan meletakkan semua Pegawai-pegawai Persekutuan di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia. Ini adalah berikutan dari pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet mulai 1hb Julai, 1978 di negeri-negeri tersebut. Oleh itu dengan adanya penyatuan ini akan menyelaraskan segala dasar mengenai pengambilan dan kenaikan pangkat bagi seluruh Perkhidmatan Awam Persekutuan dan ini adalah satu langkah yang baik bagi memperkemarkan Perkhidmatan Awam. Bagi melaksanakan dasar penyatuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, adalah perlu dimansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak yang ada sekarang dengan memansuhkan Perkara 146B, 146C Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu pegawai-pegawai yang sebelumnya terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak akan diletak di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Fasal (4) pula adalah bagi menambah bilangan ahli Suruhanjaya daripada tidak lebih daripada dua belas kepada tidak lebih dari tiga puluh.

Perlu dinyatakan bahawa dengan penambahan yang besar ahli ini bukanlah bermakna Ahli-ahli Suruhanjaya ini akan diisi kesemuanya selepas pindaan ini. Pengisian ahli-ahli hanya dibuat jika Suruhanjaya betul-betul memerlukan ahli-ahli sahaja. Oleh itu objektif utama menambah komposisi ahli Suruhanjaya tersebut adalah bagi memenuhi keperluan Suruhanjaya pada masa hadapan yang sudah tentu memerlukan tambahan ahli. Selain daripada itu dengan adanya tambahan ini akan membolehkan Suruhanjaya menjalankan tugas yang bertambah dengan lincin, berikutan pemansuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Sarawak serta Suruhanjaya Keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 142 adalah bagi dua Fasal. Cadangan pindaan kepada Fasal 2(b) adalah tegahan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dari melibatkan diri di dalam perniagaan atau organisasi sama ada mendapat saraan atau tidak kecuali organisasi kebajikan atau sukarela sahaja. Yang di Pertuan Agong boleh dengan Perintah memberhentikan mereka yang tidak lagi layak menjadi Ahli-ahli Suruhanjaya ini termasuk hilang kelayakan disebabkan oleh penglibatan di dalam perniagaan atau organisasi yang mendapat upahan.

Sebagaimana termaklum bahawa peruntukan yang ada pada masa sekarang tidak menegah Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan daripada menjalankan tugas-tugas luar kecuali apa-apa yang diperuntukkan dalam Fasal (2). Oleh itu perkara ini haruslah dibetulkan supaya negara betul-betul dapat perkhidmatan yang sepenuhnya daripada Ahli-ahli Suruhanjaya ini. Adalah dirasakan tidak perlu sebab-sebab tegahan ini dibincangkan dengan panjang lebar lagi oleh kerana sebab-sebab tegahan adalah serupa dengan tegahan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal baru (3A) pula memperuntukkan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya-suruhanjaya boleh menjalankan kerja-kerja Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi oleh kerana bercuti ataupun sakit dan jika Timbalan Pengerusi juga tiada ada maka seseorang Ahli yang lain bolehlah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong bagi menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa jangkamasa tersebut.

Tujuan bagi meminda Fasal ini adalah bagi membuat peruntukan yang sama seperti yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Dengan peruntukan ini juga dapat mengelakkan tatacara pemangkuan Pengerusi oleh Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa pindaan-pindaan kepada Perkara 142 ini adalah bagi menyeragamkan peruntukan-peruntukan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan sama dengan peruntukan-peruntukan Suruhanjaya Pilihanraya. Dengan ini sudah

tentu Suruhanjaya-suruhanjaya dapat berjalan dengan kemas dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 143 ini adalah berikutan dari pindaan di Fasal (2) Perkara 142 di mana Yang di-Pertuan Agong adalah berkuasa menentukan sama ada ahli sesuatu Suruhanjaya itu adalah terbatal dengan sebab yang ditentukan di bawah Perkara 142. Oleh itu perlu dimasukkan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan cadangan pindaan pada Perkara 139 iaitu pembubaran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak maka Perkara 146b dan 146c adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 149 adalah bagi meminda Fasal (1) untuk membolehkan undang-undang dibuat dengan sahnya bagi perampasan harta yang telah dan sedang digunakan di dalam kegiatan subversif yang boleh merosakkan keselamatan negara tanpa menghiraukan Perkara 13.

Peruntukan perampasan harta itu adalah mustahak diadakan bagi menentang perbuatan subversif yang mengancam keselamatan negara. Seperti yang dimaklumi, anasir-anasir subversif menggunakan berbagai-bagai cara bagi mencapai matlamat perjuangan mereka yang dikutuk oleh masyarakat di negara ini yang cintakan keamanan dan demokrasi. Mereka-mereka ini bukan sahaja membazirkan tenaga mereka, tetapi menggunakan segala hartabenda seperti wang ringgit, mesin-mesin cetak dan lain-lain bagi menjalankan kegiatan sia-sia mereka. Oleh itu harta-harta yang digunakan dalam kegiatan-kegiatan subversif mereka tidaklah harus dilepaskan begitu sahaja. Jika dibiarkan sudah tentulah tidak mustahil harta-harta yang sama digunakan bagi mengembangkan kegiatan subversif mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Perkara 150 melibatkan beberapa fasal. Tujuan yang pertama ialah bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong membuat perisytiharan darurat sebelum berlakunya peristiwa sebenar yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Yang kedua ialah bagi membolehkan

Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan perisytiharan-perisytiharan yang berbeza dan selagi perisytiharan tersebut masih berkuatkuasa Yang di-Pertuan Agong boleh membuat Ordinan-ordinan semasa kedua-dua Dewan tidak bersidang dan ordinan-ordinan ini berkuatkuasa sama seperti yang diluluskan oleh Parlimen. Di samping itu cadangan pindaan ini adalah bagi menentukan bahawa sebab-sebab Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat, Perisytiharan Darurat dan kuatkuasanya serta Ordinan-ordinan dan kuatkuasa Ordinan-ordinan tersebut tidak boleh dicabar di mana-mana Mahkamah. Takrif 'sitting' juga dimasukkan di mana takrif 'sitting' bagi Perkara ini ialah semasa Dewan menjalankan urusannya.

Cadangan pindaan kepada Perkara 150 ini adalah bagi memperkemas Perisytiharan Darurat dan Ordinan-ordinan yang dibuat di bawah kuasa ini. Oleh itu walaupun pada dasarnya pindaan-pindaan melibatkan banyak fasal-fasal tetapi dari segi maksudnya adalah tidak banyak berbeza dengan peruntukan yang ada mengenai Perkara ini, iaitu bagi mengadakan satu peruntukan Darurat di dalam Perlembagaan, yang mana ini sangat penting bagi keselamatan dan ketenteraman negara.

Kelemahan yang ada pada Perkara 150 adalah berpandukan kepada pendapat Privy Council semasa memutuskan kes Teh Cheng Poh. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Teh Cheng Poh adalah seorang banduan yang dikenakan hukuman mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang merayu ke Privy Council. Privy Council berpendapat bahawa apabila sahaja Parlimen dipanggil bersidang (sitting) ianya dianggap masih bersidang sehingga masa Parlimen diberhenti (prorogued) atau dibubarkan (dissolved). Oleh itu Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai kuasa membuat Ordinan Darurat sehingga Parlimen diberhentikan atau dibubarkan. Keadaan sedemikian akan menimbulkan kesulitan pada masa Kerajaan perlu mengambil tindakan serta-merta demi keselamatan negara.

Adalah menjadi tugas utama bagi Kerajaan menjamin dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman negara setiap masa. Oleh itu sangatlah perlu bagi Kerajaan diberi kuasa

yang luas bagi mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi maksud untuk mengekalkan keselamatan dan ketenteraman negara. Perisytiharan darurat adalah satu-satunya tindakan yang perlu diambil jika terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa jika tindakan yang berkesan tidak diambil dengan secepat mungkin besar kemungkinan akan berlaku huru-hara di dalam negara yang akan melibatkan pengorbanan nyawa dan kehancuran harta-benda orang-orang yang tidak berdosa. Maklumat-maklumat seperti itu tidaklah bijak dikemukakan di Mahkamah atas sebab-sebab keselamatan. Oleh itu sangatlah penting perisytiharan darurat tidak boleh dicabar di Mahkamah. Di samping itu adalah sangat penting dimasukkan peruntukan yang membolehkan perisytiharan darurat dibuat sebelum terjadinya peristiwa sebenar, kerana kita tidak mahu melihat terjadinya pertumpahan darah dan negara diancam oleh peristiwa-peristiwa sebenar yang tidak dapat dielakkan jika tindakan yang berkesan tidak diambil dengan secepat mungkin.

Dengan pindaan Perkara 150 ini, walaupun Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas di dalam Perisytiharan Darurat tetapi saya penuh yakin yang Baginda dan Kerajaan akan menggunakan kuasa ini sebijak-bijaknya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Seksyen 10 Jadual Kelapan adalah bertujuan bagi menentukan Yang di-Pertua Dewan Negeri juga harus menumpukan sepenuh masa kepada tugas, dengan tidak bergiat di dalam organisasi yang mendapat apa-apa saraan. Keputusan Dewan Negeri adalah muktamad jika timbul sebarang soalan mengenai hilang kelayakan ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum, peruntukan ini adalah selaras dengan sekatan yang dikenakan kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Selain dari sebab-sebab sekatan yang serupa dengan sebab-sebab sekatan kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat tersebut, keputusan ini dibuat adalah memandangkan bahawa kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri telah

mengadakan saraan yang baik Yang di-Pertua Dewan Negeri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Jadual Kesembilan ini adalah bagi memasukkan perkhidmatan bomba negeri-negeri Sabah dan Sarawak di bawah bidangkuasa Persekutuan.

Seperti yang dimaklumi, perkhidmatan bomba di negeri-negeri di Semenanjung telah pun diletakkan di bawah bidangkuasa Persekutuan. Oleh itu pengambilalihan ini adalah selaras dengan langkah-langkah penyatuan seluruh perkhidmatan bomba di bawah bidangkuasa Persekutuan. Dengan adanya penyatuan ini bukan sahaja membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi grant kepada Jabatan-jabatan Bomba di negeri tersebut tetapi juga dapat menyelaraskan latihan-latihan dan lain-lain aspek yang meninggikan kecekapan Jabatan Bomba, dijalankan di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Pindaan Jadual Kesepuluh adalah memperuntukkan supaya pemberian grant mengikut bilangan orang hendaklah berasaskan anggaran pertambahan penduduk tahunan yang dikira dari banci penduduk yang lepas. Di samping itu cadangan pindaan ini juga adalah memberi definasi baru kepada pengiraan panjangnya jalan-jalan negeri, kos purata penyenggaraan jalan, dan taarif penyenggaraan jalan.

Cadangan-cadangan pindaan seperti di atas telah dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Majlis Kewangan Negara di mesyuaratnya pada 22 Februari 1980.

Tujuan pindaan kepada Jadual Kesepuluh adalah bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan memberikan pemberian dalam bentuk Pemberian Mengikut Bilangan Orang dan Pemberian Jalan Negeri yang adil dan lebih besar lagi kepada Negeri-negeri. Dengan mengambilkira ramalan pertambahan penduduk tahunan Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi grant lebih banyak setiap tahun kepada tiap-tiap negeri. Ini berbeza dengan peruntukan yang ada sekarang yang semata-mata berdasarkan banci penduduk yang lepas yang mana banci tersebut diadakan sepuluh tahun sekali.

Begitu juga dengan memberi definasi baru akan tahun asas yang dikira bagi Pemberian Jalan Negeri akan membolehkan negeri-negeri mendapat grant jalan yang lebih besar. Di samping itu adalah lebih adil kepada Negeri-negeri pemberian grant jalan ini dikira sebagai kos purata di negeri tersebut. Dengan ini tidak akan timbul pembahagian yang tidak samarata kepada negeri-negeri yang menghadapi kos pembangunan jalan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Seksyen 42 dan 43 Akta A354 adalah bagi membolehkan perkataan-perkataan yang dipinda itu digunakan dengan tepat. Dengan ini perkataan "Governor" dan "Governors" di Seksyen 42 dipinda dengan perkataan "Yang di-Pertua Negeri" dan "Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri" di mana sahaja perkataan tersebut ujud di dalam Perlembagaan. Begitu juga perkataan "Borneo States", "a Borneo States" dan "each Borneo States" di seksyen 43 dipinda masing-masing dengan perkataan "States of Sabah and Sarawak", "the State of Sabah and Sarawak" dan "each State of Sabah and Sarawak".

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang terbentang di Dewan yang mulia ini, adalah didapati bahawa pindaan Perlembagaan pada kali ini adalah boleh dikatakan besar, yang melibatkan banyak Perkara, Jadual dan Seksyen-seksyen. Dari apa yang telah diterangkan, pindaan-pindaan pada kali ini adalah kepada isu-isu memperkemas pentadbiran yang menyebabkan pindaan Perlembagaan adalah perlu.

Sukalah saya menyatakan bahawa cadangan-cadangan pindaan Perlembagaan ini tidaklah dibuat dengan tergesa-gesa dan sewenang-wenangnya sahaja. Pindaan-pindaan ini telah dikaji dengan teliti dan mendalam dan mengambil masa yang panjang sama ada di peringkat pegawai ataupun peringkat Jumaah Menteri. Akhirnya sukalah saya menegaskan bahawa pindaan-pindaan ini adalah dibuat selaras dengan peredaran masa demi kepentingan dan keselamatan negara, negeri dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan

dibaca kali yang kedua, dan perbahasan di atasnya akan terbuka pada hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 10hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.48 malam.